

Siri 1

**BERITA BAIK KEPADA ORANG TERBUANG
DAN TERTINDAS**

Memulihkan Pelacur

Menebus Penipu

Membela Balu

Mengubah Penjenayah

MEMULIHKAN PELACUR

Pembacaan: Lukas 7.36—8.3

Salah satu ciri Injil Lukas yang paling indah adalah cara ia menggambarkan Kristus sebagai Pembela dan Penyelamat orang terbuang dan tertindas. Dia dipaparkan sebagai Peribadi yang dapat memulihkan kehormatan sejati bagi lelaki dan perempuan. Dahulunya, kehidupan telah merosakkan mereka, atau mereka ditolak bahkan dianiaya oleh masyarakat. Tujuan siri pelajaran ini adalah memeriksa dengan terperinci latar belakang beberapa orang seperti itu yang dipulihkan dan disambut semula oleh Kristus.

Gambaran Kristus sebagai *sahabat pemungut cukai, dan kawan orang berdosa* (Lukas 7.34), selalu dilihat sebagai kemuliaan-Nya yang sangat besar menurut pandangan orang Kristian walaupun pada mulanya, musuh Kristus bertujuan untuk mencemarkan kebolehpercayaan-Nya dengan memberikan gambaran tersebut. Tetapi istilah kedua, *orang berdosa*, merupakan bahasa kiasan apabila kita membandingkan frasa Lukas ini dengan frasa yang sama dalam Injil Matius 21.31, *Pemungut cukai dan pelacur akan menikmati Pemerintahan Allah lebih dahulu daripada kamu*. Sekiranya kita tidak menggunakan bahasa kiasan, melainkan kata-kata jahat yang biasa dan menyebut Kristus sebagai *sahabat pemabuk dan pelacur*, maka frasa itu tidak lagi baik dalam pendengaran orang Kristian pun. Sebenarnya, orang Kristian yang salih mungkin mendapati frasa itu sangat menyinggung perasaan. Pada asalnya, memang frasa itu bertujuan untuk menyinggung perasaan. Frasa itu tidak diucapkan dalam masyarakat yang bersifat terbuka. Orang yang mula-mula menggunakannya bertujuan untuk

mendedahkan perbuatan yang dianggap melanggar tatasusila dan akhlak, lebih-lebih lagi terhadap standard agama yang ketat pada masa itu. Frasa itu merupakan tentangan yang kuat kerana diungkapkan dalam nama Tuhan dan agama yang benar. Mereka berfikir Kristus itu penipu, dan kesangsian mereka menjadi semakin kuat apabila melihat jenis perempuan yang diizinkan-Nya untuk mengikuti-Nya ketika pergi berkhotbah di beberapa tempat.

Misalnya, isteri Khuza, seorang pegawai Herodes. Istana Herodes memang terkenal dengan akhlak yang sangat rendah. Sesiapa saja yang bergaul dengan golongan yang tidak berakhlak itu pasti diragui oleh orang Yahudi yang tegas dalam hal agama. Kemudian keadaan bertambah buruk dengan kehadiran Maria Magdalena, perempuan yang paling hina dalam kalangan orang hina. *Daripadanya diusir tujuh roh jahat*, kata Lukas. Apa pun maksudnya, gambaran itu menyatakan bahawa latar belakangnya sangat jahat sehingga sukar diungkapkan dengan kata-kata lain. Seorang pemuda kakak, pemimpin mazhab agama yang baru dan aneh, dianuti oleh sekumpulan wanita dengan latar belakang yang jijik dan lucu . . . dengan itu anggapan golongan yang tegas dalam agama terhadap mereka itu mudah diramal.

Menurut mereka, kritikan yang dilemparkan memang berasas dan hal itu tidak dapat diketepikan begitu sahaja. Sama seperti dunia kita sekarang, hanya lebih teruk pada masa ini, dunia purba pun biasa dengan kumpulan-kumpulan agama yang menyalahgunakan agama sebagai penutup nipis terhadap perbuatan zina. Sekiranya disoal siasat, mungkin sekali Kristus akan menegaskan bahawa wanita-wanita itu sudah berubah daripada kehidupan jahat. Bagaimanapun, hal inilah yang dipersoalkan oleh orang Farisi. Kemungkinan mereka sama sekali tidak percaya bahawa pertaubatan yang tiba-tiba berlaku telah mengubah wanita-wanita itu sehingga kini mereka layak menjadi rakan seseorang, apatah lagi seorang nabi.

Namun, masih ada perkara yang menghairankan. Dalam khotbah-Nya di khalayak ramai, Yesus yang sama telah menuntut standard moral yang lebih tinggi daripada yang pernah ditetapkan oleh sesiapa pun. Dia juga telah mempersalahkan orang Farisi

dengan terang-terang kerana tidak mengikut standard tersebut. Dia berkata bahawa mereka berpuas hati dengan kehormatan luaran semata-mata, tetapi mereka bersalah kerana pencabulan rohani secara dalaman. *Oleh itu ingatlah bahawa kamu dapat menikmati Pemerintahan Allah, hanya jika kamu lebih setia daripada guru Taurat dan orang Farisi dalam usaha kamu melakukan kehendak Allah . . . Kamu sudah mendengar ajaran seperti berikut: 'Jangan berzina'. Tetapi sekarang Aku berkata kepada kamu: Sesiapa memandang seorang wanita dengan perasaan berahi, orang itu sudah berzina dengan dia di dalam hati* (Matius 5.20, 27-28). Apakah pendapat orang terhadap Yesus ini? Adakah Dia bersungguh-sungguh? Pengajaran-Nya dapat menginsafkan orang yang paling salih pun terhadap dosa. Adakah Dia sendiri tidak berdosa? Adakah Dia seorang nabi? Bagaimana pula dengan beberapa orang yang selalu bersama-sama Dia? Kelakuan mereka meragukan.

Sementara soalan-soalan seperti itu bermain dalam fikiran seorang Farisi bernama Simon, dia menjemput Tuhan kita untuk makan tengah hari dengan dia. Mungkin dia berfikir bahawa perbuahan semasa makan boleh memberi dia peluang untuk menilai Yesus dengan lebih dekat. Lalu pada waktu mereka sedang makan, pintu terbuka dan seorang wanita masuk dengan malu-malu dan terus pergi ke tempat Kristus duduk dengan cara bersandar, menurut budaya timur.

Pada masa itu juga Simon marah. Dia mengenali perempuan itu sebagai seorang yang jahat di pekan itu, dan biasanya orang seperti itu tidak dibenarkan masuk ke dalam rumahnya. Tetapi dia terlalu terkejut melihat perkara yang berlaku seterusnya. Tepat pada bahagian belakang Kristus, perempuan itu duduk di lantai dekat dengan kaki-Nya dan mulai menangis perlahan-lahan. Perempuan itu begitu dekat dengan Kristus sehingga semasa dia menangis, sebahagian air matanya menitis tepat pada kaki Kristus. Oleh sebab berasa malu dia menggenggam rambut panjangnya dan cuba menyapu air mata yang menitis.

Kemudian Simon begitu terkejut lagi apabila perempuan itu mencium kaki Kristus, dan akhirnya mengambil sebuah botol

kecil dan melumuri kaki-Nya dengan minyak. Semuanya berlaku dengan begitu cepat. Sebenarnya, niat pertama Simon adalah menyuruh hamba-hambanya untuk membawa perempuan itu keluar. Tetapi sementara dia mempertimbangkan hal itu, perempuan tersebut sudah memegang kaki Kristus dan Simon mengawal diri kerana benar-benar mengharapkan teguran yang tegas daripada Kristus. Tetapi Kristus tidak berkata apa-apa. Dia juga tidak menunjukkan apa-apa tanda bahawa perkara yang berlaku itu sesuatu yang tidak biasa. Oleh sebab itu, mereka terus makan.

Tetapi kini perbualan sudah mulai terpotong-potong kerana Simon sedang berfikir masak-masak. “Itulah jawapannya,” kata Simon kepada dirinya sendiri, “Orang ini bukan nabi. Sekiranya dia nabi, pasti dia kenal siapa perempuan yang sedang menyentuh dia dan apa perangnya. Perempuan ini memang lucu.” Menurut fikiran Simon, tiada seorang nabi, iaitu orang yang mengaku menjadi penyampai firman Tuhan, akan membenarkan perempuan lucu untuk menyentuh dia. Tuhan memang tidak mengizinkannya.

Pendapat Simon yang terakhir itu memang benar. Firman Tuhan menyatakan dengan tegas bahawa tiada sesuatu pun yang keji dapat masuk ke hadirat Tuhan. *Tetapi orang yang melakukan perbuatan cabul, orang yang mengamalkan ilmu ghaib, orang yang lucu, pembunuh, orang yang menyembah berhala, dan orang yang berdusta baik dengan kata-kata mahupun dengan perbuatan tidak dibenarkan masuk ke dalam kota kekal itu* (Wahyu 22.15). Sekurang-kurangnya, syurga tidak akan menjadi tempat busuk seperti yang berlaku di bumi.

Tetapi ada sesuatu yang menarik dan tidak diketahui dalam pertimbangan Simon. Dia telah menjemput Kristus ke dalam rumahnya tanpa berfikir panjang sama ada rumahnya sendiri cukup bersih dan suci untuk menyambut Kristus, sekiranya Dia benar-benar seorang nabi. Simon menganggap rumahnya cukup bersih dan suci. Dia tidak bermaksud dia tidak berdosa, memang tidak begitu. Tetapi dia berbeza daripada perempuan yang lucu dan tidak senonoh ini. Dosa Simon sendiri . . . sebenarnya, tiada dosa yang sopan . . . tetapi itulah jenis dosa

yang dilakukan oleh orang yang dianggap baik-baik dan sopan . . . menurut pendapatnya, dosanya tidak terlalu jahat sehingga menjadikan rumahnya tidak layak untuk nabi Tuhan yang Maha Kuasa.

KADAR DOSA

Ada Suara yang bercakap di depan meja, dan Simon dikejutkan. *Simon, ada yang hendak Aku katakan kepadamu.* Dia Kristus. *Katakanlah, guru,* jawab Simon. *Ada dua orang lelaki berhutang kepada peminjam wang . . .* (Lukas 7.40-41). Kristus telah memilih perumpamaan itu dengan tepat sekali: dosa bagaikan hutang. Jika seseorang berhutang sebanyak RM5,000,000 dan dia tidak dapat membayarnya, dia bankrap. Jika seseorang berhutang RM5 sahaja dan tidak dapat membayarnya, dia juga bankrap. Mungkin perbandingan jumlah hutang itu terlalu besar, tetapi prinsip bankrap sama sahaja. Sekiranya dosa bagaikan hutang, maka pasti kejahatan orang lucuh sudah mengisytiharkan mereka bankrap berdasarkan undang-undang Tuhan. Bagaimanapun, dosa orang terhormat pun telah menjadikan mereka bankrap.

Memang kita cenderung membahagi-bahagi dosa kepada beberapa kategori . . . walaupun dalam hal ini kemungkinan besar kategori yang dibuat oleh Tuhan sangat berbeza dengan kategori kita. Namun, kita semua tahu apa yang kita maksudkan dengan dosa keji, dan gambaran itu memberikan takrif yang mudah. Bagaimanapun, kita mesti berhati-hati supaya takrif mudah itu tidak membawa kita membuat andaian bahawa dosa ‘tidak-keji’ (kategori yang kita pilih sebagai kategori kebanyakan dosa kita sendiri) itu agak bersih. Dosa bersih tidak ada. Semua dosa adalah kotor. Tentu sekali ada perbezaan antara sepalut jelaga dengan satu tan jelaga, tetapi perbezaannya hanya dalam kuantiti: dari segi kualiti dan ciri, sepalut jelaga sama sahaja dengan satu ton jelaga. Dosa seksual tentu sekali mencemarkan orang sehingga tidak layak di hadapan Tuhan. Tetapi tiada dosa yang tidak mencemarkan orang. Dalam erti kata yang sebenar, semua dosa merupakan pencabulan.

*Ada dua orang lelaki berhutang kepada seorang peminjam wang. Yang seorang berhutang lima ratus keping wang perak dan yang seorang lagi lima puluh keping wang perak. Kristus sedang mengembangkan perumpamaan-Nya. Sekiranya tadi Simon membanding-bandingkan anggaran dosa secara diam-diam, sekarang ternyata giliran Kristus untuk membuat perbandingan. Dua orang peminjam itu sangat berbeza dari segi jumlah hutang mereka, tetapi mereka sama sahaja dalam hal ini: mereka tidak boleh membayar sedikit pun, dan kedua-dua mereka bankrap. Sekarang, Simon kelihatannya diberikan pengajaran yang berguna tentang tidak menghakimi orang lain, seolah-olah perumpamaan itu bermaksud teguran yang wajar, *Janganlah hakimi orang lain, supaya Allah tidak menghakimi kamu juga.* Tetapi pada ketika ini, perumpamaan Kristus menunjuk kepada perkara lain. *Ada dua orang lelaki berhutang kepada seorang peminjam wang. Yang seorang berhutang lima ratus keping wang perak dan yang seorang lagi lima puluh keping wang perak. Kedua-duanya tidak dapat membayar hutang. Oleh itu orang yang meminjamkan wang menghapuskan hutang mereka. Yang manakah akan lebih mengasihi dia?* Simon sudah bersedia dengan jawapannya kerana dia memang pandai membuat perbandingan. Sekiranya anda hanya menumpukan perhatian kepada hutang, maka jelaslah bahawa lebih banyak hutang, lebih beratlah keadaannya. Jika jalan satu-satunya untuk keluar daripada hutang adalah membuat pembayaran seperti amalan yang biasa dalam dunia perniagaan, maka semakin banyak hutang, semakin sukarlah bagi si peminjam dan dia harus bekerja keras untuk melunaskan hutang tersebut.*

Tetapi sekiranya anda memperkenalkan seorang pemberi pinjaman yang sangat berbelas kasihan dan murah hati sehingga dia bersedia untuk mengampunkan semua hutang itu, dan dia menghapuskan semuanya tanpa meminta bayaran sedikit pun, maka jelaslah bahawa semakin banyak hutang seseorang, semakin besarliah kelegaan hatinya apabila hutangnya dihapuskan, dan kesyukurannya kepada si pemberi pinjaman itu juga lebih besar. Simon mengatakan perkara yang sudah jelas. *“Yang manakah akan lebih mengasihi dia?”* Simon menjawab,

“Pada pendapat saya orang yang berhutang lebih banyak!”
(Lukas 7.42-43). Dia menjawab dengan tepat.

KADAR PENGAMPUNAN

Tetapi unsur baru dalam pengiraan itu membuat kita kurang senang. Pengampunan percuma! Pengampunan penuh, terus-terang, percuma, hutang dihapuskan tanpa membayar satu sen pun, pengampunan yang sebenarnya tidak patut diberi atau diterima, tetapi ia diberikan kepada orang yang pada dasarnya tidak mempunyai apa-apa untuk membayar hutang mereka. Namun, analogi itu jelas: sekiranya dosa bagaikan hutang, maka Tuhan ialah Pemberi Pinjaman yang Mengampuni. Hakikat ini sama sekali berbeza dengan andaian Simon sebelumnya. Memang dia percaya pada pengampunan. Mazmurnya, nyanyiannya, kitab sucinya penuh dengan ajaran itu. Dia juga sering memohon pengampunan daripada Tuhan dalam doanya, sementara para imam di Rumah Tuhan mengisytiharkan pengampunan kepada orang yang bertaubat semasa mereka membawa korban persembahan.

Walau bagaimanapun, apa jua teori dan teologi pengampunan, namun dalam amalan sebenar dan pengalaman pengampunan yang diketahuinya, tiada yang sama dengan pengampunan hutang yang diberikan oleh si pemberi pinjaman tersebut. Pengampunan yang diketahui oleh Simon hanya mengampunkan hutang-hutang kecil dalam akaun rohaninya dari semasa ke semasa, tetapi akaun itu tetap wujud. Jauh di dalam lubuk hatinya, dia tahu bahawa akaunnya selalu defisit. Satu sahaja penghiburan yang dirasakannya: jumlah hutangnya, iaitu jurang di antara tuntutan Tuhan dengan ketaatannya tidak sebesar jurang yang dihadapi orang seperti pelacur itu.

Tetapi jurang itu tetap ada, dan pengampunan atas beberapa perkara dari semasa ke semasa tidak dapat menutup jurang tersebut. Setiap hari, dengan usaha dan disiplin yang ketat, dia melakukan semua yang diketahuinya untuk mengecilkan jurang itu. Dengan demikian dia berharap dapat mencapai suatu kedudukan yang sekurang-kurangnya memberi

dia dasar untuk mengharapkan belas kasihan Tuhan. Dengan itu, hutangnya yang sedikit lagi dapat dihapuskan, dan akhirnya dia disambut masuk ke syurga. Namun, selepas bertahun-tahun berusaha dengan gigih, Simon masih belum sampai kepada kedudukan itu. Jurang itu tetap besar seperti dahulu dan tidak mengecil. Ia mula kelihatan . . . Tetapi kemungkinan itu tidak pernah difikirkan oleh Simon. Mungkin kesombongan atau ketakutan menutup mindanya terhadap logik yang tidak menyenangkan: jika tuntutan minima hukum Tuhan adalah kesempurnaan yang tetap, maka berapa pun kadar kesempurnaan yang ada, ia tidak boleh menghapuskan defisit satu dosa. Simon tidak mempunyai apa-apa untuk membayar hutangnya. Maka dalam hal ini dia bankrap seperti pelacur itu.

KADAR KASIH

Tetapi Suara di depan meja masih bercakap: Simon, adakah awak melihat perempuan ini? Memang dia sudah melihatnya. Tetapi sekiranya Kristus ingin mengatakan bahawa perempuan itu tiba-tiba bertaubat, atau 'diselamatkan,' maka Simon tidak bersedia untuk mempercayainya meskipun Kristus yang berkata demikian. Tetapi Kristus tidak mengatakannya, sekurang-kurangnya belum lagi. Dia sedang memperhatikan hal-hal yang berlaku. *Aku datang ke rumahmu dan kamu tidak menyediakan air untuk membersihkan kaki-Ku. Tetapi wanita ini membasuh kaki-Ku dengan air matanya, dan mengeringkannya dengan rambutnya. Kamu tidak menyambut Aku dengan ciuman, tetapi wanita ini tidak henti-henti mencium kaki-Ku sejak Aku tiba. Kamu tidak menyediakan minyak untuk kepala-Ku, tetapi wanita ini telah menuang minyak wangi pada kaki-Ku* (Lukas 7:44-46).

Perbandingan dibuat lagi; tetapi Simon telah memulakannya, dan Simon juga yang menegaskan perkara yang jelas iaitu apabila seseorang diampuni, dia akan mengasihi orang yang mengampuni dia, dan lebih banyak pengampunan yang diterimanya, lebih besarlah kasihnya. Diakui juga bahawa meskipun dia telah menjemput Kristus untuk makan tengah hari, Simon tidak menunjukkan kasih kepada-Nya. Simon tidak

menyatakan apa-apa sambutan yang biasa pada masa itu, sedangkan perempuan itu telah menyatakan kasih dan pengabdian secara peribadi yang sungguh luar biasa terhadap Kristus. Jika kasih membuktikan bahawa pengampunan telah diterima . . . dan tiada kasih yang membuktikan bahawa pengampunan tidak diterima . . .

Dengan logik yang tidak dapat disekat, Suara itu terus berkata: “Berdasarkan bukti ini Aku memberitahu anda bahawa dosa besar perempuan ini, meskipun dosanya banyak, semuanya telah diampunkan . . . mestilah begitu kerana perhatikan betapa besarnya kasih yang ditunjukkannya kepada-Ku.” Kemudian, Kristus berpaling kepada perempuan itu dan mengungkapkan apa yang sudah diberitahukan oleh Roh Kudus di dalam hatinya: *Dosamu sudah diampunkan* (Lukas 7.48).

Bukan hanya Simon seorang melainkan semua orang yang makan tengah hari bersama-samanya telah melihat perkara yang hendak ditonjolkan. Namun, ketidaksempurnaan beberapa terjemahan Inggeris awal (namun diperbaiki oleh versi-versi moden seperti *Jerusalem Bible* dan *New English Bible*) telah menyebabkan beberapa generasi beranggapan bahawa tujuan kata-kata Tuhan itu adalah perempuan tersebut mendapat pengampunan sebagai balasan kasihnya. Akibatnya, mereka cuba menimbulkan perasaan kasih kepada Tuhan dengan berbagai-bagai cara, dengan harapan dapat memaksa Dia mengampuni mereka jika mereka cukup mengasihi-Nya.

Jika tiada alasan lain, maka pengalaman kebanyakan orang seharusnya menyedarkan mereka bahawa seorang peminjam sukar sekali, bahkan agak mustahil, untuk mengasihi si pemberi pinjaman semasa hutangnya belum dibayar dan masih mengancam untuk mendakwa si peminjam. Tetapi selain daripada itu, perumpamaan yang diceritakan oleh Tuhan telah menjelaskan bahawa alasan si peminjam tidak mendapat pengampunan bukan kerana tidak cukup mengasihi si pemberi pinjaman. Si peminjam hanya mulai mengasihi si pemberi pinjaman selepas dia mendapat pengampunan.

PENGAMPUNAN TUHAN

Para tetamu yang makan tengah hari itu mengerti maksud perumpamaan itu dengan serta-merta. Namun, perkara yang memeranjatkan mereka adalah maksud lain dalam kata-kata Kristus. Sama seperti Simon, mereka biasa melihat para imam di Rumah Tuhan mengisytiharkan pengampunan atas kepala mereka apabila mereka membawa korban dan mempersembhkannya—tetapi para imam mengisytiharkan pengampunan dalam nama Tuhan, bukan atas nama sendiri, dan membiarkan keputusan Penghakiman Akhir sebagai sesuatu yang belum pasti. Mereka berasa bahawa Kristus mengaku boleh mengampunkan dosa atas nama-Nya sendiri dan dengan cara muktamad dan yakin. *Siapakah dia ini sehingga dapat mengampunkan dosa?* Kata mereka (Lukas 7.49). Perasaan mereka itu betul. Di sini Kristus bertindak menurut hak muktamad dan peribadi-Nya sebagai Hakim Akhir, sebagaimana yang diungkapkan-Nya sendiri dalam ayat-ayat lain: *Bapa tidak menghakimi sesiapa pun. Dia sudah menyerahkan segala kekuasaan untuk menghakimi orang kepada Anak-Nya. Oleh itu semua orang menghormati Anak sebagaimana mereka menghormati Bapa. Orang yang tidak menghormati Anak, juga tidak menghormati Bapa yang mengutus Anak. Sungguh benar kata-kata-Ku ini: Sesiapa yang mendengar kata-kata-Ku dan percaya kepada Dia yang mengutus Aku, beroleh hidup sejati dan kekal. Dia tidak akan dihukum, melainkan sudah terlepas daripada kematian dan mulai benar-benar hidup* (Yohanes 5.22-24). Dengan berpaling sekali lagi kepada perempuan itu, Dia berkata: *Oleh sebab kamu percaya kepada-Ku, kamu diselamatkan. Pergilah dengan sejahtera!* (Lukas 7.50).

Dengan itu, seorang perempuan yang jatuh dalam dosa telah diselamatkan dan dilayakkan untuk mengiringi Anak Tuhan sendiri. Tetapi bilakah perkara itu berlaku? Kita tidak mengetahuinya. Tidak banyak yang diceritakan mengenai perempuan itu kecuali pernyataan bahawa pada masa Simon menarik perhatian kepadanya, dia telah diampuni. Oleh sebab itu, bantahan Simon kepada sambutan Tuhan kita terhadap

perempuan itu tidak berasas lagi. Perempuan itu seorang yang cabul dahulu, tetapi sekarang dia tidak cabul lagi. Kita hanya dapat meneka masa ketika perubahan itu berlaku. Tetapi kita mengetahui perkara ini, perubahan itu *tidak* dibawa oleh agama yang dianuti Simon. Khutbahnya yang menentang pencabulan memang benar dan sesuai dengan ajaran Alkitab. Ajaran itu perlu. Tetapi agama itu tidak berjaya membawa perubahan dalam hidup perempuan ini. Setelah dia jatuh, agama itu hanya menyebabkan dia semakin cemas. Bagaimana mungkin masa lampaunya dihapuskan, walaupun dia hidup dengan baik-baik seumur hidupnya? Dan jika masa lampaunya tidak dapat dihapuskan, bagaimana mungkin dia dapat kembali kepada masyarakat yang baik-baik? Kalau dia tidak dapat berbuat begitu, apakah jalan lain yang terbuka untuknya di dunia ini untuk mendapatkan nafkah kecuali dengan meneruskan perbuatan dosa? Apabila Simon dan orang seperti dia, melalui khutbah dan kelakuan mereka, menunjukkan bahawa mereka menghina perempuan itu dan menganggap diri mereka sebagai lebih mulia, maka kemungkinan rasa kecewanya menjadi lebih parah dan menyebabkan dia tidak percaya lagi.

Ada beberapa lelaki di pekan itu yang menggunakan perkhidmatan perempuan tersebut. Tiadakah dalam kalangan mereka yang menghadiri rumah ibadat Simon? Tetapi pada suatu hari perempuan itu mendengar seorang pengkhotbah yang berbeza. Dia juga berkhotbah menentang pencabulan, tetapi dengan perbezaan ini—ajaran-Nya juga merangkumi pengunjung rumah ibadat dan menyebut mereka sebagai bankrap secara moral di hadapan Tuhan. Tetapi pengkhotbah itu juga berkata bahawa Tuhan bersedia untuk menerima, menyambut, dan sungguh-sungguh mengampuni semua orang yang datang dengan pertaubatan sejati—bahawa Dia, sebagai Tuhan, mempunyai kuasa di dunia ini dan pada masa ini untuk menyambut orang seperti itu seadanya mereka, untuk mengampuni, menyucikan, dan memurnikan mereka, serta menerima mereka ke dalam persekutuan peribadi dengan Tuhan. Atas terma-terma itu, Dia memanggil orang berdosa untuk ‘datang kepada-Nya,’ dan dengan kesederhanaan perempuan tersebut, dia telah menyambut

panggilan Tuhan. Perempuan itu telah datang, dan memberanikan diri untuk menghadapi penghinaan, ejekan, dan kemarahan daripada hampir setiap orang di meja itu. Tetapi sebaik sahaja perempuan itu datang, dia tahu bahawa kata-kata Yesus itu benar. Dia telah diampuni dan diterima, dan tanpa mempedulikan persekitarannya dia telah meluahkan kelegaan dan sukacitanya. Kesyukurannya adalah bukti yang serta-merta terhadap pengampunan yang dirasakannya. Tetapi perkara yang berlaku adalah lebih daripada itu. Pada tahun-tahun berikutnya, hal itulah yang menjadi kuasa pendorong dalam hidupnya yang sudah berubah. Dalam ayat-ayat penutup, Lukas mengingatkan kita bahawa ada banyak wanita seperti perempuan itu, daripada berbagai-bagai latar belakang. Kesyukuran mereka tidak hanya dinyatakan melalui air mata. Mereka benar-benar diubah sehingga menjadi pengikut dan hamba Kristus yang praktikal, bekerja keras dan suci.

SOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Kristus kelihatan sebagai Peribadi yang bagaimanakah di dalam bahagian ini?
2. Mengapakah Kristus tidak tertarik pada perbuatan baik dan kebenaran diri Simon?
3. Bagaimanakah kita tahu bahawa perempuan itu sudah diampuni?
4. Apakah yang dinyatakan oleh kisah ini tentang orang berdosa?
5. Apakah sikap Kristus terhadap dosa kita?
Adakah Dia menawarkan pengampunan kepada kita pada hari ini?

2

MENEBUS PENIPU

Pembacaan: Lukas 5.27-32; 7.34; 18.9-14; 19.1-10

Pegawai pemeriksa cukai pendapatan jarang menjadi orang yang disukai ramai. Biasanya, mereka menjadi sasaran jenaka sindiran. Kadangkala, apabila kita mendapat penyata cukai pendapatan, ia menjadi suatu kebencian. Tetapi pada masa-masa kita merasa lebih tenang, kita menyedari bahawa mereka orang terhormat yang menjalankan tugas yang perlu, meskipun tidak disukai ramai.

Bagaimanapun, pemungut cukai di Palestin purba lain sama sekali. Pertama-tama, dia memungut cukai yang dikenakan oleh penguasa Roma yang dibenci. Kerja ini menjadikan dia seolah-olah pembelot pada pandangan umum orang Yahudi. Sementara pada haluan kanan ekstrem—yang benci terhadap penjajahan Roma atas bangsa dan juga atas agama—dia dipandang sebagai orang yang berpaling tadah dan pengkhianat.

Kedua, percubaan yang terkandung dalam cara Roma mengurus pemungutan cukai sering kali menjadikan pemungut cukai seorang penipu. Orang Roma sendiri tidak pernah memungut cukai. Mereka memajakkannya kepada para peniaga. Sesiapa yang membeli hak untuk memungut cukai adalah bebas mendapatkan seberapa banyak bagi dirinya sendiri, asalkan dia memberi jumlah yang ditetapkan untuk kawasanya kepada pihak penguasa Roma. Lagipun, sekiranya dia mahu, dia boleh memajakkannya semula kepada sub-kontraktor dengan harga yang menguntungkan dia. Sub-kontraktor itu pula boleh mendapatkan wang banyak daripada rakyat untuk diri mereka sendiri. Ramai dalam kalangan pemungut cukai itu tidak berbelas kasihan langsung dan menjadi orang yang kaya raya.

Itulah sebabnya orang Yahudi menganggap semua

pemungut cukai sebagai orang yang sangat jahat, dan guru-guru agama menghalang mereka datang ke rumah ibadat. Apabila ada sebilangan pemungut cukai yang bertaubat kerana khutbah Yohanes Pembaptis, Yohanes memberi mereka amaran. Mereka tiada harapan untuk diterima sebagai ikhlas, kecuali mereka berhenti dengan serta-merta dan untuk selama-lamanya daripada pemerasan keji yang sangat tidak adil (Lukas 3.12-13).

Oleh itu, apabila Kristus sering didapati bergaul dengan pemungut cukai, orang Farisi sangat tersinggung. Mereka tidak terlalu bersemangat terhadap tugas penginjilan dalam bentuk apa pun, tetapi jika Kristus ingin menginjil, ramai lagi orang miskin terhormat yang boleh dijangkau. Mengapa pula Dia selalu tidak mempedulikan perasaan orang baik-baik dan bergaul secara terbuka dengan pemungut cukai yang jahat dan keji? Bagi orang Farisi, tindakan seperti itu bermakna membiarkan jenayah berlaku dan bersubahat dengan pelaku jenayah yang terang-terang—cara yang amat mudah untuk mendapatkan sokongan.

Sebenarnya, Kristus memilih seorang pemungut cukai yang bernama Lewi (juga dipanggil Matius), sebagai salah seorang dua belas pengikut-Nya yang khas. Kemudian Lewi mengadakan suatu jamuan besar di rumahnya dan menjemput Kristus serta beberapa orang pemungut cukai (5.27-32). Menurut pendapat orang Farisi, usaha berkhotbah kepada pemungut cukai adalah sia-sia. Tindakan menghadiri jamuan bersama dengan mereka merupakan kelakuan yang sangat dipersoalkan. *Mengapa kamu makan dan minum bersama-sama pemungut cukai dan orang yang dihina masyarakat?* (Lukas 5.30) Mereka menuntut jawapan daripada para pengikut Yesus dengan kritikan bercampur kebencian, serta perasaan hairan dan marah.

ORANG BERDOSA MEMERLUKAN PENYELAMAT

Orang pada hari ini masih berasa seperti itu. Mudah saja menggelar mereka sebagai ‘pemisah’ (erti nama *Farisi*). Pandangan terbuka pun akan menghina pemikiran mereka yang sempit, tetapi lebih baik kita cuba memahami perasaan mereka.

Orang yang melihat sendiri kesusahan seluruh keluarga kerana kemabukan, tidak akan bersetuju dengan tindakan pengkhotbah yang masuk pub walaupun dengan maksud memberitakan Injil di tempat itu. Perasaan mereka sekurang-kurangnya harus difahami. Bagi mereka, berkhotbah di dalam pub bagaikan memberi ceramah tentang budaya Yahudi di kemahanan kepada pegawai tentera yang menjaga tempat penyimpanan gas. Ada satu lagi contoh keadaan ini. Anggota gereja yang terhormat secara sosial mungkin membantah jika penagih dadah dan penuntut yang tercicir dibawa ke gereja oleh pekerja gereja yang bersemangat. Mereka mungkin membantah kerana keadaan orang itu kotor dan tidak mandi, dan pakaian pun bertentangan dengan keinginan mereka (bau pun busuk). Tetapi selain itu, ibu bapa yang hadir pun amat takut jangan-jangan penuntut yang tercicir itu tidak akan dipulihkan, sebaliknya mempengaruhi kaum belia mereka sendiri dengan penampilan yang sama dan diperdaya untuk mengambil dadah.

Lagipun, anggota gereja mungkin merasa bahawa jika gereja mereka dikenali di kejiranan sebagai tempat di mana berbagai-bagai orang yang tidak baik datang berkumpul, maka orang baik-baik yang belum Kristian tidak akan datang dekat-dekat dengan tempat itu, walaupun dia merasa perlu untuk mendapatkan pertolongan rohani. Terdapat beberapa dosa yang terang-terang anti-sosial sehingga mana-mana masyarakat beragama pun berasa perlu untuk mengucilkan anggotanya secara terang-terang jika anggota itu terlibat dalam dosa seperti itu. Sekiranya tidak bertindak, maka orang awam akan hilang kepercayaan terhadap gereja.

Dengan sebab itulah orang Farisi tidak membenarkan pemungut cukai menghadiri rumah ibadat orang Yahudi. Itulah juga sebabnya gereja-gereja Kristian disuruh oleh Rasul Paulus untuk mengucil sesiapa yang mengaku sebagai orang Kristian tetapi terlibat dalam dosa anti-sosial (1 Korintus 5.1-13). Disiplin seperti ini tidak menghalang kemajuan Injil di dunia. Sebaliknya, ketiadaan disiplin seumpama ini telah menghindari kemajuannya. Sepanjang sejarah, gereja mendapat nama buruk kerana dianggap hampir sama dengan golongan penguasa yang

menindas orang miskin, dan menerima lelaki yang dikenali cabul sebagai anggota gereja.

HIDUP BARU

Oleh itu, amatlah penting untuk melihat perkara yang tidak dilakukan oleh Kristus dalam hal seperti ini. Walaupun Dia berkawan dengan pemungut cukai dan pelacur, Dia tidak pernah melanggar disiplin rumah ibadat dengan membawa bersama golongan pemungut cukai ke dalam upacara ibadat yang dijalankan di rumah ibadat. Dia juga tidak cuba menganjurkan kebaktian khas di Rumah Tuhan untuk pelacur atau orang yang terlibat dalam adegan lucah, seperti yang dilakukan oleh beberapa pekerja gereja moden.

Lewi, salah seorang rasul-Nya, memang seorang pemungut cukai sebelum dia menjadi Kristian tetapi kemudian dia berhenti kerja. Apabila Kristus memanggil Lewi, dia sedang duduk di tempat dia memungut cukai dengan memeras keuntungan yang banyak. Tetapi dia meninggalkan tempat itu dan tidak lagi kembali apabila dia mengambil keputusan untuk mengikut Kristus dan menyahut panggilan-Nya. Kristus tidak bersetuju dengan pendapat bahawa cara mendapatkan wang tidak menjadi soal asal sahaja sebahagian wang itu digunakan untuk menyokong gereja Kristian. Selepas Lewi bertaubat, dia mengadakan jamuan agar ramai di kalangan bekas rakan sekerjanya dalam perniagaan cukai boleh bertemu dengan Kristus. Setiap pemungut cukai di rumah itu tahu—pada penghujung jamuan atau mungkin pada permulaan—dengan tepat apa tujuan Lewi dan Kristus. Matlamat mereka adalah menyelamatkan pemungut cukai, menghentikan cinta mereka akan wang, dan menghentikan amalan memeras sampai selamlamanya.

Dengan tujuan menyelamatkan serta mengeluarkan golongan itu daripada kebinasaan, Kristus rela bertemu dengan mereka dan makan serta minum dengan mereka. Namun, tindakan seperti itu pun tidak disetujui oleh orang Farisi. Jawapan Kristus kepada bantahan mereka sangat bijak dan penuh

ilham. *Orang sihat tidak memerlukan doktor, hanya orang sakit. Aku datang bukan untuk memanggil orang yang menganggap diri mereka baik, tetapi orang yang berdosa supaya mereka bertaubat daripada dosa* (Lukas 5.31-32). Dosa ditakrifkan sebagai jijik. Ada beberapa jenis yang sangat mudah berjangkit, dan ada orang berdosa yang sangat jahat dan berperangai busuk. Tetapi Kristus datang untuk menyelamatkan orang berdosa.

Doktor apakah Dia sekiranya Dia tidak mahu mendekati orang sakit? Misalnya, orang yang menghidap penyakit meningitis. Pada satu pihak, tindakan tidak mengasingkan dia merupakan kemurahan hati yang tidak betul. Tindakan membenarkan siapa sahaja untuk melawat dia pun perbuatan salah di sisi undang-undang. Pada pihak lain pula, sekiranya doktor dan jururawat menjauhkan diri daripadanya, orang itu akan mati. Bukan setiap orang Kristian dipanggil atau matang secara rohani untuk menjadi penginjil kepada setiap jenis orang berdosa. Tetapi orang yang menghidap penyakit dosa yang paling jijik pun masih manusia. Orang itu dikasihi oleh Tuhan dan tidak dianggap sebagai orang yang tiada harapan. Seseorang mesti pergi duduk di tempat mereka duduk dan mencari mereka, serta membawa Injil kepada mereka.

Sebenarnya, orang-orang jenis ini lebih besar kemungkinan untuk menyambut Injil berbanding orang baik-baik yang sering menghadiri gereja. Inilah maksud Tuhan kita dalam ayat-ayat yang merujuk kepada pemungut cukai di dalam Injil Lukas: *Orang ramai termasuk para pemungut cukai mendengar Yesus mengatakan hal itu. Merekalah yang mentaati perintah Allah dan mahu dibaptis oleh Yohanes. Tetapi orang Farisi dan guru Taurat tidak mahu menerima apa yang dikehendaki oleh Allah bagi diri mereka, dan tidak mahu dibaptis oleh Yohanes* (Lukas 7.29-30).

Tuhan memberitakan jalan untuk mempersiapkan diri mereka bagi Kedatangan Kristus melalui Yohanes Pembaptis. Manusia perlu bertaubat, mengakui ketidaklayakan mereka dan pengakuan ini harus dinyatakan oleh baptisan air. Pemungut cukai mudah mengakui bahawa tuntutan Tuhan itu adil. Mereka tahu bahawa mereka orang berdosa. Tetapi orang Farisi berasa

terkilan dan dihina. Orang Farisi bersedia mengaku suatu kesilapan di sini dan satu atau dua dosa yang dibuat sekali-sekala. Tetapi Yohanes mendesak bahawa meskipun mereka mengamalkan disiplin keagamaan, mereka masih tidak layak. Mereka terkejut dengan pernyataan bahawa mereka memerlukan penyelamatan. Pernyataan ini dianggap keterlaluan dan tidak kena pada tempatnya. Orang Farisi menganggap diri mereka jujur dan berusaha mengabdikan diri untuk mematuhi hukum Tuhan. Mungkin mereka gagal sedikit tetapi dengan tidak sengaja. Bagi mereka, anggapan bahawa mereka gagal secara moral dan desakan supaya mereka dibaptis menurut syarat yang sama dengan pemungut cukai adalah melampau.

Oleh itu, mereka mengambil keputusan bahawa Yohanes dirasuk roh jahat dan tidak seimbang secara emosi. Mereka tidak mahu menerima baptisannya. Tetapi menurut Kristus, apa yang ditolak oleh mereka adalah ajaran Tuhan. Menurut standard kesempurnaan Kristus, orang Farisi gagal mencapainya. Lagipun, dengan menolak ajaran Tuhan, mereka menambahkan pemberontakan kepada kegagalan mereka. Mereka juga menyatakan bahawa hati yang beragama—kecuali pertaubatan—merupakan permusuhan dengan Tuhan, sama seperti orang yang tidak beragama (lihat Roma 8.6-8). Sebenarnya, mereka dalam keadaan bahaya secara rohani lebih daripada pemungut cukai. Disiplin agama mereka menutupi hakikat bahawa mereka mengikut kehendak sendiri dan tidak mentaati Tuhan, sama seperti orang yang kehendak sendiri dinyatakan oleh perbuatan jenayah.

SUATU PERUMPAMAAN

Inilah bahaya yang selalu ada dalam diri orang yang cenderung kepada hal-hal agama. Dengan itu, Tuhan kita menceritakan Perumpamaan seorang Farisi dan seorang Pemungut Cukai untuk melawan kecenderungan ini (Lukas 18.9-14). Sekilas pandang, perumpamaan ini kelihatannya sangat mengejutkan: ia seolah-olah menganggap kehidupan jahat itu menguntungkan—pemungut cukai itu *pulang ke rumah . . .*

diterima oleh Allah (Lukas 18.14)—menghina serta melemahkan semangat untuk berusaha secara moral—*dan bukan orang Farisi itu*. Tetapi memang perumpamaan itu tidak bermaksud untuk mengurangkan nilai perbuatan baik, melainkan menghentikan penyalahgunaan perbuatan baik. Perumpamaan itu diceritakan kepada *orang yang menghina orang lain, tetapi menganggap diri mereka baik* (Lukas 18.9).

Dua kejahatan menanti dalam sikap orang seumpama itu. Pertama, mereka percaya kepada diri mereka sendiri dan perbuatan baik mereka. Bahkan mereka datang kepada Tuhan dan mengharapkan-Nya untuk menyambut mereka berdasarkan perbuatan dan pencapaian mereka. Kedua, mereka menghina orang lain yang tidak setaraf dengan mereka dari segi pencapaian. Dengarlah orang Farisi yang berdoa: *Aku bersyukur kepada-Mu, ya Allah, kerana aku tidak seperti orang lain yang tamak, suka menipu atau berzina. Aku bersyukur kerana aku tidak seperti pemungut cukai ini. Aku berpuasa dua kali seminggu dan aku mempersembahkan sepersepuluh daripada segala pendapatanku* (Lukas 18.11-12).

Bagi seorang atlet yang akan menyertai perlumbaan 1,000 meter, sikap seperti itu mungkin boleh difahami. Potong bahagian yang menyombongkan diri, dan ucapannya mungkin boleh diterima. Sekiranya atlet itu sudah berlatih dengan bersungguh-sungguh dan pada kemuncak kebolehannya, sedangkan pesaingnya tidak berlatih meelainkan merokok dan mabuk, lambat tidur, berat badan yang berlebihan, dan tiada persiapan langsung. Maka atlet itu tidak jujur sekiranya dia berkata tidak yakin pada kemampuannya untuk mengalahkan pesaingnya dan menang dalam perlumbaan. Apabila ia berkaitan dengan kerja yang seharusnya dilakukan oleh orang Kristian sejati untuk Tuhan, Paulus menggesa kita untuk mengikut sikap atlet yang berlatih. Pahala abadi tersedia untuk dimenangi oleh orang yang mempunyai disiplin ketat dan tekun berusaha, tetapi kelalaian membuat kita tidak layak dalam pelayanan (1 Korintus 9.24-27).

PAHALA ATAU PEMBERIAN?

Pahala untuk pekerjaan yang baik, walaupun penting dan abadi, masih tergolong dalam kategori yang lain daripada penyelamatan dan penerimaan Tuhan (lihat 1 Korintus 3.10-15, dengan perhatian khusus pada ayat 15). Tuhan menyambut kita tetapi tidak berdasarkan pekerjaan kita. Penyelamatan yang diterima bukan seperti perlumbaan di mana pelumba yang terbaik sahaja yang mendapat hadiah pertama. Usaha kita yang paling baik pun masih tidak mencapai standard kesempurnaan Tuhan. Tuhan pun tidak pernah berpura-pura bahawa usaha kita cukup baik untuk melayakkan kita diterima oleh-Nya. Sebaliknya, perkara yang tidak dapat dicapai oleh sesiapapun telah diberikan-Nya kepada semua yang menghendaknya: penerimaan Ilahi dan penyelamatan sebagai hadiah, yang diberikan dengan syarat pertaubatan dan iman sahaja.

Dengarlah doa pemungut cukai dan komen Kristus terhadapnya: *Tetapi pemungut cukai itu berdiri agak jauh dan tidak berani menengadah ke langit. Dia menebah dada sambil berkata, Ya Allah, kasihanilah hamba, orang berdosa ini! . . . Percayalah, apabila mereka pulang ke rumah, pemungut cukailah yang diterima oleh Allah dan bukan orang Farisi itu. Setiap orang yang meninggikan diri akan direndahkan dan setiap orang yang merendahkan diri akan ditinggikan* (Lukas 18.13-14). Jika orang yang baik-baik hanya boleh mendapat membenaran berdasarkan pertaubatan dan iman kerana anugerah Tuhan semata-mata, maka dia tidak lebih baik daripada orang yang paling jahat. Orang tersebut tidak mempunyai dasar untuk menghina orang jahat atau menyombongkan diri. Dia akan berhenti mempercayai dirinya sebagai orang benar. Sebaliknya, dia akan belajar bersikap seperti Abraham yang *telah percaya kepada Allah, dan kerana kepercayaannya dia diterima oleh Allah sebagai orang yang sudah berbaik semula dengan Allah* (Roma 4.3-5).

Bagaimanapun, pada peringkat ini kebanyakan orang berhadapan dengan masalah yang hampir membuatnya mustahil bagi mereka untuk menerima doktrin tersebut. Doktrin itu

menyatakan bahawa seorang manusia dapat diselamatkan melalui iman, dan Taurat tidak diperlu sebagaimana yang dijelaskan oleh Paulus (Roma 3.28). Masalahnya adalah ini: Penyelamatan jiwa manusia tidak berdasar pada ketaatan hukum Tuhan, dan manusia mendapat penyelamatan sebagai hadiah. Manusia juga mengetahui sendiri bahawa dia telah diterima oleh Tuhan, dan dia yakin bahawa Tuhan tidak akan pernah menolak dia. Oleh itu, hujahnya adalah manusia akan menganggap mudah anugerah Tuhan lalu menjalani hidup dengan berbuat dosa tanpa berasa risau akan akibatnya. Rupanya, masalah inilah yang sering digunakan oleh orang yang mendengar khutbahnya untuk melawan dia. Paulus menjawab soalan ini dalam Suratnya kepada jemaah di Roma (6.1-4). Tetapi rakan seperjalanannya, Lukas, boleh menolong kita untuk mengerti persoalan ini jika kita mengkaji satu lagi cerita mengenai seorang pemungut cukai dan Kristus.

Zakheus bukan hanya seorang pemungut cukai, dia ketua pemungut cukai di satu kawasan. Dengan itu, dia juga seorang yang tidak berbelas kasihan, dan dia kaya raya. Orang tiada jalan untuk mengelak tuntutan cukai yang sangat tinggi daripadanya, tetapi mereka memberitahunya pandangan mereka terhadap dia dengan terus-terang. Semua orang membencinya. Dia dihalang daripada memasuki rumah ibadat, dan orang biasa tidak mahu bergaul dengan dia. Oleh itu, apabila Kristus menjemput dirinya sendiri untuk makan petang di rumah Zakheus pada suatu hari, orang ramai bersungut-sungut kerana tidak bersetuju. Mereka berasa bahawa tindakan menyambut orang seperti itu secara sosial akan membuat Zakheus berfikir bahawa kelakuannya yang jahat dan kejam itu boleh diterima. Lalu dia akan didorong untuk terus melakukannya.

Tetapi orang ramai sangat hairan kerana belum pun Kristus melangkah dua langkah untuk pergi ke rumah Zakheus, suatu mukjizat berlaku. Zakheus tiba-tiba berhenti dan berkata, *Guru, saya akan mendermakan separuh daripada harta saya kepada orang miskin. Sesiapa sahaja yang pernah saya tipu, akan saya bayar kembali empat kali ganda!* (Lukas 19.8). Dia telah ditegur dan dipulaukan secara sosial selama bertahun-tahun,

tetapi semua itu tidak berkesan kepadanya. Namun, penerimaan Kristus akan dia memberi kesan dalam beberapa minit sahaja. Bagaimanakah perkara itu dilakukan?

PERBUATAN BAIK

Kita tidak dapat mengetahui segala sesuatu yang berlaku dalam hati orang itu, tetapi Lukas telah memberi kita beberapa petunjuk yang nyata. Pertama, walaupun Kristus telah menerima dia seadanya, Kristus tidak menyambutnya tanpa bukti pertaubatan. Apabila Kristus berjumpa dengan dia, Zakheus sedang berada di atas pokok, suatu tempat yang sangat aneh. Kristus yang mengenal hati Zakheus tahu pasti sebabnya dia berada dalam kedudukan yang ganjil itu: dia mahu melihat Yesus. Semua usahanya untuk mendapatkan wang dan kuasanya atas orang lain, gagal memuaskan hatinya. Kini dia berusaha untuk melihat Yesus (Lukas 19.3). Tentu sekali dia telah mendengar tentang pengajaran Kristus mengenai etika dan jauh di dalam lubuk hatinya, dia tahu bahawa ajaran itu benar. Tetapi kini dia ingin melihat keperibadian Yesus.

Zakheus seorang yang pendek. Itulah sebabnya dia berada di atas pokok supaya dia dapat melihat di atas semua orang. Tetapi dia merupakan orang kecil dalam hal-hal lain, kerana dia berseronok memeras cukai daripada orang miskin yang sangat susah mendapatkan nafkah hidup. Kemungkinan juga, sejak muda lagi dia telah berasa rendah diri dan merasa ditolak kerana dia sangat pendek. Mungkin keadaan ini mendorong dia untuk cuba membuktikan 'kebesarannya.' Dia mengumpulkan banyak wang dengan separa sedar bahawa apabila dia menjadi kaya raya, orang akan menghormati dia. Sebenarnya, hal ini hanya menyebabkan mereka menghina dia dan tidak ingin bergaul dengan dia. Namun, dia semakin merasa ditolak. Lalu hal ini membuat dia berusaha lebih lagi untuk mendapatkan lebih banyak kekayaan. Dia menunjukkan kekuatannya dengan memperlakukan orang dengan kejam dan menuntut lebih banyak cukai daripada mereka. Pada masa yang sama, dia memenuhi rumahnya dengan perabot mewah yang direka untuk membuat

orang kagum dan cemburu dengan kekayaannya.

Ia merupakan lingkaran yang kejam dan tidak berkesudahan. Bagaimanakah caranya memutuskan lingkaran itu? Bukan dengan ajaran etika semata-mata—Zakheus sudah tahu bahawa kelakuannya salah, tetapi dia sendiri tidak dapat keluar daripadanya. Dia didorong oleh keinginan yang tidak difahami dan tidak dapat dikawal. Pemuluan secara sosial membuat keinginan seperti itu lebih kuat. Selepas Kristus mengenal keinginan Zakheus untuk melihat Yesus, Dia nampak permulaan kecil untuk bertaubat. Ia bagaikan bunyi embek kambing biri-biri yang tersangkut dalam semak dan tidak tahu jalan keluar. Lalu Kristus memutuskan semua ikatan yang menghalang dengan menyambut orang itu seadanya dia, dan mengakui penerimaan itu secara umum dengan memanggilnya turun dari pokok. Kemudian Kristus mengumumkan bahawa Dia mahu singgah di rumahnya.

Akhirnya, Zakheus telah mendapat anugerah Tuhan yang tidak diperolehi dengan usaha sendiri yang sesat selama bertahun-tahun—rasa diterima bukan sahaja oleh manusia tetapi oleh peringat yang tertinggi, iaitu Pencipta sendiri.

Apakah kesannya dengan Zakheus? Lebih banyak pemerasan dan memperlambat anugerah Tuhan dengan tidak berkesudahan? Tidak. Dia berhenti perbuatan memerasnya dengan serta-merta dan mengumumkan suatu program kedermawanan yang hebat, bukan cubaan untuk memujuk Kristus untuk menerima dia, tetapi kerana Kristus *sudah* menerima dia. *Pada hari ini Allah telah menyelamatkan kamu dan keluargamu, kerana kamu juga keturunan Abraham* (Lukas 19.9).

Untuk memahami maksud kata-kata Kristus itu, seseorang perlu membaca semua tulisan Paulus dan Yakobus, yang menerangkan bagaimana membenaran Abraham oleh iman membawa kepada perbuatan seumpama itu, yang menunjukkan bahawa imannya sejati. Tetapi hal ini akan menjadi suatu kajian yang lama. Oleh itu, di sini marilah kita memuaskannya dengan contoh daripada salah seorang yang amat mengagumi Abraham, iaitu Paulus sendiri. Sebelum dia bertaubat, semasa dia masih

berpendapat bahwa penyelamatan bergantung pada usaha sendiri dan ketaatan pada hukum Tuhan, Paulus merupakan orang yang sangat kuat pendirian dengan kepercayaan sendiri (bigot), dan dipenuhi kebencian dan kesombongan yang amat sangat. Apabila dia mengetahui bahwa penyelamatan tidak bergantung pada usahanya, melainkan oleh anugerah Tuhan semata-mata, dia berhenti daripada menganiaya, dan dia juga mengatasi pendirian Yahudinya yang eksklusif. Dia mula memeluk seluruh dunia orang bukan Yahudi dalam kasihnya, dan tanpa memikirkan keselesaan, karier, kedudukan sosial, dan akhirnya nyawa, dia mengabdikan diri kepada pelayanan sesamanya. Dia berbuat demikian melalui hidupnya dan perkhabaran kasih yang telah mengubah sejarah Eropah dan sebenarnya dunia sejak masa itu.

SOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Siapakah orang “baik-baik” pada masa itu dan masa sekarang?
2. Apakah hasil penyambutan Lewi akan Kristus?
3. Siapakah yang sangat memerlukan Kristus, orang Farisi atau pemungut cukai? Mengapa Dia pergi ke tempat pemungut cukai?
4. Apakah yang dikatakan oleh perumpamaan tentang orang Farisi dan pemungut cukai mengenai perbuatan baik?
5. Apakah perbezaan antara pahala perbuatan yang dilakukan dalam hidup ini dan penyelamatan?
6. Apakah yang dikatakan oleh Kristus kepada Zakheus yang mengubah hidupnya tetapi gagal dilakukan oleh khutbah bertahun-tahun?

3

MEMBELA BALU

Pembacaan: Lukas 2.36-38; 4.25-26;
Lukas 7.11-17; 18.1-8; 20.45—21.4

Lukas sangat memperhatikan balu. Dalam tulisannya, kita bertemu dengan lebih banyak balu daripada mana-mana kitab di dalam Perjanjian Baru atau Perjanjian Lama. Hana, seorang nabi perempuan, dan perempuan yang memberikan makanan kepada Elia di Zarfath, serta ibu dari kampung Nain yang sedang dalam perjalanan untuk menguburkan anak lelaki tunggalnya, dan juga perempuan yang merayu untuk dibicarakan semula dalam perumpamaan Hakim Yang Tidak Adil, semua perempuan itu balu. Hanya Lukas, satu-satunya Penginjil satu yang menyebut tentang mereka. Pada masa yang sama, dia juga menyebut apa yang dicatat oleh Penginjil yang lain—pengecaman Tuhan kita terhadap guru-guru agama kerana memeras wang daripada balu atas alasan keagamaan, dan pujiannya terhadap seorang balu yang memasukkan dua keping wang syiling ke dalam peti persembahan Rumah Tuhan, meskipun wang itu sahaja yang menjadi nafkah hidupnya.

Kesan umum yang disampaikan oleh gambaran Lukas tentang balu, bukan kesedihan kerana kehilangan suami—sekiranya perkara itu dijadikan alasan maka suami yang kehilangan isteri atau bapa yang kehilangan anak pun seharusnya dikasihani juga—tetapi ciri seorang balu yang paling menarik perhatian dalam dunia purba adalah: keadaan balu yang tidak berdaya dan tidak dibela selepas suaminya meninggal. Pada zaman purba, balu tidak berpencen dan tiada bantuan kebajikan. Keadaan yang lebih menyedihkan adalah ketiadaan pekerjaan untuk balu, atau ketiadaan karier yang sesuai secara sosial. Oleh

sebab itu, kecuali dia mempunyai sumber yang mencukupi, maka untuk meneruskan hidup pun menjadi masalah yang tidak berakhir baginya. Kesukarannya tentu sekali dapat diringkaskan sekiranya dia mempunyai anak lelaki yang sudah dewasa atau saudara lelaki yang lain, kerana mereka harus mengambil alih tanggungjawab terhadap dia. Tetapi jika dia 'seorang balu yang benar-benar seorang sendiri,' menurut frasa Perjanjian Baru (1 Timotius 5.5), iaitu sekiranya dia tidak mempunyai saudara lelaki yang boleh menanggung dia, maka kehidupannya amatlah susah.

Walaupun dia mungkin mempunyai sedikit pendapatan sendiri, harta benda, atau perniagaan, dia sering menjadi mangsa penipu dan peniaga yang jahat dan tidak berprinsip, yang merompak dan menipu dia. Dia boleh juga merayu kepada hakim tempatan untuk melindungi dan menuntut bela bagi pihaknya: tetapi sering kali hakim itu tidak peduli dan enggan menolongnya, ataupun dia diberi rasuah oleh peniaga yang terlibat dan dengan itu tidak bersedia untuk membela balu tersebut.

Agama memberikan penghiburan kepada balu dan mereka memang tidak dihina. Orang salih dan yang takut akan Tuhan, terutamanya di kalangan orang Israel, menganggap bantuan kepada balu itu sebagai salah satu tanggungjawab agama yang sangat penting. Sebaliknya, pihak penguasa dalam bentuk guru agama, sering menuntut cukai Rumah Tuhan dan beberapa bayaran agama daripada balu, sedangkan balu tidak mampu membayarnya.

Kehidupan balu memang sukar dan bukan sesuatu yang diingini. Oleh itu, tidak hairanlah apabila ramai balu yang didorong oleh keperluannya dan ketidakmampuannya untuk lebih bergantung kepada Tuhan, dan melihat kegunaan doa itu dengan lebih bersungguh-sungguh berbanding kebanyakan kita. Dalam kalangan orang Yahudi dan orang Kristian, ada beberapa orang balu yang mengabdikan seluruh hidup mereka kepada doa, dan rupanya nafkah hidup mereka ditanggung oleh masyarakat. Hana, nabi perempuan itu, seperti yang diceritakan oleh Lukas, *tidak pernah meninggalkan Rumah Tuhan. Siang malam dia beribadat kepada Allah dengan berdoa dan berpuasa* (Lukas

2.37), sementara Paulus, ketika memberi petunjuk untuk menanggung biaya para balu (1 Timotius 5.3-10), mentakrifkan “balu yang benar-benar seorang diri” sebagai orang yang *siang malam beribadat kepada Allah dengan berdoa dan berpuasa*.

KESEDARAN SOSIAL

Daripada pemerhatian yang terakhir, jelas bahawa perhatian Lukas terhadap balu tidak bermaksud bahawa dia sahaja antara orang Kristian awal yang mempunyai kesedaran sosial. Dia sendiri mencatat bahawa salah satu tugas sosial yang pertama sekali dilaksanakan oleh gereja awal di Yerusalem adalah penjagaan harian dan nafkah berterusan bagi balu (Kisah Rasul 6.1-6). Lagipun, kesedaran sosial ini telah diwarisi oleh orang Kristian daripada agama Yahudi dan Perjanjian Lama. Kod purba kitab Ulangan menunjukkan keprihatinan yang amat berperikemanusiaan terhadap orang yang miskin dan lemah pada umumnya, dan terhadap balu secara khusus. Ayub, salah seorang bapa kaum ketika membela kejujuran hidupnya, menyenaraikan bahawa sebahagian sifatnya yang mulia adalah memastikan supaya tiada seorang balu yang kecewa ketika meminta pertolongan daripadanya (Ayub 31.16). Apabila nabi Perjanjian Lama mempersalahkan bangsa kerana kejahatan mereka, seperti yang sering dilakukan dan menyenaraikan dosa besar mereka, maka perbuatan yang tidak mempedulikan serta menindas balu pada umumnya ditonjolkan dalam senarai tersebut (lihat misalnya, Yesaya 1.23).

Kini keprihatinan terhadap balu, meskipun masih berhubung kait, dianggap oleh Perjanjian Lama sebagai perhatian khas bagi para penguasa dan hakim. Ayat yang berikut sebenarnya merupakan kecaman terhadap pemerintah atas dosa politik dan sosial: *Pemimpinmu pemberontak dan sahabat pencuri. Mereka sentiasa menerima hadiah dan rasuah. Mereka tidak membela anak yatim piatu ataupun mendengar aduan para balu*.

Kedahsyatan dosa mereka ditambah lagi dengan hakikat bahawa di Israel pemerintah dan kehakiman dianggap sebagai

wakil Tuhan. Cara mereka melaksanakan keadilan seharusnya menggambarkan sifat Tuhan dan suatu pernyataan akan pemerintahan-Nya. Apabila kitab Ulangan, kod hukum mereka, ingin memberikan contoh sifat Tuhan yang tidak dapat ditandingi dan pemerintahan-Nya yang saksama dan adil, ia pertama sekali menyebut keprihatinan Tuhan terhadap balu: *TUHAN, Allah kamu itu berkuasa atas semua tuhan lain dan semua kekuasaan. Dia agung dan berkuasa, dan Dia harus ditaati. Dia tidak berat sebelah dan tidak menerima rasuah. Dia memastikan agar anak yatim piatu dan balu diperlakukan dengan adil. Dia mengasihi orang asing yang tinggal bersama dengan bangsa kita; Dia memberi mereka makanan dan pakaian. . .* (Ul 10.17-18).

Demikian juga, apabila raja dan hakim di Israel tidak memperhatikan balu, bahkan mengambil rasuah daripada orang yang jahat dan kejam agar tidak berlaku adil kepada balu yang diadili di mahkamah mereka, maka kelakuan mereka bukan hanya menjadi skandal sosial, tetapi penampilan yang menghina Tuhan.

Tetapi di sini kita harus berhenti sejenak dan memastikan supaya kita faham dengan jelas apa maksud Perjanjian Lama apabila ia menyebut Tuhan sebagai “menegakkan keadilan bagi pihak balu.” Menurut pemahaman kita, mungkin frasa ini memberikan suatu gambaran mahkamah di mana balu datang sebagai defendan untuk menjawab perlakuan salahnya. Tetapi gambaran itu sama sekali berbeza dengan erti frasa itu. Sebaliknya, ia menggambarkan mahkamah di mana balu datang sebagai plaintif untuk merayu keadilan terhadap orang yang telah menipu dan menindasnya. Peluang untuk datang di hadapan pelaksana keadilan ilahi memenuhi fikirannya, oleh itu dia tidak berasa susah atau takut, melainkan dipenuhi pengharapan dan sukacita. Pengadilan yang akan datang bukan suatu ancaman melainkan berita baik yang benar-benar. Hanya Tuhan yang rela bertindak bagi pihaknya. Lalu keputusan dan penguatkuasaan daripada Tuhan akan mengakhiri semua kesusahannya, dan hak serta miliknya akan dikembalikan kepadanya. Harta milik itu dahulunya dikebas oleh jiran, peniaga, pedagang yang kejam dan jahat, dan mungkin juga oleh pemerintah.

Perkara yang penting bukan pembalasan dendam terhadap musuhnya atau keinginan melihat mereka dihukum, tetapi untuk mendapatkan semula harta benda atau hak miliknya, atau menghentikan penindasan dan penderitaan yang dipikulnya selama ini. Balu dalam kalangan bangsa Yahudi, daripada satu generasi kepada generasi yang lain, digesa untuk menghiburkan diri dengan kepercayaan bahawa Tuhan ialah Tuhan yang melaksanakan penghakiman bagi pihak balu. Bukan hanya balu: semua orang yang mempedulikan keadilan dan kejujuran, dan melihat balu serta orang lain ditipu atau ditindas oleh orang yang kuat dan kejam, namun mereka sendiri tidak berkuasa untuk campur tangan dan menghentikan ketidakadilan, akan dapat menghiburkan diri mereka dengan harapan bahawa suatu hari kelak Tuhan akan campur tangan.

BILAKAH ADA PENGHAKIMAN?

Tetapi jika Tuhan ialah Tuhan yang menjalankan penghakiman bagi balu dan orang yang tertindas, bilakah dan bagaimanakah Dia menjalankan penghakiman? Memang bukan setiap hari pada setiap minggu. Para nabi sangat menitikberatkan bahawa Tuhan memperhatikan balu. Kecaman mereka atas penindas membuktikan bahawa penindas seperti itu sangat berleluasa pada zaman mereka. Penindas pula berjaya menjalankan perniagaan jahat mereka tanpa campur tangan daripada Yang Maha Kuasa.

Bagi para nabi, campur tangan Tuhan dilihat daripada dua jenis keadaan. Keadaan yang pertama merupakan bencana besar dalam kehidupan bangsa. Misalnya, Yehezkiel menegaskan bahawa kekalahan, penghinaan, dan pembuangan bangsa di bawah kuasa orang Babel adalah hukuman Tuhan atas bangsa itu. Dan terutamanya atas para pemimpin politik dan agama kerana penindasan mereka terhadap orang miskin dan balu (Yehezkiel 22.23-31). Zakharia bukan hanya bersetuju dengan itu tetapi dia memberikan amaran kepada bangsanya bahawa sekiranya mereka gagal belajar daripada pembuangan yang berlaku, Tuhan akan membawa kekalahan dan pembuangan yang lebih teruk atas

mereka.

Kedadaan yang lain lagi adalah Kedatangan Mesias. Misalnya, pada zaman Maleakhi, bangsa kurang yakin dengan kebenaran tentang Tuhan yang pernah atau akan campur tangan: *Di manakah Allah yang dianggap adil itu?* (Maleakhi 2.17) Tanya mereka dengan sinis. Jawapan Maleakhi mula-mula berupa nubuat tentang kedatangan dia yang menyediakan jalan bagi Mesias: *Aku akan mengirim utusan-Ku untuk menyediakan jalan bagi-Ku* (Maleakhi 3.1) dan kemudian satu nubuat lagi tentang Kedatangan Mesias untuk menyucikan bangsa: TUHAN Yang Maha Kuasa berfirman, *“Aku akan datang untuk menghakimi kamu. Aku akan segera menjadi saksi untuk menentang tukang-tukang sihir, orang yang berzina, orang yang memberikan kesaksian palsu, orang yang berlaku curang dalam hal memberikan gaji kepada pekerja, orang yang menindas balu, yatim piatu dan orang bangsa asing, serta terhadap semua orang yang tidak menghormati Aku”* (Maleakhi 3.5).

Selama berabad-abad, selepas nubuat Maleakhi disampaikan, orang yang lemah dan balu meletakkan iman mereka pada Kedatangan Mesias. Bukan hanya balu: seluruh bangsa—apabila mereka kehilangan kemerdekaan politik dan ditindas oleh bangsa-bangsa lain yang kuat dan kadangkala dianiaya kerana iman—merasa seperti seorang balu, dan menanti serta mendoakan Kedatangan Mesias untuk melepaskan mereka daripada penindas.

Oleh itu, memang ada kepentingannya apabila Maria dan Yusuf membawa Tuhan kita ke dalam Rumah Tuhan semasa dia masih bayi. Nabi Hana yang bercakap kepada orang yang berdiri di sekelilingnya tentang bayi itu, ialah seorang balu. Dalam hidupnya sendiri, dia telah mengalami kesunyian sebagai balu, dan keadaan itu telah menjadikan dia seorang wanita yang terus-menerus menanti akan Tuhan. Tetapi sementara dia berdoa, fikirannya bukan semata-mata tertumpu kepada keperluannya secara peribadi: *dia menantikan masanya Allah membebaskan Yerusalem* (Lukas 2.38) bagi Kedatangan Mesias untuk membebaskan bangsanya daripada kekuasaan penindas. Dia mengenali Yesus sebagai Mesias, lalu dia berkata-kata mengenai

Dia kepada semua orang yang seperti dia, iaitu orang-orang yang sedang menantikan penebusan yang dijanjikan.

Tiga puluh tahun kemudian, apabila Yohanes Pembaptis muncul dan mengumumkan dirinya sebagai orang yang menyediakan jalan seperti nubuat Maleakhi, dan menunjuk Yesus sebagai Mesias yang datang untuk menghakimi umat-Nya, harapan mulai naik dalam kalangan orang beriman. Setelah masa yang begitu lama berlalu, kini balu dan semua orang yang ditindas akan dibela. Bagaimanapun, Kristus seolah-olah menghancurkan harapan mereka. Mereka mengharapkan kerajaan Tuhan itu muncul dengan serta-merta, dan untuk membetulkan andaian mereka yang salah, Yesus menceritakan satu perumpamaan: *Seorang bangsawan pergi ke negeri yang jauh untuk dilantik menjadi raja, dan kemudian dia akan kembali* (Lukas 19.11-27). Maksudnya jelas: Pertama-tama, Dia harus pergi dan hanya selepas Dia kembali, barulah Dia mulakan kerja penghakiman dan membela orang yang tertindas.

Dia juga menceritakan perumpamaan seorang Balu dan seorang Hakim (Lukas 18.1-8). Perumpamaan ini mendorong para pengikut-Nya bahawa akhirnya, Tuhan akan membela orang pilihan-Nya yang berseru kepada-Nya siang dan malam. Namun, ia juga memberikan amaran kepada mereka bahawa Tuhan tidak akan melakukannya dengan serta-merta. Dia bersabar terhadap mereka sehingga apabila Anak Manusia kembali, orang hampir putus harap bahawa penghakiman akan berlaku.

Tidak hairanlah bahawa di sini kita menyentuh tentang suatu masalah yang menjadi ujian iman yang paling berat. Jika memang ada Tuhan yang memperhatikan keadilan, mengapa pula Dia membiarkan kejahatan berlaku tanpa sekatan apa-apa? Jika Yesus Kristus benar-benar Anak-Nya, mengapa Dia tidak memenuhi janji yang diberikan oleh para nabi dan membela orang yang tertindas semasa Dia berada di bumi dahulu? Perjanjian Baru menjanjikan bahawa Dia akan datang lagi dan menghakimi dunia. Tetapi seribu sembilan ratus tahun sudah berlalu dan janji itu belum ditunaikan. Sementara itu, untuk tidak pergi lebih jauh daripada bangsa Yahudi, dalam kesunyian keadaannya seperti seorang balu, dia telah menanggung

penganiayaan dan penindasan yang amat dahsyat, dan sering kali ini dilakukan oleh orang yang mengaku sebagai pengikut Kristus. Bagaimana mungkin kita dapat mempercayai janji itu?

PERTIMBANGAN MORAL

Berikut ini cukup menjadi masalah: mari kita cuba memberikan beberapa jawapan. Pertama, jika Tuhan yang mempedulikan keadilan itu wujud, mengapa Dia tidak campur tangan apabila seorang balu ditipu dengan menyingkirkan penipu itu, atau lebih baik lagi, menyingkirkan atau menghalang si penipu sebelum dia dapat melakukan penipuan? Dengan cara itu, orang tidak berbuat dosa. Perkara ini mungkin boleh, tetapi jika demikian, orang beriman pun tiada. Jika begitu keadaannya, manusia tidak wujud lagi. Perbezaan antara manusia dan binatang adalah manusia tidak melakukan sesuatu hanya kerana dorongan naluri: manusia mempunyai pertimbangan moral.

Cara untuk mengembangkan moral sejati secara peribadi adalah memberikan tanggungjawab dan pilihan bebas kepada seseorang untuk menjalankan tanggungjawab tersebut. Misalnya, jika saya tahu ada seribu paun wang di dalam kotak-wang tuan saya yang terletak di atas meja, dan jika saya mencuri kotak itu, dengan mudah saya boleh melakukannya. Namun, saya mempunyai pilihan sama ada mencurinya atau tidak. Oleh itu, saya mempunyai keputusan moral yang harus dibuat. Tetapi sekiranya saya tahu bahawa kotak itu disambung kepada kuasa elektrik yang boleh membunuh, maka keputusan saya untuk tidak mencuri bukan lagi suatu keputusan moral. Saya tidak mempunyai pilihan dalam hal itu. Kemungkinan saya seorang pencuri besar di dunia, tetapi jika saya tidak mahu membunuh diri, saya tidak boleh menyentuh pun kotak itu.

Cuba terapkan keadaan itu kepada setiap dosa yang mungkin dilakukan dan kepada setiap orang di dunia. Sekiranya kita tahu bahawa pada saat kita melakukan perbuatan salah atau meniru sikap yang salah, kita akan dihalang oleh sambaran kilat hukuman Tuhan, maka mungkin kita boleh mengelak daripada berbuat dosa. Bagaimanapun, keadaan itu tidak membuktikan

bahawa kita manusia bermoral yang sejati. Sebenarnya, kita sama sahaja dengan anjing Pavlovia yang mempunyai tindak balas biasa.

Sekali lagi, jika kita mengembangkan moral ke peringkat yang lebih tinggi, kita mesti diberi tanggungjawab dan dibenarkan untuk melaksanakannya. Tuhan mengasihi anak-anak, tetapi Dia sendiri secara peribadi tidak melaksanakan pengasuhan dan pendidikan setiap anak. Tanggungjawab itu telah diberi kepada ibu bapa dan guru-guru. Tetapi jika pada kali pertama seorang ibu atau bapa atau guru gagal mengasihi anaknya, atau mungkin berbuat sesuatu dosa, lalu ibu atau bapa atau guru tersebut dihalang oleh hukuman Tuhan, berapa banyak ibu/bapa atau guru yang dapat bertahan sehingga hujung minggu pertama perantisan mereka? Hakikatnya, tiada lagi ibu/bapa atau guru yang tinggal. Semua itu berlaku juga untuk hakim dan ahli politik, ahli perniagaan, dan kepada kita semua.

Jika halnya demikian, kita perlu mengubah sudut pandangan kita untuk seketika. Setakat ini kita telah berbincang tentang balu dan penindas mereka. Memang pun kita ingin menyamakan diri dengan balu, orang yang menjadi mangsa dan bukan dengan penindas. Mungkin juga benar bahawa kita telah menjadi mangsa yang ditindas dengan teruk. Tetapi selagi sudut pandangan ini sahaja yang kita ada, kita akan mendapatinya sukar sekali untuk memahami sebabnya Tuhan tidak menghukum orang berdosa pada saat mereka melakukan dosa. Tetapi marilah melihat juga bahawa selain menjadi mangsa dosa orang lain, kita sendiri pun pernah berdosa terhadap orang lain. Dengan itu kita juga harus menyamakan diri dengan penindas dan bukan dengan orang yang ditindas. Dengan demikian, kita tidak akan terlalu ingin tahu sebabnya Tuhan tidak menghukum penindas dengan serta-merta, melainkan bertanya sama ada penindas boleh dilepaskan. Bolehkah mereka diselamatkan daripada kekejaman, dorongan jahat, dan kepentingan diri yang memesongkan mereka serta menyebabkan mereka berdosa?

PEMBEBASAN UNTUK PENINDAS

Jawapan untuk soalan ini adalah YA. Jawapan ini dihuraikan dengan begitu indah oleh Kristus dalam khutbah yang disampaikan-Nya di dalam rumah ibadat di kampung halaman-Nya di Nasaret (Lukas 4.16-30). Ada bahagian yang ditulis oleh Nabi Yesaya (61.1-2) yang berbunyi demikian: *Kuasa TUHAN Raja ada padaku, Dia telah memilih aku dan mengutus aku untuk mengkhabarkan berita baik kepada orang miskin, untuk memulihkan orang yang hancur hati, untuk mengumumkan kemerdekaan kepada orang tawanan, dan pembebasan kepada orang di dalam penjara. Dia telah mengutus aku untuk mengisytiharkan ketibaan masa bagi TUHAN untuk menyelamatkan umat-Nya, dan mengalahkan musuh-musuh mereka. Dia telah mengutus aku untuk menghiburkan orang yang berduka, Dia telah mengutus aku untuk mengisytiharkan ketibaan masa bagi TUHAN untuk menyelamatkan umat-Nya, dan mengalahkan musuh-musuh mereka.* Ini adalah nubuat tentang apa yang akan dilakukan oleh Mesias apabila Dia datang. Sekali pandang ia kelihatan seperti program pembebasan yang indah untuk orang yang tertindas itu akan dicapai apabila Mesias melaksanakan hukuman Tuhan atas penindas.

Kini semasa di rumah ibadat, Kristus membaca bahagian ini, tetapi apabila Dia sampai kepada frasa *masa bagi TUHAN untuk menyelamatkan umat-Nya*, (Lukas 4.19) Dia membaca frasa, lalu berhenti, dan tanpa membaca frasa seterusnya, *dan mengalahkan musuh-musuh mereka*, (Yesaya 61.2) Dia menutup buku dan berkata, *Pada hari ini ayat-ayat Alkitab ini sudah berlaku pada masa kamu mendengarnya* (Lukas 4.21).

Ia merupakan isyarat yang dramatik. Tanpa ragu lagi, Dia mengaku diri-Nya sebagai Mesias. Menurut pengakuan-Nya, Dia datang untuk membebaskan orang yang tertindas dan membebaskan orang tawanan. Tetapi pada masa yang sama, dan dengan tegas Dia mengisytiharkan bahawa pada peringkat ini Dia tidak menjatuhkan hukuman Tuhan atas penindas. Namun, bukan bermaksud bahawa Dia tidak percaya pada pelaksanaan hukuman. Pada masa yang lain (lihat misalnya, Luk 17.22-37; 21.5-36) Dia

bercakap dengan bersungguh-sungguh tentang hukuman sejagat yang berlaku serentak dengan Kedatangan-Nya yang Kedua kali.

Tetapi pada Kedatangan Kristus yang Pertama kali, Dia sangat ingin membebaskan penindas sama seperti keinginan-Nya untuk membebaskan orang yang tertindas. Orang seperti pemungut cukai sudah tentu menindas dan menipu balu di daerah mereka. Tetapi mereka berbuat demikian kerana mereka sendiri diperhambakan oleh nafsu dan keinginan yang mereka tidak dapat kawal. Saul dari Tarsis memburu orang sehingga mereka masuk penjara, kerana dia sendiri dipenjarakan di dalam penjara yang lebih jahat, iaitu kefanatikan agama. Dengan kedatangan hari bagi Tuhan untuk menghukum, ini mungkin membebaskan satu golongan orang tahanan, tetapi mengakibatkan golongan lain tidak ada harapan untuk dibebaskan sampai selama-lamanya.

Lagipun, apabila belas kasihan untuk balu telah diperhitungkan semuanya, mesti diakui bahawa balu pun bukan orang yang tidak berdosa. Dosa mereka, meskipun kurang menggemparkan, tetap memenjarakan mereka sebagaimana pemungut cukai dipenjarakan. Oleh itu, perkara yang terbaik bagi balu juga adalah Kristus tidak mendatangkan Hari Penghakiman dengan serta-merta.

Bagaimanapun, kedatangan Hari Penghakiman yang tidak datang segera, pasti menguji iman orang yang seharusnya menanggung kebencian dan ketidakadilan. Unsur yang paling pahit dalam penderitaan mereka mungkin juga perasaan ragu-ragu sama ada Tuhan yang mempedulikan keadilan itu benar-benar wujud, atau penderitaan mereka itu hanya akibat yang sia-sia daripada alam semesta yang mementingkan kebendaan dan bebas daripada landasan akhlak. Kristus memberikan banyak penerangan dalam Perumpamaan Balu dan Hakim yang Tidak Adil. Tetapi pengujian iman ini bukan kegagalan. Ia bukan juga akibat yang aneh tentang tekad Tuhan untuk menyelamatkan orang berdosa sebanyak mungkin. Hal ini tidak dapat dielakkan. Jika kita mempercayai Petrus (1 Ptr 1.6-9), pengujian iman ini adalah proses yang perlu untuk menguatkan iman sehingga membolehkan orang beriman menikmati dengan semaksimanya warisan yang tersedia baginya pada masa akan datang.

IMAN PERLU

Bagaimanapun, masih ada pertanyaan yang paling utama. Penjelasan yang telah diberikan mungkin meyakinkan tentang sebabnya Tuhan tidak campur tangan dengan serta-merta untuk membalas dendam bagi pihak balu dan menghapuskan penindasan. Tetapi bagaimanakah kita sendiri pasti bahawa semua itu benar dan bukan percubaan semata-mata untuk memberikan rasional kepada angan-angan kita? Lukas memberitahu kita bahawa inilah pertanyaan yang paling utama dalam fikiran orang di Nasaret sementara mereka mendengar Kristus di rumah ibadat. Mereka sudah mendengar tentang mukjizat yang dilakukan-Nya di Kapernaum, tetapi mereka merasa bahawa mereka masih memerlukan lebih banyak bukti sebelum mereka percaya kepada-Nya.

Tetapi Dia tidak mahu melakukan mukjizat di hadapan mereka. Sebaliknya, Dia memetik suatu peristiwa daripada Perjanjian Lama: *Dengarkan kata-kata-Ku: Memang ada banyak balu di Israel pada zaman Nabi Elia. Pada masa itu musim kemarau berlanjutan, kerana hujan tidak turun selama tiga tahun setengah sehingga bencana kebuluran yang dahsyat berlaku di negeri itu. Tetapi Allah tidak menyuruh Elia pergi kepada salah seorang balu itu. Dia disuruh pergi kepada seorang balu yang tinggal di Sarafat di daerah Sidon (Luk 4.25-26).*

Perkara itu membuat mereka marah. Pertama, kerana hal itu menyentuh kesombongan mereka. Ia mengingatkan mereka bahawa meskipun mereka keturunan Abraham yang setia, kadangkala mereka lebih sukar percaya kepada nabi-nabi mereka berbanding bangsa lain. Kedua, kerana mereka merasa permohonan untuk mendapatkan lebih banyak bukti berbentuk mukjizat jasmani adalah masuk akal. Kristus hanya mengelak apabila Dia menolak permintaan mereka.

Tetapi sebenarnya, Kristus tidak mengelak. Mukjizat jasmani tentu sekali menyediakan bukti *prima facie* bahawa Dia Seorang yang istimewa. Tetapi jika sekadar mengulangi bukti

seperti itu, ia tidak akan mengukuhkan bukti muktamad. Apa yang diperlukan adalah bukti lain. Dia mengaku diri-Nya sebagai Mesias agar dapat membebaskan orang daripada diperhamba oleh kebiasaan jahat, kerumitan, dan dosa. Mukjizat yang dilakukan-Nya pada jasmani membuktikan bahawa dakwaan-Nya harus diambil kira dengan serius. Tetapi untuk orang perseorangan, bukti muktamad bahawa Kristus boleh memberikan pembebasan seperti itu hanya berlaku apabila orang itu sendiri menyerahkan diri kepada Kristus dan mengizinkan Kristus melakukan pembebasan dalam dirinya. Di sini, tindakan iman untuk menyerahkan diri kepada Kristus harus berlaku sebelum dia mendapatkan bukti muktamad bahawa yang dikatakan oleh Kristus itu benar. Tetapi orang di Nasaret tidak bersedia untuk mengambil langkah iman tersebut. Mengapa tidak?

Kisah balu dari Sidon boleh menjelaskan masalah itu. Apabila dia bertemu dengan Elia, makanannya hanya cukup untuk satu kali makan, dan selepas itu dia akan berbaring dan mati. Elia memberitahu balu itu bahawa jika dia menyediakan makanan untuk Elia dahulu, maka secara mukjizat Tuhan akan membekali dia dengan makanan yang cukup sehingga masa kebuluran berakhir. Ini merupakan ujian yang berat. Sekiranya balu itu mempercayai Elia, tetapi akhirnya Elia ternyata penipu, maka balu itu telah kehilangan makanan terakhirnya dan maut akan segera meragut nyawanya. Apakah yang membuat dia menyerahkan segala sesuatu hanya berdasarkan kata-kata Elia?

Kenyataannya, perkara itu lebih mudah baginya daripada yang disangka. Dia seorang balu dan tidak mempunyai sumber apa-apa yang lain. Sekiranya dia tidak mempercayai Elia dan menyimpan makanan untuk dirinya sendiri, makanan itu sangat sedikit dan maut masih menghampirinya. Sebaliknya, jika dia memberikan makanan itu kepada Elia, dan Elia ternyata penipu, balu itu tidak kehilangan banyak. Maut masih meragut nyawanya beberapa jam lebih cepat, tetapi itu sahaja. Tetapi jika dia berani mempercayai Elia dan dia ternyata benar, maka balu itu terselamat. Dia tidak mengalami kerugian apa-apa melainkan mendapat manfaat belaka.

Bagaimanapun, sekiranya dia bukan seorang balu—jika

makanannya tidak terlalu sedikit, mungkin satu bakul penuh dan bukan hanya segenggam, kemungkinan besar dia lebih bersandar kepada bekalannya sendiri. Mungkin dia akan berharap agar bekalannya itu cukup untuknya sehingga kebuluran berakhir. Oleh itu, mungkin dia tidak berani mengambil langkah iman dan tidak memberi Elia apa-apa kerana dia sendiri bergantung pada bekalannya yang hanya tinggal sedikit.

MASALAH DENGAN DIRI SENDIRI

Demikian juga halnya dengan orang Nasaret. Mukjizat berbentuk jasmani yang dilakukan oleh Kristus telah memberikan bukti bahawa Dia sekurang-kurangnya seorang nabi. Mereka mengetahui perkara itu dan mereka tidak boleh menafikannya. Tetapi lain halnya apabila Dia mendakwa bahawa Dia datang sebagai Mesias untuk membebaskan orang daripada sikap dan kebiasaan mereka yang berdosa. Mereka tiada bukti dalam hidup mereka bahawa Kristus boleh melakukan hal itu, kecuali mereka bersedia untuk menyerahkan diri kepada-Nya dan mengizinkan Dia untuk melakukan pekerjaan-Nya dalam hidup mereka.

Mereka tidak bersedia untuk mengambil langkah iman ini. Mereka tidak melihat keperluan yang segera dan mendesak. Mereka berakhlak dan jujur serta pintar secara rohani. Dunia bermasalah kerana orang lain. Jika secara mukjizat Kristus dapat melancarkan beberapa kejutan dan menghapuskan semua pemungut cukai yang bersalah, jika dengan kuasa mukjizat Dia dapat mengusir orang Roma yang dibenci dan memberikan kebebasan politik kepada mereka, jika Dia sentiasa mengulangi mukjizat-Nya untuk memperbanyak roti dan ikan—maka sememangnya, mereka akan mengisytiharkan Dia sebagai Mesias politik.

Namun, keterlaluan juga jika mendesak bahawa sikap dan perbuatan mereka yang berdosa itu adalah faktor penyumbang kepada masalah dunia. Mereka tidak terlalu jahat. Mereka bukan balu rohani yang tidak pintar. Mereka sendiri boleh mengurus kehidupan mereka dengan baik. Mungkin benar bahawa mereka terlalu berjaya dalam tugas mereka setakat ini. Tetapi anda tidak

boleh selalu risau sama ada sikap dan perbuatan anda terhadap orang lain itu adalah mementingkan diri dan berdosa atau tidak. Hidup di dunia memang sukar dan anda harus mengejar tempat yang pertama. Lagipun, siapakah Dia yang mencadangkan bahawa mereka perlu diselamatkan?

Mereka mengamuk, bangkit, dan mengusir Dia dari rumah ibadat mereka, lalu cuba menjatuhkan dia dari lereng bukit yang curam. Tindak balas mereka yang ganas mengandaikan bahawa Kristus telah menyentuh dengan tepat penyebab rasa bersalah mereka yang tersembunyi. Kemungkinan kemarahan yang biasanya dinyatakan dengan kata-kata yang mempersalahkan orang Roma, pemungut cukai, penipu, dan penindas sebenarnya dikobarkan oleh api hati nurani yang tidak tenteram selama ini. Api tersebut telah menyala dengan perlahan-lahan dan menyatakan bahawa mereka sendiri pun bersalah. Rasa malu dan takut telah berusaha menutup suara hati yang merasa bersalah. Mereka telah berusaha untuk menggantikan ketidakselesaian itu dengan pengabdian yang keterlaluan terhadap upacara agama seperti upacara pembasuhan tangan dan perayaan hari-hari suci. Tetapi kini Kristus menyatakan bahawa meskipun mereka sangat taat, mereka masih perlu diselamatkan. Perkara inilah yang menikam hati nurani mereka dan membuatnya meletup. Memang menghairankan apabila melihat orang bertindak dengan ganas setelah diberitahu bahawa mereka perlu diselamatkan. Tetapi mungkinkah Lukas melihat kita semasa dia menulis cerita itu?

SOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Mengapakah Tuhan seolah-olah tidak menghalang kejahatan daripada berlaku?
2. Apakah maksudnya kita berkata bahawa Kristus datang untuk membebaskan penindas dan juga yang ditindas?
3. Adakah kemungkinan kita semua pun penindas?
4. Apakah pelajaran utama daripada cerita balu di Sidon?
5. Mengapakah para pendengar Kristus mengusir-Nya dari rumah ibadat orang Yahudi?
6. Bahagian manakah dalam cerita ini yang dapat diterapkan pada kehidupan moden?

4

MENGUBAH PENJENAYAH

Pembacaan: Lukas 23.39-43

Cerita tentang Pencuri Di Kayu Salib diketahui ramai. Memang seharusnya. Cerita itu menggambarkan betapa besarnya pengampunan yang diberikan oleh Tuhan. Cerita yang lain tidak dapat menggambarkan hal ini. Selepas menjalani kehidupan jenayah yang menjijikkan, pada saat-saat terakhir seorang penjenayah profesional, memang pada saat yang terakhir sekali, dia bertaubat dan percaya kepada Kristus. Lalu Kristus mengampuni dia dengan serta-merta dan sepenuhnya.

Hal ini menyatakan juga kesan penyelamatan Tuhan yang amat besar dan mengagumkan. Sebaik sahaja penjenayah itu bertaubat dan percaya kepada Kristus, Kristus bukan hanya mengampuni dia tetapi meyakinkan dia bahawa pada hari itu juga dia akan bersama-sama Kristus di Firdaus. Tiada penantian yang lama untuk kelakuan orang itu dimurnikan. Jelas bahawa di bumi tiada lagi peluang bagi disiplin kehidupan untuk membentuk dan memurnikan orang tersebut. Itulah hari terakhirnya. Menjelang malam, dia sudah mati dan dikebumikan. Tetapi kata-kata Penyelamat sangat jelas bahawa tiada lagi tempoh yang lama selepas kematian untuk memurnikannya supaya dia layak untuk diperkenalkan di hadirat Penyelamat. *Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus,* (Lukas 23.43) kata Kristus.

Hari ini—tidak ditangguhkan lagi.

Bersama-sama Aku—tidak jauh.

Di Firdaus—tiada lagi kesakitan atau kesengsaraan. Cerita ini terkenal, dan juga disukai ramai. Memang sepatutnya begitu.

PERTAUBATAN

Bagaimanapun, tujuan kajian singkat ini adalah mula-mula untuk melihat kesungguhan pertaubatan penjenayah itu, dan kemudian menjejaki langkah-langkah yang membawa dia kepada pertaubatan dan iman. Pertama, perhatikan pengakuannya yang tidak bersyarat: *Hukuman kita berdua memang setimpal dengan perbuatan kita, tetapi orang ini tidak bersalah!* (Lukas 23.41). Dia berbeza dengan rakan penjenayahnya. Dia tidak lagi berteriak atau memujuk untuk dibebaskan daripada hukuman yang sementara kerana jenayahnya. Dia juga tidak cuba mengemukakan alasan atau membangkitkan simpati. Dengan tidak menahan apa-apa lagi, dia mengakui kesalahannya dan menerima hakikat bahawa dia dihukum dengan adil.

Kedua, perhatikan syarat penyerahannya: *Ya Yesus, ingatlah akan saya, apabila Tuan menjadi Raja!* (Lukas 23.42). Memang menarik kerana dia tidak membuat permohonan khusus untuk diampuni, meskipun hal itu tersirat dalam permintaannya. Rayuan khususnya adalah untuk sesuatu yang lebih positif. Rahab, pelacur itu, merayu kepada pengintip berbangsa Israel agar mereka menyelamatkan dia dan keluarganya apabila pengintip kembali bersama-sama tentera Israel untuk mengambil tanah itu. Rahab juga memohon agar dia dan keluarganya dibenarkan menjadi rakyat kerajaan Israel (Yosua 2). Oleh itu, penjenayah ini memohon kepada Kristus agar dia diselamatkan dan diterima sebagai warga kerajaan-Nya apabila Kristus datang kembali dalam kekuasaan dan kemuliaan untuk melaksanakan pemerintahan sejagat.

Kita tidak pasti jenayah apa yang dilakukan oleh orang itu. Pasti dia bukan sekadar pencuri barangan rumah kerana Matius menggambarkan dia dengan satu perkataan Yunani yang biasanya bererti perompak, penyamun, atau bandit. Ketidakpastian ini timbul kerana Josephus, ahli sejarah itu menggunakan istilah aktivis politik yang bersedia menggunakan cara-cara bandit yang membunuh untuk mengembangkan perjuangan politik mereka. Tetapi apa pun jenis pembunuh atau penjenayah, orang itu memang menjalani hidup tanpa menghiraukan undang-undang

pemerintah. Dia sendiri seorang penjahat dan tidak menghormati keadilan dan kemanusiaan, bahkan peraturan yang paling asas sekali pun.

Bagaimanapun, sekarang dia hendak bertaubat. Dia berhenti membuat kekacauan dan memohon untuk dimasukkan ke dalam kerajaan sebagai warga yang taat kepada Rajanya. Dari sekarang dia akan menganggap bahawa diperintah oleh dan tunduk kepada kekuasaan adalah suatu keistimewaan. Dia akan tunduk dengan rela, gembira dan tanpa rasa dendam. Inilah pertaubatan. Kita semua dan bukan penjenayah sahaja, dituntut untuk bertaubat. Walaupun kita mungkin setia dan warga yang patuh kepada negara kita, namun perkara yang bertentangan berlaku dalam hubungan kita dengan Tuhan. Alkitab tidak menuduh kita semua sebagai pelaku jenayah yang merosakkan masyarakat. Tetapi ia memang mempersalahkan kita semua kerana, *Dahulu kita semua seperti domba yang sesat, masing-masing mengikut jalan sendiri:* dan oleh itu kita dipanggil untuk bertaubat: *Biarlah orang jahat meninggalkan cara hidup mereka, dan mengubah jalan fikiran mereka. Biarlah mereka kembali kepada TUHAN, Allah kita, kerana Dia berbelas kasihan dan sentiasa sedia mengampuni.* (Lihat Yesaya 53.6 dan 55.7).

IMAN

Ketiga, mungkin kita melihat bahawa pertaubatan ini timbul dalam dirinya apabila dia percaya terhadap fakta Kedatangan Kristus yang Kedua Kali: *Ya Yesus, ingatlah akan saya, apabila Tuan menjadi Raja!* (Lukas 23.42), iaitu, ketika Engkau datang lagi dalam kekuasaan-Mu sebagai Raja untuk memerintah. Tetapi pada saat itu Kristus hampir meninggal. Jelas sekali orang itu percaya bahawa meskipun Kristus mati di kayu salib, suatu hari kelak Dia akan datang lagi untuk memerintah. Iman yang serupa diperlukan dalam diri kita juga jika kita ingin diselamatkan. Dengarlah Paulus memberikan syarat-syarat penyelamatan: *Jika kamu mengaku di hadapan orang bahawa "Yesus itu Tuhan," dan kamu sungguh-sungguh percaya bahawa Allah sudah membangkitkan Yesus daripada kematian, kamu*

akan diselamatkan (Roma 10.9).

Tetapi apakah yang berlaku kepada penjenayah keras ini sehingga dia ada iman terhadap dunia yang akan datang? Mungkin kita tidak dapat memberikan jawapan lengkap, tetapi sekurang-kurangnya kita mendengarnya menegur penjenayah yang lain dan memperhatikan jalan fikirannya. Penjenayah yang satu lagi menghina Yesus dengan terang-terang: *Bukankah kamu Penyelamat yang diutus oleh Allah? Selamatkanlah dirimu sendiri dan juga kami!* (Lukas 23.39). Iman walau sedikit pun tidak terdapat dalam kata-katanya. Dia tiada iman melainkan hanya penghinaan yang berat.

Bagi dia, agama dan segala dakwaannya tidak bererti apa-apa. Semua itu hanya alat pihak golongan atasan Mereka menggunakannya untuk menindas orang miskin dan mengejar serta menganiaya orang seperti dirinya. Meskipun dia sudah diambang maut, dia masih mengutuk agama dengan tidak mempercayai sedikit pun ajarannya.

Tetapi penjenayah yang satu lagi mulai menegur dia, *Tidakkah kamu takut akan Allah?* (Lukas 23.40). Mengutuk agama sebagaimana ditafsirkan oleh pemimpin agama yang silap dan mungkin juga korup merupakan perkara lain. Tetapi Tuhan tidak begitu. Tidakkah orang itu takut akan Dia? Tetapi mengapa pula dia harus takut akan Dia? Bagaimana mungkin dia yakin bahawa Tuhan itu wujud? Atau, jika Dia wujud, kematian akan menghapuskan manusia secara automatik, dan dengan itu tiada lagi kena-mengena dengan Tuhan?

Tetapi penjenayah yang kedua ada alasannya kerana meskipun dia merasakan kesakitan yang amat sangat, dia tetap melihat dan berfikir. *Tidakkah kamu takut akan Allah? Kita semua sudah dihukum mati* (Lukas 23.40). Sama hukuman dengan siapa? Dia tidak mungkin merujuk kepada dirinya sendiri. Seorang penjenayah dihukum bersama dengan seorang penjenayah yang lain bukan sesuatu yang mengagumkan. Maksudnya pasti, 'Kamu dihukum sama seperti Kristus.' Tetapi apakah hal penting apabila dia dihukum sama seperti Kristus?

Mula-mula, para pemimpin agama—kedua-dua penjenayah membenci mereka kerana mereka melambangkan

Lembaga yang telah menganiaya dan menghantui mereka—pemimpin agama yang sama telah membenci dan menghukum Kristus. Sebenarnya, pada saat ini para pemimpin sedang berjalan-jalan di depan tiga kayu salib, dan dengan terang-terang mereka menghina dan mengejek Kristus. Jelas sekali bahawa Kristus bukan dipihak Lembaga. Sebenarnya, pada saat ini Dia mempunyai lebih banyak persamaan dengan dua orang penjenayah itu daripada para pemimpin agama.

Tetapi bukan itu sahaja. *Engkau dijatuhkan hukuman yang sama dengan Dia, tetapi dalam perkara kita, kita layak dihukum; kita membayar apa yang kita sudah lakukan. Tetapi Orang ini tidak melakukan apa-apa kesalahan* (terjemahan Jerusalem Bible). Ya, Yesus memang tidak bersalah, dan jika dibandingkan dengan Dia, mereka harus mengaku bahawa mereka layak menerima apa yang sedang dijalani. Mungkin mereka akan mengutuk pihak berkuasa kerana terlibat dalam urusan yang tidak berterus terang. Tetapi mereka tahu dalam lubuk hati bahawa apa yang dilakukan oleh pihak berkuasa ke atas mereka, sering juga dilakukan oleh mereka ke atas orang lain. Mereka tidak dapat mengharapkan apa-apa kecuali hukuman yang paling kejam. Tetapi Yesus ini tidak bersalah. Paling tidak pun, Dia layak mendapat simpati mereka, bukan kutukan.

PERUBAHAN

Tetapi masih ada hal lain. Sementara dua orang penjenayah dan Yesus dibawa ke tempat penyaliban dengan kawalan, beberapa orang wanita dari Yerusalem telah mengikut Yesus, dan mereka menangis serta meratapi Dia. Lalu Yesus menoleh dan memberitahu mereka supaya tidak menangis Dia melainkan untuk diri mereka sendiri. Hari Penghakiman akan datang dan bangsa mereka akan dihadapkan kepada Tuhan kerana jenayah yang sedang dibiarkan mereka untuk berleluasa. Bagaimana pula dengan Hari Penghakiman ini? Adakah ia suatu hakikat, atau hanya salah satu cerita yang direka oleh Lembaga keagamaan untuk menakutkan dan menundukkan orang seperti

dia dan sesama penjenayah? Yesus memang tidak bersetuju dengan Lembaga tersebut dan hal ini jelas, tetapi Dia tentu percaya kepada Penghakiman Akan Datang.

Ada lagi perkara lain. Penguasa yang kejam di bawah kayu salib bukan sahaja menjatuhkan hukuman mati atas mangsa mereka, tetapi mendapat keseronokan semasa mencemuh mangsa yang kesakitan dalam kesengsaraan. Khutbah tentang hukuman yang disampaikan mereka mungkin hanya pernyataan sikap yang seronok melihat kesengsaraan orang lain. Tetapi Yesus ini, meskipun Dia percaya kepada Penghakiman Akan Datang, sebenarnya Dia telah mendoakan agar Tuhan mengampuni orang yang telah memakukan paku pada tangan-Nya ketika mereka sedang melakukannya. Di sini terdapat bukan hanya ketiadaan kesalahan tetapi juga kebaikan yang tidak terdapat di dunia ini. Namun, ketika itu Dia dibunuh dengan kejam oleh orang munafik yang kejam di kaki kayu salib.

Dalam beberapa jam lagi, kematian akan mengakhiri kesakitan mereka. Tetapi adakah ia mengakhiri segala sesuatu? Adakah maut menghapuskan orang bersalah dengan orang yang tidak bersalah, dan dengan itu meneruskan ketidakadilan dalam hidup mereka sehingga selama-lamanya? Akhirnya, adakah perbezaan antara salah dan betul itu tidak wujud? Bukan begitu! Penjenayah pun masih memperhatikan hal yang betul dan salah dan juga keadilan. Anehnya, ketika memikirkan Kristus, dia mendapati bahawa dia kini lebih prihatin berbanding masa lalu. Sikapnya yang memperhatikan kesengsaraan Kristus yang tidak bersalah itu menjadikan dia lebih menyedari kesalahannya sendiri.

Hati nurani adalah sesuatu yang lucu. Penjenayah itu pasti bukan perekanya. Apabila dia keluar untuk melakukan suatu 'kerja,' hati nurani sering terbukti sebagai suatu pengacau yang tidak disambut baik. Oleh itu, dia harus mengalahkannya dan menekannya dengan kuat. Pada saat ini, jika dia dapat menekannya, dia boleh meninggal dengan aman. Tetapi dia tidak mahu menekan atau menafikannya. Jika hati nurani itu suatu penipuan diri sendiri, maka musuhnya akan terlepas dengan begitu saja, meskipun mereka sangat jahat. Tetapi ada yang lebih

teruk lagi. Peribadi yang sangat baik, iaitu Yesus dan segala yang murni dan tercinta dalam hidup akan binasa sama seperti orang yang jahat dan keji.

Tidak! Tuhan memang ada dan hati nurani adalah suara-Nya. Jika demikian, sekiranya ada Tuhan yang mempedulikan perbezaan di antara betul dan salah, yang ambil berat terhadap keadilan dan kesamarataan, maka tentu sekali ada kebangkitan dan penghakiman selepas kematian. Pada masa itu ketidakadilan dunia ini akan diperbetul. Jika Penghakiman Akan Datang itu ada, mereka juga harus menghadapnya. Masa ini bukan masa untuk mengutuk Kristus atau pihak Berkuasa. Tanggungjawab mereka sudah cukup. Masanya sudah tiba bagi mereka bersedia untuk bertemu dengan Tuhan. Dia memandang sesama penjenayah yang masih mengutuk dan mempersalahkan Kristus, lalu berteriak kepadanya, “Tidakkah kau takut akan Tuhan? Tidakkah kau nampak bahawa kau dihukum bersama-Nya, tetapi hukuman kita patut, kita dihukum setimpal dengan perbuatan kita. Tetapi Dia tidak pernah berbuat salah.”

Tetapi dengan serta-merta fikirannya kembali memperhatikan dirinya. Bagaimana dia boleh berdamai semula dengan Tuhan? Masa lampaunya tidak ada kebaikan. Berjanji untuk berubah pada masa akan datang pun tiada gunanya. Dia hanya mempunyai beberapa jam tinggal, dengan tangan dan kaki dipakukan pada kayu salib. Tidak lama lagi, kesakitan yang menguasai setiap saraf dan membakar otaknya akan membuatnya tidak dapat berdoa lagi. Lagipun, dia tidak tahu apa-apa doa yang dapat diucapkan. Berdoa tidak pernah menjadi bidangnya. Tidak diragukan lagi bahawa Yesus ini ialah Raja yang datang daripada Tuhan sebagaimana yang dikatakan-Nya. Suatu hari kelak Dia akan datang lagi dalam segala kekuasaan-Nya sebagai Raja. Hal itu tentu seperti kepastian Tuhan sendiri, sebagaimana fakta Penghakiman Akan Datang itu pasti.

Secara peribadi, dia tidak mempedulikan raja-raja dan tidak pernah merasa perlu untuk mematuhi sesiapa pun dalam kalangan mereka. Tetapi seorang Raja yang akan mendoakan pengampunan untuk orang yang sedang memakukan tangan dan kaki-Nya pada kayu salib . . . anda akan menghormati Raja yang

bersikap seperti itu. Dia ingin berada dalam kerajaan-Nya dan mematuhi-Nya. Tetapi apakah peluang baginya, seorang yang tidak patuh pada kerajaan, untuk dibenarkan apalagi dimasukkan ke dalam kerajaan-Nya? Namun, tidakkah Dia berdoa, *Ya Bapa, ampunilah mereka! Mereka tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka?* Jika orang seumpama itu diampuni kerana mereka tidak menyedari apa yang dilakukan mereka, maka pasti dia tidak pernah menyedari sebelumnya bahawa Raja yang berasal daripada Tuhan itu sangat baik. Dia tidak bermaksud memberontak terhadap raja seumpama itu. “Yesus,” katanya, “adakah Engkau mahu memasukkan saya ke dalam kerajaan-Mu? Adakah Engkau mengizinkan aku mentaati-Mu? Tuhan, ingatlah aku apabila Engkau datang ke dalam kerajaan-Mu.”

Dengan serta-merta, datanglah kata-kata diraja yang jelas dan terus-terang daripada Raja yang terutama sendiri kepada orang hina dan hancur itu, yang telah memberontak terhadap manusia dan Tuhan, dalam beberapa jam terakhir hidupnya: *Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus.*

SOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Mengapa seorang penjenayah berseru kepada Kristus untuk memohon pengampunan sedangkan yang seorang lagi mengutuk dia?
2. Bagaimana Kristus berbeza daripada raja-raja lain yang mungkin dikenali oleh pencuri yang hampir meninggal itu?
3. Bagaimana iman kepada Kristus berbeza daripada “agama” bagi pencuri yang hampir meninggal itu?
4. Apakah yang kita pelajari tentang pertaubatan daripada cerita ini?
5. Bagaimana cara kita tunduk kepada kekuasaan Kristus hari ini?
6. Bolehkan Kristus menuntut kesetiaan saya hari ini? Atas dasar apa?

CADANGAN UNTUK PELAJARAN LANJUTAN

Dalam siri ceramah ini kita telah melihat empat kes orang yang dihina masyarakat atau yang tidak mendapat peluang seperti orang lain. Kitab Injil Lukas juga memaparkan orang lain kepada kita. Berikut adalah beberapa contoh dengan rujukan dalam kitab Injil dan cadangan pembacaan sebagai latar belakang.

Dalam setiap kes:

Mangsa penyakit	Orang Berpenyakit kulit yang mengerikan
<i>Latar Belakang</i>	Lukas 5.12-16; 17.11-19; 4.27 Imamat 13
Mangsa hilang akal kerana roh jahat	Orang dirasuk roh jahat
<i>Latar Belakang</i>	Lukas 8.26-39 Imamat 19.31; 11.7-8; 20.6, 27; 11.7-8
Mangsa pergaduhan agama	Orang Samaria
<i>Latar Belakang</i>	Lukas 9.51-56; 10.25-37; 17.15-19 2 Raja-Raja 17, Nehemia, Yohanes 4

1. Siasat sifat penolakan, pengasingan dan kesepian yang dialami.
2. Bincangkan sama ada dibenarkan atau tidak, masyarakat mengenakan pengasingan, dan/atau sebabnya ia tidak berkesan untuk menghapuskan penyebabnya.
3. Pelajarilah, di mana yang boleh, kesan-kesannya atas masyarakat dan bukan hanya atas mangsa.
4. Beri perhatian khusus terhadap cara-cara berlainan yang digunakan oleh Kristus untuk menangani kes-kes yang berbeza.

Siri 2

**BERITA BAIK PADA MASA KINI
DAN MASA AKAN DATANG**

**Titik Pusat Masa
Pintu Menuju Ke Tempat Kekal
Pada Waktu Kita Menyeberang
Berada Di Seberang Sana**

5

TITIK PUSAT MASA

Pembacaan: Lukas 9.26-36

Lukas seorang doktor perubatan (Kolose 4.14). Di dalam kitab Injil yang ditulisnya, terdapat beberapa ciri yang menunjukkan minat khas seorang doktor. Satu daripadanya adalah yang sering dijelaskan oleh para pentafsir, iaitu ketika Kristus menyembuhkan perempuan yang menderita pendarahan (Lukas 8.43-47). Markus berkata bahawa perempuan ini *sudah menghabiskan segala hartanya untuk membayar rawatan doktor, tetapi dia tidak sembuh, malahan semakin parah keadaannya* (Markus 5.26). Rupanya bayaran untuk doktor sangat tinggi meskipun rawatan mereka menyakitkan dan tidak berkesan. Tetapi catatan Lukas lebih singkat, tidak merendah-rendahkan pekerjaan doktor perubatan. Lukas seolah-olah menyatakan bahawa perempuan itu sendiri atau penyakit itu yang menyebabkannya sakit. Lukas hanya berkata, dia telah menghabiskan segala miliknya untuk rawatan doktor tetapi tiada seorang pun dapat menyembuhkan dia (Lukas 8.43).

KEMATIAN MANUSIA

Satu lagi ciri yang diberikan penerangan lebih dan ciri yang lebih menonjol adalah minat Lukas terhadap kematian. Dalam tugas kerjayanya, dia sering merasa wajib untuk menjaga dan melihat pesakitnya meninggal kerana penyakit atau usia lanjut, walaupun dia telah berusaha melakukan yang boleh untuk pesakit tersebut. Walaupun dia sedikit sebanyak sudah biasa dengan keadaan itu, pasti ada beberapa masa dia sendiri tertanya-tanya tentang erti kematian. Adakah maut itu bencana yang terakhir? Atau adakah sesuatu di sebalik kematian? Jika ada,

apakah perkara itu? Bolehkah manusia mendapat kepastian tentang destininya di dunia yang akan datang?

Lukas mendapat jawapan bagi semua soalnya itu dalam Kristus. Maka pasti dia ingin memberitahu dunia tentang jawapan-jawapan tersebut. Kemuraman, kegelapan dan ketakutan menyelubungi kematian dalam dunia orang yang tidak mengenal Tuhan. Orang Yahudi yang menjadi rakan sebayanya pun tidak pasti tentang pengharapan peribadi mereka. Kini dia tahu perasaan menang dan yakin yang meluap-luap daripada orang yang telah menemukan Kristus, yang *sudah mengalahkan kuasa kematian dan membawa hidup yang kekal melalui Berita Baik itu (2 Timotius 1.10)*.

Oleh sebab itu, di dalam Injil yang ditulisnya, dia memperkenalkan kita kepada orang yang hampir meninggalkan dunia ini untuk pergi ke alam lain atau yang baru saja pergi. Lukas menggunakan cara yang tidak dilakukan oleh penulis kitab Injil yang lain.

Awal-awal lagi kita bertemu dengan Simeon, seorang yang sudah tua dan salih (Lukas 2.25-35). Kita diberitahu bahawa dia tidak akan meninggal sebelum dia melihat Kristus yang diutus oleh Tuhan. Tetapi pada masa itu Simeon melihat-Nya. Lalu dia mengangkat Bayi Yesus dan berkata, *Sekarang, ya Tuhan, Engkau telah menepati janji-Mu. Biarlah hamba-Mu meninggal dengan tenteram (Lukas 2.29)*. Pada penghujung kitab Injil yang ditulisnya, Lukas memberitahu kita tentang seorang pencuri yang disalibkan bersama-sama Kristus (Lukas 23.39-43). Pada saat-saat akhir hidupnya, kita melihat orang itu bertaubat. Dia percaya kepada Penyelamat, lalu berpindah ke alam yang seterusnya dengan janji yang indah daripada Penyelamat. Janji itu masih terngiang-ngiang di telinga dan hatinya, *Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus (Lukas 23.43)*.

Di dalam fasal 7, Lukas memberitahu kita bahawa pada suatu masa Kristus sedang menuju ke pekan Nain, lalu dia berjumpa dengan perarakan pengebumian. Seorang balu yang hancur hati sedang mengikut jenazah anak lelaki tunggalnya yang diusung ke kubur. Kristus menghentikan perarakan itu, menyentuh usungan mayat, menghidupkan semula pemuda itu,

lalu menyerahkan dia kepada ibunya.

Fasal 8 melaporkan bahawa di Kapernaum pada suatu masa yang lain, Kristus masuk ke sebuah rumah. Anak perempuan tunggal keluarga itu, yang baru berumur dua belas tahun, sudah meninggal. Di luar rumah, para peratap profesional yang diupah sudah memenuhi suasana dengan ratapan mereka yang pelik, tetapi tidak sungguh-sungguh. Kristus menyuruh mereka diam dan mengucapkan kata-kata-Nya yang kini terkenal, *Anak ini tidak meninggal, dia hanya tidur!* (Lukas 8.52).

AKHIR HIDUP

Cerita-cerita Lukas yang bertemakan akhir hidup, tidak semuanya ada kegembiraan. Pada zaman-Nya, seperti juga pada hari ini, ramai orang tidak mahu memikirkan hal kematian atau bersiap sedia untuk menghadapinya.

Mereka bagaikan burung unta. Mereka memasukkan kepala ke dalam pasir bisnis atau kehidupan keluarga, dan cuba melupakan hakikat bahawa kematian akan datang. Dengan demikian, mereka menyingkirkan banyak perkara yang penting dalam hidup. Kehidupan adalah suatu perjalanan yang menuju ke suatu tujuan. Jika tujuan itu ditolak atau dihapuskan daripada fikiran, mungkin inilah caranya untuk memanfaatkan hidup bagi orang yang berfikiran cetek. Tetapi jika begitu, ia menjadikan perjalanan hidup suatu pengembaraan yang sia-sia dan menghapuskan banyak perkara yang baik dalam kehidupan. Hidup sepatutnya menuju ke suatu sasaran. Jika sasaran itu diabaikan dan tujuan hidup dilupakan, maka bagi orang yang berfikiran cetek, inilah cara yang baik untuk memanfaatkan sisa hidup. Tetapi sebenarnya, ini menjadikan perjalanan hidup suatu pengembaraan yang tiada tujuan dan memenuhi kekekalan dengan bencana.

Oleh itu, Lukas memberikan amaran kepada kita. Dalam fasal 12, dia mencatatkan satu perumpamaan Yesus tentang peladang yang kaya dan berjaya. Peladang itu hidup tanpa memikirkan Tuhan, kematian atau kehidupan akan datang. Dia sibuk merancang persaraan awal yang sangat menyeronokkan dia.

Tiba-tiba satu Suara berkata, *Hai bodoh! Malam ini juga engkau mesti menyerahkan nyawamu!* (Lukas 12.20). Lalu dia pergi ke alam yang kekal tanpa persiapan.

Demikian juga di dalam fasal 16. Kristus menceritakan satu kisah—tetapi kali ini tidak dikatakan sebagai perumpamaan—tentang seorang kaya dan seorang pengemis. Dalam beberapa tahun terakhir, hidup pengemis itu dipenuhi oleh kesengsaraan kerana hidup kelaparan dan kesakitan. Kematian tiba sebagai sesuatu yang melegakan dia. Pada masa yang sama, dia juga dibawa kepada kegembiraan dan penghiburan: *Orang miskin itu meninggal lalu dibawa oleh malaikat ke sisi Abraham di syurga* (Lukas 16.22).

Orang kaya itu pula mengalami kesudahan yang berbeza. Semasa hidup, dia menikmati kemewahan tetapi dia tidak bersyukur atau beriman. Sebaliknya, dia telah membuang masa, menurut nafsunya dan tidak beriman. Dia tidak percaya kenyataan Alkitab tentang kesudahan yang menanti orang yang tidak bertaubat dan tidak beriman. Akhirnya, dia mengetahui bahawa semua itu sebenarnya betul, tetapi dia sudah terlambat (Lukas 16.19-31).

BERSEDIA UNTUK SYURGA

Tetapi bukan orang tidak percaya sahaja yang perlu diperingatkan tentang dunia yang akan datang. Bahkan orang yang percaya kepada Kristus – mereka yang tahu bahawa meninggalkan hidup di dunia bererti pergi bersama-sama Tuhan (Filipi 1.23) – mereka pun perlu ditolong untuk menilai hidup yang akan datang sebagai benar-benar ada. Dengan itu, mereka harus menjalani hidup di dunia dengan begitu rupa sehingga kesinambungan hidup di alam kekal akan sangat bahagia. Paulus berkata bahawa mereka perlu belajar *mengumpulkan harta yang akan menjadi asas yang kukuh untuk masa depan. Dengan demikian mereka akan mendapat hidup kekal iaitu hidup sejati* (1 Timotius 6.17-19). Oleh sebab itu, di dalam fasal 16 Lukas menyelitkan satu lagi perumpamaan Kristus, iaitu Perumpamaan Pengurus yang Cerdik (Lukas 16.1-13). Ini menggesa orang

percaya untuk menggunakan harta, wang, masa, bakat yang bersifat sementara untuk masa depan. Bagaimanapun, dia tidak sepatutnya menggunakan semua itu untuk memperoleh penyelamatan – kerana penyelamatan ialah anugerah dan tidak boleh dibeli oleh apa pun harta kita. Namun, dia sepatutnya boleh menggunakan harta sementara itu dengan bijak untuk menolong orang lain dalam kemajuan rohani mereka. Dengan itu, dia akan menikmati rasa syukur mereka sampai selamanya.

Semua cerita dan perumpamaan ini hanya terdapat di dalam kitab Berita Baik Lukas, kecuali cerita anak perempuan Yairus. Hal ini mengandaikan minat yang kuat terhadap perkara kematian dan apa yang menanti seterusnya. Kita akan mengkaji kebanyakan hal ini dengan lebih terperinci dalam siri pelajaran ini. Tetapi pertama-tama kita mesti mengkaji dengan mendalam inti cerita Berita Baik, kerana intipati dan kemuncaknya pun ada kaitan dengan tajuk yang sama.

Dari sudut kesusasteraan, kitab Berita Baik Lukas terbahagi kepada dua bahagian utama, dan bahagian kedua bermula di fasal 9.51. Pada waktu ini, Lukas memberitahu kita bahawa masa Tuhan untuk kembali ke syurga sudah dekat. Oleh itu, Dia bertekad untuk pergi ke Yerusalem. Sehingga masa ini, Kristus datang ke dunia dan Dia semakin mendekati kita. Bagaimanapun, sejak masa itu Dia dalam proses meninggalkan dunia ini dan kembali ke tempat asal-Nya. Sekiranya Lukas 9.51 ialah titik perubahan kitab Berita Baik, maka cerita utama sebelum titik perubahan adalah di Pusat kesusasteraan kitab. Cerita itu sebenarnya merujuk kisah Yesus Dimuliakan di Bukit (Lukas 9.28-50). Markus dan Matius juga mencatat peristiwa Yesus Dimuliakan, tetapi hanya Lukas yang menjadikannya Hiasan Pusat bagi kitab Berita Baik.

Ia menjadi Hiasan Pusat yang amat agung! Kita diberitahu bahawa semasa Kristus berdoa, *wajah-Nya berubah dan pakaiannya menjadi putih berkilauan. Tiba-tiba dua orang bercakap dengan Dia; mereka Musa dan Elia* (Lukas 9.29-30). Tetapi bukan itu sahaja. Lukas, dan dia sahaja, memberitahu kita tajuk perbualan pada saat yang amat mulia, antara Tuhan, Musa dan Elia: *Mereka berkata-kata dengan Yesus tentang bagaimana*

Yesus akan segera memenuhi rancangan Allah dengan kematian-Nya di Yerusalem (Lukas 9.31). Bayangkan: di tengah-tengah segala kemuliaan dan keindahan masa yang amat ditinggikan itu, tajuk perbualan adalah kematian.

KEMATIAN KRISTUS

Tetapi mereka bukan membincangkan kematian sebarang orang, melainkan kematian Kristus. Memang sesuai bagi Musa dan Elia untuk membincangkan hal ini, kerana kedua-dua mereka meninggalkan dunia dengan cara yang sangat menakjubkan: Musa meninggal dan Tuhan mengebumikan dia, dan tiada seorang pun tahu di mana kuburnya sehingga hari ini (Ulangan 34.6). Elia pula tidak melalui kematian, tetapi dia diangkat hidup-hidup dengan beberapa kuda dan kereta kuda berapi ke syurga (2 Raja 2.11).

Namun pada masa itu mereka membincangkan hal keluar dari dunia ini yang jauh lebih penting daripada pengalaman mereka, dan ini dalam kategori yang sama sekali berbeza dan unik. Kematian Kristus akan menjadi penghancur kuasa maut. Seperti di dalam Ibrani 2.14-15: *Oleh sebab mereka yang disebut anak-anak adalah manusia yang terdiri daripada darah dan daging, maka Yesus sendiri menjadi seperti mereka dan hidup dalam keadaan manusia. Dia berbuat demikian, supaya dengan kematian-Nya Dia dapat memusnahkan Iblis yang menguasai kematian. Dengan cara itu Dia membebaskan mereka yang seumur hidup diperhamba, kerana takut akan kematian.*

Lagipun, kematian Kristus bukan saja menghapuskan ketakutan terhadap maut yang ada dalam setiap orang percaya, tetapi Dia juga mencabut sengat maut. Paulus berkata, *Sengat maut itu dosa, dan dosa mendapat kuasa daripada Taurat* (1 Korintus 15.56). Maksudnya, dosa tidak pernah hilang kuasanya kecuali Tuhan membatalkan Taurat-Nya. Tuhan tidak akan berbuat begitu. Tuhan mengesahkan dengan sesungguhnya: *Ingatlah! Selama langit dan bumi masih ada, titik atau huruf yang terkecil sekalipun di dalam Taurat, tidak akan dihapuskan jika semuanya belum berlaku* (Matius 5.18).

Oleh sebab itu, walaupun serangan maut terhadap tubuh kita yang lemah itu sangat menyakitkan, sengatnya yang paling sakit terdapat pada ekornya, apabila ia menghadapkan kita dengan takhta Tuhan. Bagaimanakah sengat itu dapat dihapuskan? Jawapannya adalah dengan kematian dan kebangkitan Kristus. Berita Baik adalah *Kristus mati kerana dosa kita, sesuai dengan yang tertulis di dalam Alkitab. Hal ini juga tertulis di dalam Alkitab: Dia dikuburkan dan pada hari ketiga Dia dihidupkan semula* (1 Korintus 15.3-4). Maksudnya, *Allah telah menunjukkan betapa besarnya kasih-Nya kepada kita, kerana Kristus mati bagi kita semasa kita masih berdosa. Melalui kematian Kristus, kita sekarang berbaik semula dengan Allah. Oleh itu kita pasti akan diselamatkan oleh Kristus daripada kemurkaan Allah kelak* (Roma 5.8-9).

Oleh sebab itu, memang menarik untuk melihat di Bukit Kristus Dipermulia, bahawa Kristus, Musa, dan Elia bercakap tentang kematian Kristus sebagai sesuatu yang mesti 'dilaksanakan' di Yerusalem. Kematian-Nya bukan kemalangan. Dari sudut pandangan ini, kematian-Nya bukan juga suatu bencana atau tragedi. Ia memang dirancang dengan sengaja dan dilaksanakan dengan tekad. Pada suatu masa yang lain, Kristus berkata, *"Alangkah bodohnya kamu! Alangkah lambatnyanya kamu mempercayai semua yang dikatakan oleh nabi-nabi! Bukankah Penyelamat yang diutus oleh Allah harus mengalami penderitaan itu bagi mencapai kemuliaan-Nya?"* Kemudian Yesus menerangkan apa yang tertulis tentang diri-Nya di dalam seluruh Alkitab kepada mereka, mulai dari Kitab-Kitab Musa dan tulisan para nabi (Lukas 24.25-27).

Kematian Kristus adalah Titik Pusat-masa bagi sejarah suci, bahkan untuk seluruh sejarah. Pada zaman Perjanjian Lama semua matlamat Tuhan terarah kepada Titik Pusat-masa tersebut; itulah dasar bagi semua matlamat Tuhan dipenuhi akhirnya.

SOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Mengapakah orang Kristian mendakwa kematian Kristus adalah “Titik-pusat” masa?
2. Daripada sudut pandangan Tuhan, mengapakah kematian Kristus itu perlu?
3. Bagaimanakah kematian Kristus mematahkan kuasa maut? (Ibrani 2.14-15)
4. Bagaimanakah seorang individu hari ini pasti akan syurga?
5. Apakah implikasi kematian Kristus terhadap kesalahan dan pengampunan orang secara perorangan?

6

PINTU MASUK KE ALAM KEKAL

Pembacaan: Lukas 9.26-36

Dalam pelajaran kita yang lalu, kita telah memikirkan pentingnya fakta tentang Musa dan Elia yang menampakkan diri dalam kemuliaan di Bukit dan berbual-bual dengan Kristus tentang kematian-Nya. Kita mesti tetap dalam tema ini untuk beberapa lama lagi. Elia berbeza dengan Musa, Pemberi Hukum itu, kerana dia menulis sedikit sahaja. Dia paling diingat kerana pengujian kuasa yang terkenal ketika dia berlawan dengan imam-imam Baal di Bukit Karmel (1 Raja-Raja 19). Isu yang dipertikaikan pada peristiwa yang penting itu adalah, Siapakah Tuhan yang benar? Baal atau Yahweh?

Kriteria yang dipersetujui oleh Elia dan imam-imam palsu untuk menyelesaikan pertikaian tersebut adalah kedua-dua pihak harus membina mazbah dan menyediakan korban di atasnya. Lalu Tuhan yang menjawab dengan mengirinkan api dari syurga untuk membakar korban tersebut hendaklah diakui sebagai Tuhan yang benar. Imam-imam palsu berseru dengan kuat kepada Baal supaya mendengar mereka. Mereka juga melukai tubuh serta menari-nari untuk membuat pemujaan di sekeliling mazbah mereka. Tetapi api tidak turun dan tiada suara yang menjawab mereka.

Kemudian tibalah giliran Elia. Mula-mula dia membasahkan korban dan mazbah dengan air banyak untuk menunjukkan bahawa tiada penipuan yang berlaku. Lalu dia memanggil Tuhan secara sederhana dan di depan orang ramai untuk membela nama-Nya dan menunjukkan ketuhanan-Nya. Dengan itu, api dari syurga turun dan membakar korban itu, kayu api, air, dan bahkan batu-batu mazbah itu juga.

Sejak itu, berabad-abad berlalu tetapi soalan yang terbesar masih ada dan setiap orang lelaki dan perempuan harus membuat keputusan untuk menjawabnya. Adakah Tuhan wujud? Ratusan agama mendakwa bahawa Dia wujud, tetapi bolehkah agama dipercayai? Adakah yang lebih daripada angan-angan semata-mata, dan yang paling buruk adalah ia hanya kata-kata yang tidak bermakna dan kepercayaan karut. Dan tidakkah banyak agama yang saling berlawanan kerana masing-masing mendakwa sebagai yang benar? Bagaimana pula orang yakin bahawa dakwaan Yesus Kristus sebagai Anak Tuhan yang unik itu adalah benar?

Soalannya sama saja dengan soalan pada zaman Elia, dan begitu juga dengan jawapannya. Ia mengemukakan soalan tentang korban dan bukan hal moral. Pertama-tama, semua agama yang serius akan bersetuju tentang kepentingan nilai-nilai moral. Pada satu pihak mereka bersetuju dengan Musa walaupun hukum Musa jauh lebih tinggi daripada sistem hukum orang yang sezaman dengan dia. Pada waktu semua bangsa lain tenggelam dalam kebodohan penyembahan berhala, hanya Musa seorang yang memberitakan kepercayaan kepada satu Tuhan. Lagipun hukum Musa menegaskan bahawa hal moral adalah sebahagian daripada agama, sedangkan dalam banyak budaya, agama hanya merupakan sistem yang rumit untuk mendapatkan restu daripada tuhan-tuhan, atau sekurang-kurangnya menghindarkan kemurkaan mereka. Antara mereka, sedikit sekali yang ada kaitan dengan hal moral. Selagi anda terus memberikan korban kepada tuhan yang merestui anda, maka dia boleh diharap untuk menolong dalam perjuangan anda, tidak kira bagaimana anda memperlakukan orang lain.

Tetapi mari kembali kepada perbincangan tadi. Agama-agama purba mungkin sekali bersetuju secara prinsip dengan ketegasan Musa tentang kepentingan moral, dan begitu juga dengan kebanyakan agama moden. Hanya sedikit agama yang mengatakan bahawa moral itu tidak penting sama sekali. Dengan berkata bahawa membunuh, merogol, berbohong, menipu, tamak adalah tidak salah bermaksud memilih untuk bunuh diri secara sosial. Oleh sebab itu, jika orang membandingkan agama hanya berdasarkan moral, boleh dikatakan bahawa ada beberapa agama

yang lebih baik daripada yang lain, tetapi ia hanya dibezakan oleh kadar. Pada dasarnya semua agama mengatakan perkara yang sama.

KORBAN YANG CUKUP

Tetapi persetujuan umum tentang prinsip moral membawa kita kepada persoalan yang hanya dapat dijawab oleh Kristus. Jika hal dosa itu sesuatu yang amat besar, atas dasar apakah orang dapat diampuni? Pengampunan yang mengetepikan hukuman berdasarkan hukum moral, dan secara mudah serta sengaja melupakan dosa, perkara ini bererti menafikan hukum moral dan mengatakan bahawa dosa itu bukan hal besar. Sebaliknya, jika kita mendesak agar hukuman muktamad dijatuhkan berdasarkan hukum itu, maka bencana akan menimpa kita kerana kita semua telah melanggar hukum tersebut. Bagi dilema yang asas dan utama ini, prinsip moral semata-mata tidak memberikan penyelesaian walaupun hukum Musa atau Khutbah di Bukit yang dirujuk.

Oleh itu, hendaklah Elia, mula-mula di Bukit Karmel lalu di Gunung Kemuliaan, menunjukkan penyelesaian kepada kita. Ia dapat ditemukan dalam korban yang sejati serta diterima oleh Tuhan. Korban itu ialah kematian Kristus. Pada waktu Elia menyediakan korban itu di Bukit Karmel, api dari syurga turun dengan disaksikan oleh orang ramai yang sangat terkejut. Itulah yang mengesahkan korban itu sebagai cara Tuhan untuk mendamaikan orang bersalah dengan Tuhan. Oleh sebab itu, di Gunung Kemuliaan, setelah Elia dan Musa berbincang dengan Kristus tentang kematian dan pengorbanan-Nya tidak lama lagi, turunlah awan dan menutupi seluruh gunung itu. Lalu Suara dari awan berkata, *“Inilah Anak-Ku yang telah Aku pilih. Dengarkan kata-kata-Nya!”* (Lukas 9.35).

Kita perlu memahami kepentingan semua hal ini, kerana pada mulanya tiga orang rasul tidak mengerti. Oleh sebab sangat terharu dengan keindahan waktu itu, Petrus memberikan reaksi. Dia mencadangkan supaya mereka diizinkan membuat tiga khemah, satu untuk Yesus, satu untuk Musa, dan satu untuk Elia.

Dia tidak bermaksud menghina Kristus. Sebenarnya, mungkin dia merasa dia memberikan penghormatan besar kepada Kristus. Tetapi secara tidak sengaja dia telah menempatkan Kristus pada kedudukan yang sama dengan Musa dan Elia, dan Suara Ilahi dari awan itu menegurnya dengan lembut. Kristus yang hanya sama dengan Musa atau Elia, atau bahkan Kristus yang lebih tinggi daripada Musa dan Elia tetapi dalam kategori yang sama, tidak akan berguna bagi kita dalam dilema tersebut. Musa dan Elia, meskipun mereka orang besar sebagai pemberi-hukum dan nabi yang diilhami, mereka juga orang berdosa. Semua pemimpin agama yang terkemuka di dunia tanpa terkecuali ialah orang berdosa. Semakin mereka suci, semakin mereka bersedia untuk mengakui keadaan mereka yang berdosa dan menitikberatkan jurang besar yang memisahkan manusia yang paling suci pun daripada kesucian mutlak Tuhan. Yesus Kristus tidak berdosa, sama seperti Tuhan sendiri yang tidak berdosa; Dia Anak Tuhan dahulu dan sekarang.

Tetapi ada lagi perkara lain. Sekiranya Anak Tuhan sendiri datang ke tengah-tengah kita sebagai pendukung prinsip moral yang tertinggi dan menjalani hidup yang tidak berdosa menurut ajaran-Nya sendiri, tetapi tidak melakukan apa-apa yang lain, maka Dia tidak dapat menyelesaikan dilema kita. Dia hanya melakukan apa yang dilakukan oleh semua pemimpin agama yang lain sampai kemampuan mereka, iaitu meningkatkan kesedaran kita akan dosa dan dengan itu menambahkan lagi beban kesalahan kita.

Tetapi Kristus melakukan sesuatu yang lebih daripada ini. Dengan itu, Dia bukan sahaja menyelesaikan dilema kita tetapi menunjukkan diri-Nya sebagai benar-benar unggul dan berbeza daripada semua yang lain. Dia datang untuk sengaja mati, untuk memenuhi kematian di Yerusalem agar Dia sebagai Anak Tuhan dan Dia yang bersama-sama Bapa, dapat menanggung hukuman berdasarkan hukum ilahi yang Dia sendiri telah isytiharkan. Dia menyerahkan diri-Nya sebagai tebusan untuk semua. Kematian-Nya telah mendapatkan penebusan dan memungkinkan pengampunan, bukan dengan melanggar hukum atau dengan mengatakan bahawa dosa bukan masalah besar, tetapi dengan

menegakkan hukum dan menanggung hukumannya. Dengan itu, Tuhan tetap adil dan menjadi pembela bagi orang yang percaya kepada Yesus (Roma 3.26).

KRISTUS UNIK

Oleh sebab itu, kematian-Nya menyelesaikan dilema kita. Namun pada masa yang sama, seperti yang saya katakan, ia mengisytiharkan Kristus sebagai unik. Tiada pemimpin agama lain atau ahli falsafah dalam seluruh sejarah manusia yang pernah masuk ke dunia kita dengan diarak oleh nabi-nabi seperti Musa dan Elia dan para nabi Yahudi yang lain. Tiada sesiapa yang pernah datang dengan mengumumkan bahawa dia telah datang semata-mata untuk menyerahkan dirinya kepada Tuhan sebagai tebusan dosa dunia. Dalam perkara yang amat penting dan utama ini, persoalan tidak timbul lagi untuk memilihi antara dakwaan Kristus dan orang lain. Hanya Kristus yang pernah membuat dakwaan seperti itu. Dan kita boleh mengetahui kebenaran perkara itu. Sebagaimana manusia tahu bahawa roti itu betul kerana ia memuaskan rasa lapar, dan air itu betul kerana ia memuaskan rasa haus, demikian juga kita mengetahui bahawa dakwaan Kristus itu benar. Kematian Anak Tuhan sebagai korban yang disediakan oleh Tuhan bagi dosa dunia menyelesaikan masalah utama manusia, dan ini tidak dapat dilakukan oleh apa pun yang lain.

Dengan demikian tajuk perbualan di atas Gunung Kemuliaan adalah kematian Kristus. Tetapi masa itu tidak menyedihkan, bahkan yang sebaliknya berlaku. Semuanya gemilang berseri-seri. Kita diberitahu bahawa rupa Kristus berubah, dan pakaian-Nya bersinar seperti kilat. Musa dan Elia juga kelihatan dalam kemuliaan. Masa itu bukan waktu untuk bersedih atau meratap. Beberapa hari sebelumnya, Kristus telah berjanji kepada para pengikut-Nya bahawa mereka tidak akan meninggal sebelum mereka melihat Tuhan memerintah (Lukas 9.27). Sekarang di Gunung Kemuliaan ternyata mereka diperlihatkan apa yang dijanjikan tentang pemerintahan yang akan datang. Marilah kita perhatikan ciri-ciri utamanya.

PEMERINTAHANNYA

Pertama-tama, kemunculan Musa dan Elia bersama-sama—sedangkan hidup mereka di dunia ini dipisahkan oleh beberapa abad—menunjukkan bahawa di dalam pemerintahan itu, masa dilenyapkan. Meskipun mereka dipisahkan daripada Kristus berabad-abad lamanya di dunia ini, mereka hidup bersama-sama Dia di dalam pemerintahan itu dan masih boleh dikenali sebagai Musa dan Elia. Perkara ini menunjukkan bahawa di alam itu manusia hidup bukan sebagai roh yang tidak bersifat peribadi melainkan sebagai peribadi yang tersendiri.

Kemudian marilah melihat sekali lagi apa yang kita nampak sebelumnya, iaitu Musa dan Elia telah masuk ke alam kekal itu dengan cara yang berlainan. Musa telah mati dan dikubur, Elia pula tidak mati tetapi diangkat hidup-hidup ke syurga. Dan dalam hal ini juga, kita boleh melihat sesuatu yang akan berlaku dalam skala yang lebih hebat pada Kebangkitan Pertama ketika Kedatangan Kristus yang Kedua Kali. Dalam surat-surat Paulus, dia dua kali menggambarkan urutan peristiwa pada Kedatangan yang Kedua Kali. Pada setiap kejadian, dia menegaskan fakta bahawa semasa orang percaya yang telah meninggal dibangkitkan semula, sejumlah orang percaya masih hidup apabila Tuhan datang, dan mereka akan diangkat naik ke syurga tanpa mati. Berikut adalah ayat-ayat itu:

Pertama perhatikan 1 Tesalonika 4.15-17:

Yang kami beritahukan kepada kamu ini ajaran Tuhan: Pada hari Tuhan datang kelak, kita yang masih hidup tidak akan mendahului mereka yang sudah meninggal dunia. Pada masa itu malaikat agung akan berseru dengan suara yang kuat dan trompet Allah dibunyikan, lalu Tuhan sendiri akan turun dari syurga. Mereka yang percaya kepada Kristus dan sudah meninggal dunia akan dihidupkan terlebih dahulu. Kemudian kita yang masih hidup pada waktu itu akan diangkat bersama-sama mereka ke awan untuk berjumpa dengan Tuhan di angkasa. Lalu kita akan bersama-sama Tuhan selama-lamanya.

Ayat yang kedua adalah 1 Korintus 15.50-52:

Saudara-saudaraku, inilah maksudku: Tubuh yang

dijadikan daripada daging dan darah, tidak dapat masuk ke Dunia Baru Allah; tubuh yang fana tidak dapat menjadi abadi. Ketahuilah rahsia ini: Tidak semua daripada kita akan mati. Tetapi ketika trompet dibunyikan untuk kali terakhir, dengan tiba-tiba dan dalam sekejap mata kita semua akan diubah. Hal itu berlaku, kerana ketika trompet dibunyikan, orang mati akan dibangkitkan dengan tubuh yang abadi, dan kita semua akan diubah.

Tetapi perkara yang paling penting yang berlaku di Gunung Kemuliaan adalah Kristus sendiri yang dimuliakan. Oleh sebab Dia Anak Tuhan, maka tidak menghairankan jika pada masa itu limpahan daripada kemuliaan asas diri-Nya telah mengubah tubuh manusia-Nya. Tetapi Dia bukan sahaja ilahi, Dia juga manusia sehingga sewaktu para pengikut-Nya yang terkejut melihat perubahan misteri pada tubuh-Nya, tanpa ragu lagi mereka telah diperlihatkan tubuh mulia yang akan diterima oleh Kristus setelah kebangkitan.

Dan bukan Kristus sahaja. Orang percaya diyakinkan bahawa sama ada mereka masuk ke alam yang akan datang melalui kematian dan kebangkitan, atau tanpa mati dan diangkat naik untuk berjumpa dengan Tuhan apabila Dia datang, mereka akan diubah. *Tetapi kewarganegaraan kita di syurga. Dengan penuh harapan kita menanti-nantikan kedatangan Penyelamat kita, Tuhan Yesus Kristus dari syurga. Dia akan mengubah tubuh kita yang lemah dan fana ini, menjadi seperti tubuh-Nya sendiri yang mulia itu. Dia dapat melakukan hal itu kerana Dia memiliki kuasa untuk menaklukkan segala sesuatu (Filipi 3.20-21).*

Perkara besar ini sangat mengagumkan, tetapi ia bukan sesuatu yang mustahil atau cerita dongeng. Bahkan di dalam dunia ini, Paulus berhujah di dalam 1 Korintus 15.35-49 bahawa benda yang disebut daging wujud dalam banyak bentuk: daging binatang, daging ikan, daging burung, dan juga daging manusia. Semuanya daging tetapi berlainan, seperti yang kita ketahui pada masa ini betapa sakitnya apabila percubaan para pakar bedah untuk membuat pemindahan gagal. Misalnya, hati babi dipindahkan ke dalam tubuh manusia. Jika di dunia ini daging boleh wujud dalam berbagai-bagai bentuk, maka tidak susah

untuk menerima bahawa daging manusia yang mempunyai satu bentuk di dunia ini akan wujud dalam bentuk yang lain di dunia yang akan datang, namun masih manusia.

Atau ambil satu analogi yang lain, kata Paulus. Bulir gandum yang cantik dan berbiji-biji yang tumbuh di ladang merupakan benda yang amat berbeza daripada biji yang ditanam di dalam tanah. Tetapi ia tetap gandum. Demikian juga dengan tubuh orang percaya yang telah mati dan dibangkitkan, dan juga tubuh orang percaya yang diubah tanpa mati pada waktu Kristus datang Kedua Kalinya. Mereka akan mendapat tubuh yang dimuliakan, tetapi tubuh yang sebenar dan masih manusia.

Ada satu perkara yang terakhir, supaya berlaku adil pada Kitab Suci dan diri kita sendiri. Jika kita bertanya kepada Kitab Suci tentang siapa yang akan diberikan kemuliaan kekal daripada Kristus pada Kedatangan-Nya yang Kedua Kali, tentu jawabannya adalah mereka yang berada dalam Kristus, atau mereka yang dimiliki oleh Kristus. Misalnya, 1 Tesalonika 4.16, mengatakan bahawa pada Kebangkitan yang Pertama, bukan semua orang yang sudah meninggal, tetapi *mereka yang percaya kepada Kristus dan sudah meninggal dunia* akan bangkit. Dan begitu juga 1 Korintus 15.23 bahawa *mereka yang menjadi milik-Nya akan dihidupkan semula ketika Kristus datang lagi*. Sekali lagi, ayat sebelumnya menyebut dua kategori: *Sebagaimana semua orang mati kerana tergolong satu dengan Adam, bahawa begitu juga semua orang akan dihidupkan semula kerana tergolong satu dengan Kristus* (1 Korintus 15.22). Jelaslah bahawa kita semua tergolong pada kategori pertama kerana kita telah dilahirkan di dunia ini. Tetapi Perjanjian Baru mengesahkan bahawa bukan semua orang dalam kategori pertama termasuk secara automatik ke dalam kategori kedua. Tentu bijak untuk menemukan di dalam Perjanjian Baru cara masuk ke dalam kategori kedua ini . . . lalu masuk ke dalamnya.

SOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Apakah perbezaan antara “dalam Adam” dan “dalam Kristus”?
2. Mengapakah prinsip moral (Hukum Tuhan) tidak dapat menyediakan pengampunan?
3. Dari sudut pandangan manusia, mengapakah kematian Kristus itu perlu?
4. Mengapakah orang Kristian mendakwa bahawa Yesus Kristus itu lain daripada semua pemimpin agama yang lain?
5. Apakah ciri-ciri utama Pemerintahan Tuhan yang akan datang?

7

PADA WAKTU KITA MENYEBERANG

Pembacaan: Lukas 2.25-35; 23.39-43

Selama beberapa waktu di atas Gunung Kemuliaan, Kristus, Musa dan Elia telah berbincang tentang kematian yang akan dialami oleh Kristus di Yerusalem. Perkataan untuk kematian yang digunakan di sini rupa-rupanya bukan perkataan yang biasa melainkan yang bermakna ‘pergi ke luar,’ suatu ‘kelepasan,’ suatu ‘keberangkatan’. Jelas sekali bahawa Kristus akan pergi. Tetapi semasa sebahagian besar perbincangan itu, Petrus dan dua pengikut yang lain telah tertidur. Mungkin misteri dan ketakjuban kegemilangan peristiwa itu tidak dapat ditanggung oleh tubuh manusia mereka, sebab itu mereka tertidur.

Setelah sekian lama, perbualan itu berakhir dan Musa serta Elia sedang bersedia untuk berangkat apabila Petrus tiba-tiba terjaga. Memanglah dia merasa sangat malu dan untuk menutup kebingungannya, dia cuba mengatakan sesuatu. *Ketika dua orang itu hendak meninggalkan Yesus, Petrus berkata kepada-Nya, “Guru, sungguh baik kami di sini. Kami akan mendirikan tiga buah khemah: satu untuk Guru, satu untuk Musa, dan satu lagi untuk Elia” (Lukas 9.33). Lukas menambahkan bahawa Petrus tidak tahu apa yang dikatakannya. Memang tidak kerana perbualan adalah tentang keberangkatan, tetapi Petrus pula mencadangkan untuk tinggal di situ.*

PERJALANAN HIDUP

Kita mungkin tertawa dengan Petrus, tetapi kita sering mengatakan hal yang sama—bukan dengan kata-kata banyak,

tetapi dengan cara hidup kita. Kita tahu bahawa Alkitab mengisytiharkan bahawa hidup ini adalah suatu perjalanan ke syurga yang abadi—atau neraka. Kita sudah banyak kali mendengarnya. Tetapi kita hidup seolah-olah kita akan tinggal di sini sampai selama-lamanya, dan seperti hidup ini adalah segala-galanya dan tiada sasaran abadi. Kata-kata Petrus boleh difahami. Hidup nelayan di Galilea susah dan membosankan. Oleh itu, jika ada peluang untuk menikmati kemuliaan dan keindahan, maka tidak hairan dia ingin menikmatinya selama yang mungkin.

Keinginannya untuk menikmati hidup dengan sepuas-puasnya dan memenuhinya dengan hal-hal yang menarik dan mencabar pun tidak salah. Jika kehidupan mempunyai sasaran kekal, maka setiap langkah dalam perjalanan ada kepentingan yang abadi. Jika sasaran itu ingin dinikmati, maka tiada alasan perjalanan itu tidak turut dinikmati. Kebanyakan kita seronok dalam perjalanan dan setelah sampai ke destinasi. Kita suka pergi bersama dengan juruterbang di kokpit, atau di jambatan bersama dengan kapten untuk melihat segala sesuatu yang dapat dilihat dari jendela, dan untuk menjelajah setiap tempat berlabuh atau mendarat.

Sebaliknya, jika semasa belayar dari Amerika ke Ireland, kapten kapal lupa bahawa dia dalam satu pelayaran, lalu mengemudi kapal dengan berpusing-pusing di tengah-tengah lautan Atlantik dan tidak menuju ke tempat tujuan, maka kebanyakan penumpang kapal itu akhirnya akan berasa bosan dengan pelayaran tersebut. Bahayanya adalah kita kehilangan tujuan dalam usaha kita untuk menikmati hidup ini dengan sepuas-puasnya. Kita merampas dimensi yang kekal dan yang paling penting serta seronok daripada hidup ini. Kita berhenti berjalan ke satu tujuan dan mula merayau-rayau dalam kehidupan. Semua ini membawa kita ke tempat yang kekal dengan tidak bersedia langsung.

Mungkin inilah sebabnya Alkitab berbeza dengan kebanyakan khutbah yang dianggap baik. Ia jarang sekali menggunakan frasa “pergi ke syurga,” malah sering menggesa kita untuk menerima hidup kekal pada masa ini. Hidup kekal bukan sesuatu yang kita mesti tunggu sehingga kita sampai di

syurga untuk mendapatkannya. Ia adalah dimensi kekal yang ditambahkan kepada hidup ini. Ia dinikmati pada masa ini oleh orang yang masuk dalam persekutuan peribadi dengan Tuhan yang kekal melalui Yesus Kristus. Tentu sekali ia diteruskan tanpa putus apabila fasa sementara hidup di dunia ini sudah selesai, kerana ia adalah hasil hubungan yang kekal. Tetapi hubungan itu mesti ada dalam hidup ini, jika ia wujud dalam hidup seterusnya. Maka itulah sebabnya ada bahaya jika terlalu sibuk dengan bahagian sementara hidup ini, lalugagal berpegang pada yang kekal.

Oleh itu, Kristus mengizinkan para pengikut-Nya untuk tinggal cukup lama di Bukit Kemuliaan agar mendapat pandangan sepintas lalu akan kerajaan kekal-Nya dan supaya yakin akan hakikatnya. Pengalaman itu memberi kesan yang kekal pada Petrus. Dalam tulisannya beberapa tahun kemudian pada penghujung hidupnya, dia menggesa sesama Kristian untuk bersedia masuk ke dalam kerajaan kekal Tuhan dan Penyelamat kita Yesus Kristus (2 Petrus 1.11). Dia menyatakan bahawa dia pun tidak lama lagi akan meninggal. Perkataan yang digunakannya bagi 'meninggal' adalah 'keluar' dan ini memang menarik. Perkataan yang sama digunakan oleh Lukas ketika dia mencatat perbualan di Gunung.

Lalu Petrus menambahkan: *Semasa kami memberitahu kamu tentang Tuhan kita Yesus Kristus yang akan datang dengan penuh kuasa, kami tidak bergantung pada dongeng yang direka-reka manusia. Dengan mata kepala sendiri kami melihat kemuliaan Kristus. Kami di sana ketika Dia dihormati dan dimuliakan oleh Allah Bapa. Pada waktu itu terdengar suara daripada Yang Maha Mulia berfirman kepada-Nya, "Inilah Anak-Ku yang Aku kasih. Dia menyenangkan hati-Ku!" Kami sendiri mendengar suara itu datang dari syurga ketika kami bersama-sama Dia di atas gunung yang suci itu. (2 Ptr 1.16-19).* Tetapi sebaik saja pelajaran tentang Dimuliakan itu diketahui, Kristus membawa para pengikut-Nya turun bukit. Sebagai Pelopor, Dia memulakan perjalanan yang membawa Dia ke syurga melalui penderitaan dan kematian di Yerusalem (lihat Lukas 9.51).

PERMULAAN PERJALANAN

Sekiranya kita memperhatikan kata-kata Kristus dengan serius dan juga Petrus, dan bertekad memulakan perjalanan ke syurga Tuhan, biasanya dua soalan akan timbul. Pertama: Di manakah perjalanan itu bermula? Jawapannya mudah dan boleh diberi dengan kata-kata Petrus sendiri. Dalam 1 Petrus 1.4, dia menggambarkan sasaran itu: *Berkat-berkat itu disimpan-Nya di syurga, supaya tidak dapat rosak, reput, ataupun musnah.* Kemudian di dalam ayat 23 fasal itu, dia menggambarkan permulaan penziarahan rohani ke sasaran itu: *Melalui firman [Tuhan] yang hidup dan kekal, kamu sudah dilahirkan kembali, bukan oleh manusia, tetapi oleh Bapa yang kekal...* Dengan kata lain, perjalanan bermula pada waktu kita mula-mula menerima Firman Tuhan dan kita sendiri percaya kepada Penyelamat, dan dilahirkan semula sebagai bayi yang baru lahir ke dalam keluarga Tuhan.

Soalan yang kedua adalah: Adakah kita pasti bahawa selepas memulakan perjalanan, kita akan tiba di syurga Tuhan, dan tidak sesat? Jawapan yang terus terang dan pasti adalah YA, kita boleh pasti. Biarlah Lukas menjawab kali ini. Pada peringkat awal dalam penceritaannya tentang perjalanan itu, Lukas memberitahu kita hal ini. Ketika para pengikut datang kepada Kristus dengan hati yang gembira kerana berjaya mengusir roh jahat dengan menyebut nama-Nya, Dia menjawab, *Tetapi janganlah bersukacita kerana roh-roh jahat taat kepada kamu, sebaliknya bersukacitalah kerana nama kamu tercatat di syurga* (Lukas 10.20).

Dengan itu, kepastian ada apabila mereka menempuh perjalanan hidup. Mereka sudah didaftarkan sebagai warga negara syurga. Mereka memiliki syurga sebagai tanah air dan atas rahmat Tuhan mereka mempunyai hak untuk tinggal di dalam kota di syurga. Mungkin ini menghairankan sebilangan orang kerana teologi umum adalah tiada seorang pun mendapat kepastian masuk syurga sebelum dia sampai ke tempat itu (jika dia berjaya masuk). Sekiranya ada orang yang berkata dia pasti, itu hanya andaian.

Tetapi hakikatnya, para rasul mendapat kepastian ini daripada Tuhan. Semua orang Kristian yang mula-mula daripada semua lapisan, bersukacita dalam kepastian yang sama. Di dalam Filipi 4.3 misalnya, Paulus memberikan penerangan yang amat jelas sementara memperkatakan hal lain. Dia sedang meminta seorang daripada sahabatnya di Filipi untuk menolong beberapa rakan kerja, dan dia berkata: *Rakanku yang setia, aku ingin kamu menolong kedua-dua orang wanita itu. Mereka sudah bekerja keras bersama-sama aku untuk mengkhabarkan Berita Baik, sama seperti Klemen dan semua orang lain yang bekerja bersama dengan aku. Nama mereka tertulis di dalam kitab [Tuhan] yang mengandungi nama orang yang memiliki hidup sejati.*

Dengan agak bersahaja Paulus menambahkan kenyataan bahawa nama mereka tertulis di dalam kitab Tuhan yang mengandungi nama orang yang memiliki hidup sejati. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa dia bukan memperkenalkan sesuatu yang baru, yang belum diketahui oleh mereka. Mereka telah mengetahui dan menikmati keyakinan ini sejak mereka mula-mula percaya kepada Kristus. Mereka tahu bahawa nama mereka sudah didaftarkan dalam senarai nama warga negara syurga. Hanya beberapa ayat sebelumnya (3.20), Paulus telah mengingatkan mereka, *kewarganegaraan kita di syurga.*

KEPASTIAN SAMPAI DI TEMPAT TUJUAN

Hal ini memang penting tetapi jauh lebih penting daripada tanggapan beberapa antara kita. Menurut Wahyu 20.11-15, yang menerangkan tentang Penghakiman Akhir, inilah satu-satunya syarat untuk menentukan sama ada orang diterima masuk ke syurga Tuhan atau dibuang ke Lautan Api. Syaratnya adalah sama ada namanya *tertulis di dalam Kitab Orang Hidup* (ayat 15). Memang benar bahawa orang yang dibuang akan *dihakimi menurut perbuatan mereka* (ayat 12), kerana orang hilang tidak akan dijatuhi hukuman yang sama. Namun dalam keadilan Tuhan, hukuman akan lebih ringan bagi beberapa orang berbanding yang lain, kerana terang dan peluang yang diterima oleh mereka adalah

sedikit (ujuk Lukas 10.14).

Tetapi soalan asas sama ada orang akan dibuang atau diterima ke dalam syurga bukan diputuskan atas dasar perbuatan. Jika kita masuk syurga berdasarkan perbuatan dan usaha kita, maka tiada seorang pun antara kita akan masuk. Kemasukan di sana diberi sebagai hadiah kepada semua yang namanya tertulis di dalam buku kehidupan. Orang yang namanya tidak tertulis di dalam buku kehidupan tidak boleh masuk.

Jika kita bertanya tentang terma dan syarat bagi nama seseorang ditulis di dalam buku itu, cukuplah jawapannya jika kita melihat bahawa kitab orang hidup itu digambarkan sebagai kitab milik Anak Domba (Wahyu 13.8). Kitab ini mencatat nama semua orang yang telah percaya kepada Kristus sebagai Anak Domba Tuhan. Mereka semua termasuk dalam pengorbanan-Nya yang kekal kerana dosa mereka. Hal ini terjadi kerana darah Yesus Kristus, Anak Tuhan telah membasuh semua dosa, membuang semua kesalahan, dan membeli hak-kerakyatan syurga untuk orang percaya. Maka itulah sebabnya penting sekali bagi kita sendiri supaya yakin dan percaya kepada Anak Domba Tuhan. Kita percaya kepada-Nya dan bukan kepada siapa-siapa yang lain, dan nama kita tertulis di dalam Kitab Orang Hidup.

Tetapi jika kita merasa bahawa semua ini sukar untuk dipercayai, marilah kembali kepada kitab Injil Lukas dan mempelajari dengan teliti dua orang lelaki yang diterangkan di sini. Kedua-dua mereka hampir sampai ke penghujung perjalanan hidup dan tidak lama lagi akan menyeberang ke tempat kekal Tuhan. Kedua-dua mereka sangat yakin dan pasti. Apakah dasar keyakinan mereka?

Orang yang pertama ialah Simeon. Kisahnya tertulis di dalam 2.25-35. Simeon mempunyai umur panjang dan selama itu dia tekun beribadah kepada Tuhan dan melakukan yang benar. Kini, sebagai orang salih yang dewasa, dia bagaikan setangkai gandum yang keemasan dan dikumpulkan dalam penuaian yang agung. Ternyata dia hidup dalam keakraban yang sangat intim dengan Tuhan. Tuhan telah menyatakan kepadanya bahawa dia tidak akan meninggal sebelum dia melihat Kristus Tuhan. Pada suatu hari, ketika dia masuk ke Rumah Tuhan, dia melihat Maria

dan Yusuf dengan Bayi Yesus. Dengan serta-merta dia mengenal Bayi itu sebagai Penyelamat yang diberitahukan oleh Tuhan kepadanya. Pada saat itu juga dia menyadari bahawa masanya di bumi akan berakhir segera.

Perkara yang berlaku seterusnya amat indah. Orang salih yang tua itu mengambil Anak tersebut daripada Maria, *lalu mendukung-Nya sambil memuji [Tuhan], "Sekarang, ya Tuhan, Engkau telah menepati janji-Mu. Biarlah hamba-Mu meninggal dengan tenteram"* (Lukas 2.29-30). Betapa indahnya apabila dia berdiri di sana dengan mendukung Bayi itu. Dengan rambut putihnya serta air muka yang berseri-seri, bagaikan puncak gunung yang disinari cahaya matahari pada waktu fajar! Cerita yang disampaikan pasti mengagumkan tentang kehidupan lamanya, pencapaian rohani yang menakjubkan, doa yang tekun dan kadangkala amat gembira, tentang misi belas kasihan dan mengenai perbuatan baik!

Bagaimanapun, tiada lagi kata-kata untuk semua itu. Lelaki itu sedang menghadap alam kekal dan hampir meninggalkan dunia ini. Dia mengisytiharkan bagaimana dia boleh masuk ke kekekalan dengan tenteram. Oleh itu, tiada lagi sepatah kata pun tentang kehidupannya sendiri. Matanya tertumpu hanya pada Kehidupan Orang Lain. *Dengan mataku sendiri aku sudah melihat Penyelamat yang datang daripada-Mu*, serunya. Kita tidak perlu bertanya di mana. Dia menatap Kristus dengan renungan tajam. Benar, dia tidak memikirkan dirinya sendiri sahaja. Di sini tersedia penyelamatan yang cukup bagi semua orang dan bangsa. Tetapi penyelamatan yang cukup besar bagi segenap manusia adalah cukup besar bagi Simeon. Dia tidak memerlukan apa-apa lagi kerana dia mempunyai Kristus.

Semasa kita berpaling untuk meninggalkan dia, perhatikan tangannya. Dia berdiri di sana, bukan memegang Kristus dengan satu tangan dan memegang benda lain di tangan yang satu lagi. Dia bukan saja telah menyambut Kristus secara peribadi, tetapi dia tidak memegang apa pun yang lain. Kedua-dua tangannya memegang Kristus. Itulah rahsia ketenteramannya. Apabila masa kita tiba untuk menyeberang, kita juga boleh pergi dalam ketenteraman yang sungguh dan

sejati, jika kita secara peribadi sudah menerima Penyelamat untuk mendapatkan penyelamatan dan bersandar kepada Dia sahaja.

Lelaki yang kedua adalah yang digelar Pencuri Hampir Mati. Ceritanya disampaikan di dalam Lukas 23.39-43. Orang ini sangat berbeza dengan Simeon. Masa lampaunya tidak mempunyai perbuatan baik yang layak disebut. Dia mengaku dirinya seorang penjenayah, perompak dan pembunuh, dan kini dia menerima apa yang disebutnya setimpal dengan perbuatannya. Lagipun, tiada kemungkinan baginya untuk menebus dirinya pada masa depan, kerana dia tiada masa depan di dunia ini. Sama seperti Simeon, walaupun dalam keadaan yang amat berbeza, dia sedang berdiri di ambang kekekalan dan hampir menyeberang. Bagaimanakah orang seperti dia berharap untuk meninggal dengan tenteram? Namun, dia meninggal dengan tenteram. Kerana beberapa jam terakhir hidupnya, dia bertaubat dengan sungguh dan percaya kepada Penyelamat. Dia masuk ke dalam kekekalan dengan keyakinan dan ketenteraman yang berdasarkan firman Kristus yang boleh dipercayai: *Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus* (Lukas 23.43).

Pemberitaan Lukas adalah jelas. Sama ada kita seperti Simeon atau si penjenayah itu, atau lain daripada mereka kerana berada di tengah-tengah dua ekstrem, kita juga boleh mendapat kepastian tentang destini kita. Kita boleh berjalan ke arahnya dengan yakin, dan akhirnya sampai dengan tenteram jika dengan pertaubatan yang sungguh kita menaruh iman kepada Peribadi, Pekerjaan, dan Firman Kristus.

SOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Apakah persamaan Pencuri Hampir Mati dengan Simeon apabila mereka menuju kematian?
2. Apakah dasar kepastian kita akan syurga?
3. Apakah erti hidup yang kekal?
4. Apakah ertinya “percaya kepada Anak Domba Tuhan secara peribadi, percaya kepada Dia dan bukan kepada apa pun” dan “nama kita tertulis di dalam Kitab Orang Hidup?”

BERADA DI SEBERANG SANA

Pembacaan: Lukas 8.49-56; 12.13-21;
16.1-13; 16.19-31

Di manakah orang yang sudah meninggal, dan bagaimanakah keadaan mereka? Pertama, marilah kita mengkaji tentang mereka yang mati dalam Kristus, menurut frasa Perjanjian Baru tentang mereka (1 Tesalonika 4.16). Maksudnya, orang yang mempunyai hubungan pribadi dengan Kristus semasa hidup, kemudian mereka meninggal. Alkitab mengajar bahawa pada saat kematian mereka pergi bersama dengan Kristus. Kita melihat hal ini dalam kata-kata Tuhan kita kepada Pencuri Hampir Mati: *Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus* (Lukas 23.43).

Paulus juga menggunakan frasa yang sama ketika dia berkata-kata tentang hal ini. Di dalam Filipi 1.23, dia mengaku mempunyai keinginan *untuk mati dan pergi bersama-sama Kristus*. Demikian juga di dalam 2 Korintus 5.6-8, dia berkata:... *Kami tahu bahawa selama kami tinggal di dalam tubuh ini, kami jauh dari tempat tinggal yang akan kami diami bersama-sama Tuhan. . . Kami lebih suka meninggalkan tubuh ini, supaya dapat tinggal bersama-sama Tuhan*.

Lagipun, daripada kata-kata Tuhan kita kepada Pencuri Hampir Mati, kita mengetahui bahawa orang percaya pergi kepada Kristus dengan serta-merta pada saat dia meninggal, dan tiada lagi waktu selang. *Pada hari ini*, kata Tuhan kita, *kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus* (Lukas 23.43). Tanggapan yang sama diberikan oleh apa yang dikatakan Alkitab tentang keadaan orang percaya yang sudah meninggal. Dalam cerita Lazarus yang mati sebelum Tuhan sendiri mati dan bangkit lagi, kita diberitahu (Lukas 16.22-25) bahawa *Orang miskin itu*

meninggal lalu dibawa oleh malaikat ke sisi Abraham di syurga, iaitu, dia dibawa ke tempat orang percaya.

Selanjutnya, kita diberitahu bahawa *dia dihiburkan*. Semasa hidup, dia telah dianiaya oleh penyakit dan kemiskinan. Kini penderitaannya sudah berakhir—dia dihiburkan. Begitu juga dengan Pencuri Hampir Mati. Tetapi dalam kes ini keadaannya berbeza kerana Penyelamat sendiri pun hampir mati dan masuk ke alam lain: *Pada hari ini, kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus*, (Lukas 23.43) kata Kristus. Perkataan firdaus pada mulanya bererti taman keseronokan, dan ini digunakan dalam terjemahan Septuaginta bagi Perjanjian Lama untuk menggambarkan Taman Eden sebelum dosa masuk dengan rentetan kesakitan dan kesedihan. Oleh itu, apabila perkataan ini digunakan di dalam Perjanjian Baru tentang alam lain, seperti di dalam Lukas 23.43; 2 Korintus 12.4; Wahyu 2.7, jelaslah bahawa ia membayangkan keadaan yang tiada kesakitan atau kesedihan.

Dengan itu, kata-kata Paulus tentang perkara itu adalah sama. Dia berkata (Filipi 1.23) bahawa bersama-sama Kristus jauh lebih baik daripada apa pun yang pernah diketahui atau dialaminya di bumi. Kita mesti ingat bahawa pada masa itu pengalaman Paulus dengan Kristus dalam hidup ini pun sangat intim. Namun apabila dia memikirkan keadaannya untuk meninggalkan tubuh dan pergi bersama-sama Kristus, dia katakan bahawa perbezaannya bagaikan dibuang di negara asing dan berada di rumah sendiri.

MEMILIKI KRISTUS

Dalam semua ini, memang menarik kerana unsur yang paling menonjol dalam kebahagiaan orang percaya yang sudah meninggal sering digambarkan sebagai keintiman secara peribadi dengan Kristus. Penekanan ini dipertahankan di dalam ayat-ayat Alkitab yang menyebut tentang Kedatangan Kedua Kali akan Tuhan kita, kebangkitan tubuh bagi orang yang sudah meninggal dan perubahan tubuh bagi orang yang masih hidup. Kristus berkata tentang peristiwa itu: *Setelah Aku pergi menyediakan tempat untuk kamu, Aku akan kembali lalu membawa kamu ke*

tempat-Ku, supaya kamu tinggal di tempat Aku tinggal (Yohanes 14.3); dan sekali lagi, Ya Bapa, Aku ingin supaya mereka yang sudah Engkau serahkan kepada-Ku bersama-sama Aku di tempat Aku ada, supaya mereka boleh melihat kemuliaan yang Engkau berikan kepada-Ku (Yohanes 17.24). Demikian juga yang dikatakan oleh Paulus ketika menyimpulkan penerangannya tentang Kebangkitan Pertama... Kemudian kita yang masih hidup pada waktu itu akan diangkat bersama-sama mereka ke awan untuk berjumpa dengan Tuhan di angkasa. Lalu kita akan bersama-sama Tuhan selama-lamanya (1 Tesalonika 4.17).

Tetapi jika roh orang percaya ada bersama-sama Kristus sehingga masa Kebangkitan, tubuh mereka sedang tidur, kata Alkitab. Di dalam Lukas 8.49-56, misalnya, kita telah menggambarkan kematian anak perempuan Yairus. Ratapan aneh daripada peratap upahan di luar rumah bertujuan mengungkapkan kesedihan sanak saudara dan simpati daripada kawan-kawan. Apabila Kristus datang dan berkata, *Janganlah menangis. Anak ini tidak meninggal, dia hanya tidur*, ratapan tiba-tiba berhenti dan menjadi ketawa yang mengejek kerana mereka tiada iman atau penghiburan yang sebenar. Perkara terbaik yang boleh dilakukan adalah memberi sanak saudara mereka bantuan untuk mengeluarkan daripada sistem tubuh perasaan sedih melalui ratapan liar dan disengajakan. Dengan itu, mereka tidak memendamkan kesedihan mereka sehingga mendatangkan kesan psikosomatik pada diri mereka sendiri. Namun sikap profesional mereka tidak tahu apa-apa tentang penghiburan dan harapan yang positif. Lebih teruk lagi, mereka berasa geram terhadap kemungkinan hilang pendapatan jika ibu bapa menyambut pemberitaan Kristus tentang harapan dan mendapatinya benar.

Anak ini tidak meninggal, dia hanya tidur (Lukas 8.52), kata Penyelamat. Kemudian Dia memegang tangannya dan membangunkan dia. Sejak itu, orang Kristian ditolong untuk mengeringkan air mata kerana mengetahui bahawa meskipun tidur bukan corak kehidupan yang paling baik, namun ia bukan bencana yang mutlak atau tetap. Bagi tubuh yang sudah penat dan lelah, tidur adalah yang paling menggembirakan untuk sementara waktu. Oleh itu, Paulus menggambarkan orang

Kristian yang sudah meninggal sebagai mereka yang sudah tidur (1 Tesalonika 4.14). Perkataan Inggeris untuk ‘cemetery’ (kuburan), meskipun kini menjadi perkataan yang dingin dan muram, namun dahulunya ia menjadi kesaksian iman Kristian. Perkataan ini adalah pinjaman langsung daripada bahasa Yunani dan bererti ‘tempat orang tidur.’

TIDAK MEMILIKI KRISTUS

Bagaimana pula dengan mereka yang mati tanpa percaya dan belum bertaubat? Tajuk ini amat menyedihkan dan orang yang sensitif tidak suka membincangkannya. Tetapi kita akan bersikap tidak jujur dan tidak setia kepada diri sendiri jika kita cuba mengelakkannya. Apa yang kita tahu tentang perkara ini sebahagian besar diberitahukan oleh Tuhan kita sendiri. Kita akan dibantu jika kita ingat bahawa apabila Dia memandang Yerusalem dan memikirkan bencana sementara yang akan menimpa kota itu kerana dosa penduduknya dan keengganan mereka untuk menerima penyelamatan, Dia menangis. Penyelamat yang mati agar semua orang—sama ada yang sudah mendengar tentang Dia atau belum—boleh mendapat peluang untuk diselamatkan, jika mereka bertaubat dan dengan iman yang tulus menyerahkan diri kepada belas kasihan Tuhan. Penyelamat boleh dipercayai untuk melakukan segala sesuatu sesuai dengan kasih yang sempurna apabila Dia datang untuk menghakimi kelak.

Kemudian Lukas mencatat cerita yang disampaikan oleh Tuhan kita tentang seorang pengemis bernama Lazarus dan seorang kaya yang tidak bernama, dan dalam cerita itu Tuhan kita mengesahkan dengan tegas bahawa:

Orang miskin itu meninggal lalu dibawa oleh malaikat ke sisi Abraham di syurga. Orang kaya itu pun meninggal dan dikebumikan. Di alam maut dia sangat menderita. Apabila dia memandang ke atas, dia nampak Abraham jauh di sana dengan Lazarus di sisinya. ‘Bapa Abraham,’ seru orang kaya itu, ‘kasihanilah saya. Suruhlah Lazarus mencelupkan jarinya ke dalam air dan membasahkan lidah saya, kerana saya sengsara

di dalam api ini!’ Tetapi Abraham menjawab, ‘Ingatlah, anakku, seumur hidupmu kamu sudah mendapat segala yang baik, sedangkan Lazarus mendapat segala yang buruk. Tetapi sekarang Lazarus seronok di sini, sebaliknya kamu menderita sengsara. Selain itu, ada pula jurang yang dalam di antara kamu dan kami, sehingga orang dari sini tidak dapat ke sana dan orang dari sana tidak dapat ke mari!’ (Lukas 16.22-26).

PENERANGAN BERDASARKAN FAKTA

Sebelum kita memperoleh pelajaran utama daripada cerita ini, pertama-tama kita mesti mengkaji dua pertimbangan. Kadangkala dikatakan tidak wajar untuk menggunakan pemerian cerita sebagai bukti keadaan orang yang tidak bertaubat selepas kematian. Pertama-tama, ada sebilangan orang yang berpendirian bahawa cerita itu adalah perumpamaan, dan oleh itu butir-butirnya tidak dapat diambil sebagai benar berdasarkan fakta. Tetapi jika kita berkata begitu, kita menyamakan perumpamaan Tuhan dengan dongeng teladan.

Dongeng teladan merupakan cara yang wajar untuk menyampaikan kebenaran, dan kadangkala cerita teladan pun terdapat di dalam Alkitab (misalnya, dongeng teladan Yotam di dalam Hakim-Hakim 9). Tetapi dalam dongeng teladan, hal-hal dilambangkan dengan peristiwa yang tidak pernah berlaku dalam kehidupan nyata: burung bercakap, binatang bercakap, matahari bergaduh dengan angin, dan sebagainya. Oleh itu, memang tidak wajar mengambil butir-butir daripada dongeng teladan sebagai bukti yang boleh dipercayai bagi ornitologi, zoologi, dan meteorologi.

Tetapi tiada satu pun cerita yang disampaikan oleh Tuhan kita berbentuk dongeng teladan walaupun ada banyak perumpamaan. Dalam perumpamaan yang disampaikan-Nya, selalu dan tanpa kecuali, butir-butirnya, walaupun boleh menyampaikan pelajaran rohani yang lebih mendalam, masih wajar dalam kehidupan nyata. Misalnya, dalam perumpamaan Gandum dan Lalang, gandum melambangkan anak-anak pemerintahan Tuhan dan lalang melambangkan anak-anak si

jahat. Namun, butir-butir gandum dan lalang pada peringkat asasnya adalah benar. Peladang sebenar memang menabur benih gandum di ladang sebenar dan malangnya, di ladang yang terbaik pun masih ada rumput.

Cerita tentang Orang Kaya dan Lazarus, mungkin suatu perumpamaan dan menyampaikan maksud rohani yang lebih mendalam (walaupun maksud yang lebih mendalam selain yang diceritakan secara harfiah adalah sukar dilihat). Tetapi ya pun, ini bukan alasan untuk mengandaikan bahawa butir-butirnya tidak benar dalam kehidupan nyata. Selain ini, pertimbangan juga diberi kepada Lukas yang menulis cerita ini kerana dia tidak menyebutnya sebagai perumpamaan. Sebenarnya, jika ini adalah perumpamaan, maka inilah satu-satunya perumpamaan antara banyak perumpamaan yang disampaikan oleh Kristus, yang wataknya diberikan nama.

Bantahan kedua untuk menjadikan butir-butir cerita sebagai panduan untuk mengerti keadaan orang yang belum bertaubat selepas mereka meninggal, jika dalam bentuk ekstrem, dijelaskan seperti ini: beberapa antara butir-butir dalam penerangan bukan hal sebenar. Oleh itu, kita tidak mengandaikan bahawa ada butiran yang benar. Tetapi ini pemikiran yang amat cetek. Memang ada beberapa pemerian yang diberikan dalam bahasa metafora, tetapi ini tidak bererti bahawa yang digambarkan tidak benar-benar wujud. Apabila diceritakan bahawa pengemis diangkat ke pangkuan Abraham, memang tidak bermaksud untuk menggambarkan dia ditimang-timang seperti bayi di pangkuan Abraham. Tetapi hakikat bahawa frasa itu berbentuk metafora dan bukan literal tidak sedikit pun mengurangkan kenyataan persekutuan yang kini dinikmati oleh Abraham dan orang-orang salih.

Jika saya bersungut kerana sebahagian tubuh saya panas, tiada seorang pun yang berfikir bahawa ada orang yang membakar tubuh saya dan kini sedang terbakar. Bagaimanapun, tiada juga yang menafikan rasa sakit yang bagaikan membakar tubuh saya. Oleh itu, apabila orang kaya bersungut bahawa dia disiksa di dalam api, tidak perlu berfikir bahawa nyala api benar-benar seperti nyala api arang batu. Memang dosanya dipandang

secara rohani dan mental, dan kemungkinan besar kesakitannya juga adalah secara rohani dan mental.

Namun demikian, kita mesti berhati-hati sebelum menafikan kewujudan unsur fizikal dalam penderitaannya. Dalam hidup ini, kesakitan mental dan rohani biasanya mempengaruhi tubuh kita seperti juga minda kita dan menyebabkan kesakitan dan ketidakselesaan secara fizikal. Kita bertindak terburu-buru jika mengatakan bahawa apa yang berlaku di sini tidak mungkin berlaku di sana. Jika Kristus bercakap tentang dunia lain dalam bentuk metafora, kita percaya bahawa metafora itu dipilih kerana ia dapat mengungkapkan dengan jelas kehidupan nyata di dunia itu, berbanding bentuk penyataan yang lain.

BAGAIMANA UNTUK BERSEDIA

Oleh itu, kita mesti berhati-hati agar tidak jatuh ke dalam percubaan meringan-ringankan perkara yang dikatakan oleh Alkitab tentang dunia. Sebenarnya, sikap tidak mengambil serius itulah yang akhirnya membawa orang kaya itu ke neraka. Penting sekali untuk melihat bahawa dia tidak dimasukkan di sana kerana dia kaya. Dia di sana kerana dia tidak percaya, sebagaimana yang diterangkan pada penghujung cerita. Ketidakpercayaan itu dinyatakan melalui cara dia memperlakukan orang miskin. Alkitab memberitahu dia untuk mengasihi sesamanya seperti dirinya sendiri. Namun, dia sama sekali tidak mencuba untuk berbuat demikian.

Tetapi di sebalik keagalannya untuk mengasihi sesama adalah ketidakpercayaan yang lebih mendalam. Secara luaran, mungkin dia mengaku percaya bahawa Alkitab adalah Firman Tuhan, tetapi tidak benar-benar mengambil peduli tentang apa yang dikatakannya. Orang itu berfikir bahawa meskipun Alkitab meletakkan tuntutan moralnya dan memberikan amaran bahawa semua itu adalah mutlak, dia boleh hidup sepanjang umurnya tanpa benar-benar mempedulikan semua itu. Dia juga beranggapan bahawa selepas dia meninggal, semuanya akan baik-baik. Dengarlah pada orang yang merayu dengan Abraham.

Dia minta agar Lazarus dihantar dari dunia orang mati untuk memberikan amaran kepada saudara-saudaranya yang masih di dunia agar mereka tidak masuk ke tempat kesengsaraan.

Abraham menjawab bahawa tidak perlu menghantar Lazarus kerana saudara-saudaranya mempunyai Musa dan Nabi-Nabi. “Ya, saya tahu mereka ada,” kata orang kaya itu, “tetapi...” Perkataan ‘tetapi’ mendedahkan sesuatu. Semasa hidupnya, dia juga mempunyai Musa dan Nabi-Nabi dan mungkin telah mengaku mempercayai mereka. Tetapi dia sebenarnya tidak pernah percaya kepada mereka. Dan dia mengenal saudara-saudaranya. Mereka pun tidak sungguh-sungguh percaya. *Jika ada seorang bangkit daripada kematian, lalu datang kepada mereka, cadangnya, tentu mereka akan bertaubat daripada dosa.* Tetapi lebih besar kemungkinan mereka akan menyingkirkan penjelmaan itu sebagai mimpi buruk, atau suatu khayalan, atau sesuatu yang dapat, atau segera dapat diterangkan oleh sains sebagai tidak benar.

Tidak, kata Abraham, saudara-saudara itu tidak akan mendapat lawatan yang menyeramkan kerana jika mereka tidak percaya pada Alkitab, maka meskipun ada orang yang bangkit daripada kematian, mereka tidak akan dipujuk. Tiada muslihat atau gimik dalam perkhabaran Tuhan kepada manusia. Dia merayu kepada pertimbangan moral kita, bukan kepada sifat ingin tahu yang menggerunkan. Sekiranya pertimbangan moral kita sangat sesat sehingga boleh menolak dan mengetepikan amaran daripada firman Tuhan yang begitu jelas tidak sesuai dan tidak layak untuk diperhatikan dengan sungguh-sungguh, maka penyakit kita adalah lebih teruk daripada melihat banyak hantu.

Terdapat dua perumpamaan di dalam Lukas yang kita perlu pertimbangkan. Kedua-duanya menggesa orang yang percaya kepada dunia selepas kematian untuk memastikan agar mereka tahu menggunakan barang-barang dan aset dalam kehidupan ini yang mempunyai akibat kekal dalam dunia seterusnya. Perumpamaan yang pertama terdapat dalam Lukas 12.13-21 dan dikenali sebagai Perumpamaan tentang Hartawan yang Bodoh. Orang ini sangat berjaya dalam pertaniannya sehingga hartanya jauh lebih banyak daripada yang

diperlukannya. Oleh itu, dia harus mengambil keputusan tentang apa yang dilakukan terhadap harta tersebut, dan terutamanya tempat untuk menyimpannya: *Aku tidak mempunyai tempat untuk menyimpan segala hasil tanahku. Apakah yang harus aku lakukan?* Dia bertanya kepada dirinya sendiri (Lukas 12.17).

Jawapannya untuk masalah penyimpanan ini tidak bijak dan hanya melihat jangka pendek, meskipun dilihat daripada sudut pandangannya yang terbatas dan untuk kepentingan diri sendiri. Pertama-tama, seperti gesaan Tuhan kepada kita semua, dia sepatutnya memerhati bahawa jika berkaitan dengan harta benda, kehidupan kita tidak dapat menggunakan semuanya. Seorang lelaki mungkin seronok memandu sebuah motokar mewah Rolls Royce, tetapi dia tidak dapat berseronok dengan memandu lima buah kereta dalam satu masa.

Kedua, dia seharusnya memerhati bahawa usia manusia tidak menentu. Untuk *mempunyai segala yang baik bagi keperluanmu selama bertahun-tahun* (Lukas 12.19) mungkin baik jika anda pasti anda masih hidup selama bertahun-tahun di bumi dan dapat menikmati semua itu. Tetapi jika anda telah menyimpan banyak sekali harta benda lebihan di bumi dan hidup anda di bumi tiba-tiba ditamatkan, bukan saja anda tiada peluang untuk menikmati harta benda itu di bumi, tetapi anda pun tidak dapat membawa semua itu ketika anda meninggal. Dengan itu, anda kehilangan semuanya.

Itu merupakan polisi bisnes yang sangat tidak baik dan layak ditegur oleh Dia yang berfirman kepada Hartawan yang Bodoh: *Hai bodoh! Malam ini juga engkau mesti menyerahkan nyawamu! Lalu siapakah yang akan mendapat segala harta yang telah engkau kumpulkan untuk dirimu sendiri itu?* (Lukas 12.20). Tentu lebih bijak bagi anda untuk mengambil lebihan harta benda yang anda tidak dapat nikmati, dan menjadikannya modal rohani yang boleh dipindahkan ke dunia selepas kematian. Dengan itu, anda akan sampai di alam kekal bukan hanya diselamatkan tetapi dengan dasar rohani yang baik dan berpotensi menikmati kekekalan. *Kumpulkanlah harta di syurga* (Matius 6.20), kata Tuhan kita. Jika kita bertanya bagaimana caranya, jawapan pendek diberi oleh Paulus di dalam 1 Timotius 6.17-19,

Nasihatilah orang yang kaya dengan harta dunia, supaya jangan sombong dan jangan bergantung kepada barang-barang yang tidak tetap, seperti kekayaan. Berharaplah kepada Allah yang mengurniai kita segala sesuatu dengan berlimpah-limpah untuk dinikmati. Nasihatilah mereka supaya berbuat baik, supaya rajin berbuat kebajikan, murah hati, dan suka memberi. Dengan jalan ini mereka mengumpulkan harta yang akan menjadi asas yang kukuh untuk masa depan. Dengan demikian mereka akan mendapat hidup kekal iaitu hidup sejati.

HARTA MASA DEPAN

Perumpaan yang kedua terdapat di dalam Lukas 16.1-13, dan dikenali sebagai Perumpamaan Pengurus yang Cerdik. Ia menceritakan seorang pengurus yang dipecat daripada kedudukannya. Ada jarak waktu yang singkat di antara masa dia diberi notis dan dia berhenti kerja. Oleh itu, semasa dia masih mempunyai harta majikannya, dia mengambil keputusan untuk bertindak dengan menggunakan harta itu dengan begitu rupa sehingga apabila tiba masanya dia harus meninggalkan harta tersebut, dia mempunyai kawan-kawan di dunia luar yang akan bermurah hati dengan dia dan memberi dia tempat tinggal.

Cara dia melakukan perkara ini sebenarnya tidak berprinsip, tetapi itu bukan hal yang terutama. Perkara penting adalah dia melihat ke depan dan menggunakan pengurusannya pada masa itu untuk mendapatkan kawan bagi masa depan. Dalam hal itu, kata Tuhan kita, dia lebih bijak daripada sebilangan orang Kristian. Kita semua mempunyai harta dalam berbagai-bagai bentuk, yang disebut sebagai *tuan yang jahat* oleh Tuhan kita. Mungkin Dia berkata begitu kerana di dunia ini harta dan pendapatan sering diagihkan dengan tidak sama rata dan tidak adil. Bagaimanapun, kata-Nya, kita harus menggunakan harta itu dengan begitu rupa sehingga setelah harta tiada dan kita masuk ke dalam kekekalan, kita masih ada kawan-kawan di alam kekal yang akan menyambut kita ke tempat kediaman mereka yang abadi.

Perhatikan bahawa Tuhan tidak memberitahu kita untuk

menggunakan harta kita untuk mendapatkan penyelamatan bagi diri sendiri. Perkara ini mustahil kerana penyelamatan jiwa tidak boleh dibeli. Penyelamatan adalah hadiah yang diberi secara *ex gratia* kepada orang yang tidak layak, yang bersedia untuk bertaubat dan percaya. Tetapi mempunyai kawan adalah hal lain. Kita harus menggunakan harta kita untuk bersahabat.

Pendapat bahawa di syurga nanti ada beberapa orang yang mempunyai kawan dan orang lain tidak, merupakan kejutan bagi sebilangan orang dan mereka sukar memahaminya. Oleh itu, mari kita mengambil contoh yang nyata. Bayangkan seorang balu atau duda Kristian yang pendapatan minggunya hampir tidak cukup untuk membayar keperluannya. Oleh sebab penyangkalan diri dan pengurusan wang yang cermat, dia mendapati bahawa pada penghujung minggu dia masih ada sekeping wang syiling lebih, dan kerana kasih kepada Tuhan dan sesama, dia mengambil keputusan untuk menggunakan wang itu untuk membayar buku-buku Injil untuk dihantar ke kaum Indian di hutan hujan Peru. Selepas membaca buku-buku Injil itu, akhirnya lima puluh orang Indian menaruh iman kepada Kristus. Apabila akhirnya dinyatakan di Takhta Pengadilan Kristus bahawa wang wanita itulah yang menjadi alat penyampai Injil kepada orang Indian tersebut, tidakkah mereka mempunyai rasa syukur yang istimewa dan kekal terhadap wanita itu?

Sekarang, bayangkan seorang lelaki Kristian. Dia mempunyai sebuah rumah di bandar, tiga estet di luar bandar, satu himpunan motokar, sebuah perahu layar untuk kegunaan di laut dan beberapa harta lain. Pada penghujung minggu dia juga mendapati bahawa dia mempunyai sekeping wang syiling yang sisa daripada pendapatan minggunya. Lalu dia menggunakannya untuk membeli aiskrim. Membeli aiskrim bukan dosa, tetapi di Takhta Pengadilan Kristus kelak, berdasarkan penggunaan wang lebihannya, tidak mungkin kaum Indian atau sesiapa yang lain merasa tergerak untuk bersyukur atau bersahabat dengan dia atas alasan tersebut.

Di syurga Tuhan, memang semua orang dikasihi. Tetapi jika tidak mempunyai kawan yang merasa bersyukur dan bersahabat secara istimewa terhadap anda, hal itu merupakan

kehilangan yang kekal. Jika kita bijaksana, kita seharusnya berusaha untuk mengasingkan lebih daripada satu keping syiling dalam seminggu. Bahkan kita sebaiknya menggunakan sesuatu yang lebih daripada wang untuk mendapatkan sahabat sampai kekal. Tidak juga keterlaluan untuk menggunakan segala sesuatu yang telah dipercayakan oleh Tuhan kepada kita untuk maksud tersebut.

SOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Mengapakah Orang Kaya masuk neraka?
2. Apakah bukti yang memungkinkan kita pergi terus bersama Kristus selepas kita mati?
3. Apakah maklumat yang diberi oleh Lukas tentang masa depan orang yang tidak percaya dan tidak bertaubat?
4. Bagaimana kita yakin bahawa kita mempunyai “dasar yang baik” untuk menikmati kekekalan?

Siri 3

**BERITA BAIK TENTANG RAJA
DAN PEMERINTAHANNYA SEKARANG**

**Raja Mengisytiharkan Perjanjian-Nya
Hubungan Antara Raja dan Rakyat-Nya
Pangkat dan Ganjaran Hamba-Hamba Raja
Imam-Raja dan Pemberontak Diraja**

RAJA MENGISYTIHARKAN PERJANJIANNYA

Pembacaan: Lukas 22.1-20

Sekarang tiada seorang pun tahu nama orang yang mengizinkan Tuhan untuk menggunakan bilik di rumahnya bagi perayaan Perjamuan Akhir. Bagaimanapun, siapa pun orang itu, dia seorang yang berani. Pada waktu itu Yerusalem bermusuhan dengan Kristus. Para penguasa sudah bertekad untuk menyalib Dia. Namun, mereka menghadapi satu masalah. Kota itu penuh dengan penziarah dan ramai antara mereka menyokong Kristus serta suka mendengar khutbah-Nya. Dengan itu, bagaimana mungkin pihak penguasa dapat menangkap Kristus. Sekiranya mereka cuba menangkap Dia pada waktu siang, ketika ratusan orang datang mengerumuni Dia, maka rusuhan boleh berlaku dengan mudah. Oleh itu, mereka hanya berharap untuk melakukannya selepas Perayaan dan semua penziarah sudah pulang, atau melakukannya pada waktu malam.

Pada Minggu Suci, Kristus datang ke Rumah Tuhan dan mengajar orang ramai pada siang hari, tetapi sebaik malam tiba, Dia meninggalkan kota dan menghilang dalam kegelapan bukit-bukit di sekitar. Pada waktu malam, tidaklah bijak bagi-Nya untuk tinggal di kota. Tetapi pada malam Perjamuan Akhir, Kristus bertekad untuk makan jamuan malam bersama dengan para pengikut-Nya di tengah-tengah kota meskipun banyak tentangan di sekeliling mereka. Oleh itu, mereka harus melakukannya secara rahsia dan mereka amat berhati-hati.

Sebagai persiapan jamuan malam itu, dua orang pengikut telah diutus ke kota dengan arahan untuk memerhati seorang lelaki yang membawa kendi. Tanda ini nyata diatur lebih awal.

Tanpa mengatakan apa-apa kepada lelaki itu, dua orang pengikut akan mengikutnya, melihat rumah yang dimasukinya, lalu mereka sendiri masuk ke rumah itu dan minta berjumpa dengan tuan rumah. Apabila dia muncul, mereka akan berkata, '*Guru bertanya, di manakah bilik tempat Dia dan pengikut-pengikut-Nya akan makan jamuan Paska?*' (Lukas 22.11). Selepas itu, lelaki ini akan menunjukkan sebuah bilik besar di tingkat atas dan di sanalah mereka menyediakan jamuan.

Apabila semuanya tersedia dan hari sudah malam, Kristus secara berhati-hati dan tidak menonjol, masuk ke kota dan mengumpulkan para pengikut-Nya untuk bersama-sama Dia di bilik atas yang dipinjam. Selama beberapa jam di dalam bilik itu, tempat yang nyaman dan selesa dalam cahaya pelita yang lembut, mereka dilindungi daripada tentangan yang mula bergerak di luar.

Tetapi tentangan itu bukan daripada musuh yang terbesar. Iblis, yang telah mengekori Kristus selama pelanayan-Nya di bumi, kini mula bersedia untuk serangannya yang terakhir. Selama berbulan-bulan, iblis telah menggunakan cinta akan wang yang memperhambakan hati Yudas Iskariot, salah seorang dua belas pengikut Kristus. Akibatnya, Yudas tiada kuasa atau keinginan lagi untuk menentang kejahatan. Pada peluang yang sesuai ini, dia mula menyerang. Mula-mula iblis meletakkan keinginan di dalam hati Yudas untuk mengkhianati Penyelamat (Lukas 22.3 dan Yohanes 13.2). Sebelum jamuan malam selesai, iblis menuntut agar dia sendiri masuk ke dalam hati Yudas untuk mengetuai dan menguasai dia dengan sepenuhnya.

Pertimbangan keadaannya. Beberapa hari sebelum itu, Kristus telah menunggang keldai untuk masuk ke kota dan secara rasminya mengaku sebagai Rajanya. Dia telah disambut oleh ramai sekali orang. Tetapi kini kota Raja Agung itu berada dalam tangan pemberontak. Bahkan seorang antara pengikut-Nya telah menjual dirinya kepada Ketua Musuh. Namun, malam ini dalam kebencian yang tidak dapat dipujuk lagi dan dalam gigitan Iblis, Raja mendirikan kerajaan-Nya dan memulakan Perjanjian yang menentukan hubungan antara diri-Nya sebagai Raja dan rakyat-Nya.

DUA KELAS MANUSIA

Bandingkan dua orang ini: lelaki tidak bernama yang membuka rumahnya bagi Penyelamat untuk menjadikannya bilik takhta dan mendirikan kerajaan-Nya di tengah-tengah tentangan dunia; dan Yudas Iskariot, yang bertekad untuk membuang Kristus, lalu mendapati bahawa dia sendiri perlu membuka hatinya untuk dikuasai Iblis.

Secara umum, mereka mewakili pilihan yang ada bagi manusia. Tanggapan bahawa kita sendiri adalah bebas merupakan suatu khayalan. Dosa sudah menjadikan kita bukan raja di dalam istana kita sendiri. Satu-satunya jalan untuk menjamin kebebasan yang sejati dan kekal adalah untuk menyerahkan kawalan yang paling dalam bagi kehidupan kita kepada Kristus dan mengizinkan Dia untuk bertapak di sana sebagai Raja. Tetapi terlalu sering kita berjuang bagi kemerdekaan yang kita bayangkan, dan tidak menyedari bahawa cadangan untuk menolak Pencipta kita berasal daripada fikiran yang lebih licik daripada kita. Biarlah Yudas mengingatkan kita bahawa tekad untuk menolak Kristus akan melemahkan pembelaan moral seseorang sehingga penguasaan Iblis tidak dapat ditolak lagi.

Tetapi sekiranya seseorang membuka hati dan hidupnya dengan sepenuhnya kepada Kristus, agar Dia memerintah di sana sebagai raja mutlak: raja yang bagaimanakah Kristus dan apakah ciri pemerintahan-Nya? Untuk menjawab soalan-soalan ini, kita mesti melihat perkara yang berlaku pada malam yang bersejarah itu, di bilik atas yang tersembunyi.

Perkara pertama dan utama yang berlaku adalah Kristus mengambil roti dan membahagi-bahagikannya kepada para pengikut-Nya untuk mereka makan, dan Dia berkata, *“Inilah tubuh-Ku, yang diberikan untuk kamu. Berbuatlah demikian untuk mengenang Aku.”* Begitu juga setelah makan, Dia memberikan cawan itu kepada mereka sambil berkata, *“Cawan wain ini perjanjian Allah yang baru, yang disahkan dengan darah-Ku, darah yang dicurahkan untuk kamu (Lukas 22.19-20).*

Perhatikan bahawa Dia tidak berkata, *Ini* perjanjian baru, melainkan *Inilah* perjanjian baru *itu*: maksudnya, Dia merujuk

kepada perjanjian baru yang khas dan diketahui ramai, iaitu, perjanjian yang dinubuatkan oleh Yeremia (Yer 31.31-34). Perhatikan juga bahawa Yesus menggambarkannya sebagai Perjanjian *Baru*. Ia berbeza dengan Perjanjian Lama yang berasaskan hukum Musa. Tuhan mengadakan perjanjian ini dengan umat Israel selepas mereka keluar daripada perhambaan.

PERJANJIAN LAMA

Oleh itu, apakah yang dimaksudkan dengan perjanjian ini dalam konteks rohani? Kita boleh menggambarkannya dengan budaya yang tersebar luas pada zaman Musa. Pada masa itu, maharaja agung membuat perjanjian dengan raja-raja negeri lindungan. Perjanjian tersebut mengingatkan raja-raja itu siapa maharaja agung tersebut, apa keuntungan yang telah dikurniakannya kepada mereka, bagaimana kelakuan yang dituntut daripada raja-raja negeri lindungan, apa berkat yang terakru kepada mereka jika mereka mematuhi maharaja, dan apa hukuman yang ditanggung jika mereka memberontak terhadap maharaja. Dengan kata lain, perjanjian-perjanjian itu memberikan perincian tentang hubungan raja agung dengan rakyatnya.

Persetiaan itu disebut perjanjian, dan Perjanjian Lama merupakan persetiaan antara Tuhan dan orang Israel. Inilah yang mentakrifkan hubungan antara Dia sebagai Raja mereka dan mereka sebagai rakyat-Nya. Bahagian pendahuluan (Keluaran 20.2) mengingatkan orang Israel tentang siapa Maharaja Ilahi itu: *Akulah TUHAN, Allah kamu yang membawa kamu keluar dari Mesir, tempat kamu dijadikan hamba.* (Dengan itu, pendahuluan ini menunjukkan bahawa bangsa-bangsa lain tidak pernah diletakkan di bawah perjanjian ini, walaupun ramai orang Kristian beranggapan bahawa mereka termasuk dalam perjanjian tersebut. Tuhan tidak pernah membawa bangsa lain keluar dari tanah Mesir.)

Selanjutnya, perjanjian menetapkan dalam sepuluh hukum utama dan berpuluh-puluh peraturan kecil, tentang tingkah laku yang dituntut oleh Tuhan daripada orang Israel. Dia membuat peruntukan bagi dokumen perjanjian supaya disimpan di dalam

Tabut (Kel 25.21), dan bagi terma-terma perjanjian untuk dibaca di khalayak ramai di hadapan segenap bangsa yang berkumpul, sekali dalam setiap tujuh tahun. Kemudian, perincian tentang kutuk yang akan menimpa mereka sekiranya mereka tidak taat, dan berkat-berkat yang akan menyusul tingkah laku yang benar (Ul 31.10-13; 11.26-28; 27.11-28.68).

Dengan itu, jelaslah bahawa perjanjian yang lama, walaupun didasarkan pada hukum moral Tuhan, lebih daripada petunjuk dan nasihat moral. Ia menghuraikan terma-terma yang disetujui oleh Tuhan dalam hubungan-Nya dengan Israel dan Dia menjadi Tuhan mereka. Dia bersedia untuk menerima serta memberkati mereka, dan mengakui mereka sebagai umat-Nya, selagi mereka mengikut semua tuntutan hukum moral-Nya. Tetapi jika mereka melanggar hukum atau atas apa pun sebab mereka gagal mematuhi, maka hukum itu memberi mereka amaran bahawa Tuhan akan mengutuk dan menolak mereka.

Perbezaan antara hukum sebagai petunjuk moral dan hukum sebagai dasar perjanjian hubungan adalah sangat penting. Mari menggunakan gambaran mudah untuk membantu kita memahaminya. Buku masakan Mrs Beaton's Cookbook adalah buku resipi yang sangat baik dan terbukti, serta terkenal di dunia. Jika seorang suri rumah mengikut petunjuknya dengan terperinci, dia akan menjadi tukang masak yang sangat baik. Cuba bayangkan seorang lelaki. Selepas berkahwin, dia akan menghadiahi isterinya dengan sebuah buku Mrs. Beaton sebagai standard masakan yang diharapkannya daripada isterinya. Jika isteri itu seorang yang baik hati, mungkin dia akan menerima buku itu dengan senyuman ataupun dengan semangat. Tetapi sekiranya suami itu menjelaskan bahawa dengan memberikan buku Mrs. Beaton, dia meletakkan dasar hubungan mereka. Maksudnya, selagi dia melaksanakan dengan setia dan terperinci semua petunjuk di dalam buku itu dengan sempurna dan tanpa gagal, lelaki itu akan menerima dia sebagai isterinya, menjaga, mengasahi, dan menghargainya. Tetapi jika isteri itu gagal melaksanakan petunjuknya dengan sempurna, jika dia menghanguskan sup, tidak memasak daging dengan cukup masak atau merosakkan meringue lemon, si suami terpaksa tidak

mengakui dia lagi dan menceraikannya. Pasti tiada seorang perempuan di dunia, saya fikir, yang rela menjadi isteri dengan terma-terma tersebut.

Namun begitulah, bahkan tuntutananya sangat berat, perjanjian antara umat Israel dan Tuhan. Hukum-Nya, secara ringkas, menyatakan bahawa mereka harus mengasihi Tuhan dengan segenap hati, fikiran, jiwa, dan kekuatan, dan mengasihi sesama seperti diri mereka sendiri. Selagi mereka berbuat demikian tanpa gagal atau melencong, Tuhan bersedia menjadi Tuhan mereka. Dia menerima mereka dan memberkati mereka. Tetapi jika mereka gagal kerana kelemahan atau tidak terkawal untuk mengikut hukum-Nya, seluruh atau sebahagiannya, maka dengan persetujuan mereka, Dia akan menolak dan mengutuk mereka.

Memang amat mengagumkan apabila Israel bersetuju dengan perjanjian seperti itu. Mereka berbuat demikian dengan cepat, dan ini menunjukkan betapa bersemangat dan beragama mereka ini. Namun, itu menunjukkan juga betapa sedikitnya mereka tahu tentang kelemahan dan dosa di dalam hati mereka sendiri. Sebelum pun Musa membawa batu tulis yang ditulisi hukum dari gunung kepada umat, mereka sudah melanggar kebanyakan tuntutananya yang sangat asas dan penting.

Namun, meskipun Israel gagal dan kegagalan mereka berulang-ulang selama beberapa abad untuk menunaikan bahagian mereka dalam perjanjian itu, dan walaupun mereka telah mendatangkan kesedihan dan hukuman berat atas diri mereka sendiri, kita masih mendapati orang dalam kalangan orang Kristian yang beranggapan bahawa hubungan yang benar dan memuaskan dengan Tuhan boleh dibina atas terma-terma seperti dalam Perjanjian Lama. Mungkin mereka tidak mengungkapkan pendapat dengan istilah-istilah teologi yang kita baru saja gunakan. Barangkali mereka lebih cenderung berkata begini: “Saya percaya bahawa sekiranya saya benar-benar berusaha untuk mematuhi hukum, melayani Tuhan, dan mengasihi sesama, maka saya akan tenteram, dan akhirnya semuanya akan baik-baik belaka.” Tetapi sebenarnya tidak. Memang tidak boleh. Apa yang dikatakan mereka sebagai “benar-benar berusaha untuk mematuhi

hukum,” apabila diperiksa, bukan pula mematahinya melainkan gagal mentaatinya. Mereka kurang lebih dua puluh lima peratus gagal, tetapi sentiasa gagal untuk mematahinya dengan sempurna. Jika mereka mendesak bahawa hubungan mereka dengan Tuhan adalah berdasarkan usaha yang gagal untuk mematuhi hukum-Nya, maka Tuhan tiada pilihan lain kecuali menolak mereka sebagaimana Dia menolak Israel.

PERJANJIAN DUA PIHAK

Seluruh sikap ini sudah ketinggalan beberapa abad. Yeremia, seorang nabi Yahudi pada abad keenam S.M. telah melihat bahawa mustahil bagi manusia untuk mempunyai hubungan yang memuaskan dengan Tuhan jika berdasarkan terma-terma Perjanjian Lama. Dia telah diilhami Tuhan untuk bernubuat bahawa satu hari nanti Tuhan akan membuat perjanjian baru berdasarkan terma-terma lain. Oleh itu, semasa di bilik di atas di Yerusalem, Tuhan kita memberikan secawan wain kepada para pengikut-Nya dan berkata, *Cawan wain ini perjanjian Allah yang baru, yang disahkan dengan darah-Ku, darah yang dicurahkan untuk kamu* (Lukas 22.20). Dengan itu, para pengikut-Nya tahu bahawa Dia mengumumkan pelancaran rasmi Perjanjian Baru yang diterangkan oleh Yeremia. Perkara ini membuat perubahan besar dalam hubungan manusia dengan Tuhan.

Tetapi dalam hal apakah Perjanjian Baru ini baru dan berbeza dengan yang Lama? Ia baru dalam dua segi: dalam sifat asas dan termannya. Dalam sifat asasnya, Perjanjian Baru adalah perjanjian satu pihak, sedangkan Perjanjian Lama adalah perjanjian dua pihak. Mari kita menggambarkan perbezaannya dengan satu perbandingan mudah. Misalnya anda inginkan sebuah rumah baru dan anda minta pembina O’Leary untuk membina rumah itu. Kemungkinan besar anda akan membuat satu persetujuan atau perjanjian dengan dia. Perjanjian itu tentulah persetujuan dua pihak dan anda serta pembina itu mempunyai beberapa syarat untuk dipenuhi. Dalam persetujuan itu, ditulis bahawa O’Leary akan membina sebuah rumah besar yang mempunyai empat puluh bilik dan dilengkapi gelanggang tenis

dan kolam renang yang boleh dipanaskan di halaman luar. Setelah rumah itu selesai dibina menurut semua ketentuan yang terperinci, maka menurut bahagian anda, anda harus membayar O'Leary tiga juta ringgit. Dalam perjanjian itu ditulis juga bahawa sekiranya mana-mana pihak gagal memenuhi mana-mana atau kesemua syarat yang ditetapkan, denda yang berpatutan akan dikenakan.

Perjanjian Lama adalah perjanjian dua pihak seperti itu. Tuhan mempunyai bahagian-Nya untuk dipenuhi. Dia akan menerima Israel sebagai umat-Nya dan memberkati mereka dengan limpah. Tetapi ini bergantung pada Israel untuk memenuhi syarat-syarat bagi mereka, iaitu mematuhi semua hukum Tuhan dengan sempurna. Dalam perjanjian itu telah ditulis bahawa sekiranya Israel gagal untuk memenuhi syarat mereka, hukumannya adalah kutuk Tuhan atas mereka.

Israel gagal: *Mereka tidak setia kepada perjanjian yang Aku buat dengan mereka, itulah sebabnya Aku tidak mempedulikan mereka*, kata Tuhan (Ibr 8.9). Oleh itu, Tuhan berfirman dalam bahagian yang sama, Perjanjian Lama itu harus diketepikan dan perjanjian yang baru dan berbeza perlu diperkenalkan. TUHAN berfirman, *Akan tiba masanya Aku membuat perjanjian yang baru dengan umat Israel dan Yehuda. Perjanjian itu tidak seperti perjanjian yang Aku buat dengan nenek moyang mereka ketika Aku menuntun mereka keluar dari Mesir. Walaupun Aku seperti seorang suami kepada mereka, namun mereka mengingkari perjanjian-Ku dengan mereka* (Yer 31.31-32).

Kesalahannya bukan pada standard yang dituntut oleh Perjanjian Lama, dan bukan juga bermakna bahawa kini Tuhan mencadangkan Dia berpuas hati dengan hukum yang lebih longgar dan bertoleransi berbanding zaman Perjanjian Lama. Kesalahan adalah pada ketidakmampuan manusia yang berdosa untuk menunaikan terma-terma mana pun perjanjian dua pihak antara manusia dan Tuhan, berdasarkan hukum Tuhan.

PERJANJIAN SATU PIHAK YANG BARU

Oleh itu, marilah memperhatikan jenis perjanjian yang lain, yang kita sebut sebagai perjanjian satu pihak. Bayangkan suatu hari anda menerima sepucuk surat daripada Messrs. Cunningham dan Craft, peguam cara tempatan yang memaklumkan anda bahawa Seamus, bapa saudara anda, baru meninggal di Amerika. Anda tidak pernah mengenal Seamus. Dia berhijrah ke Amerika sebelum anda lahir dan tidak pernah kembali lagi. Anda berasa sangat sedih setelah mendengar dia meninggal, tetapi pada masa yang sama anda sangat terharu dan gembira ketika mendapat tahu bahawa dia telah mewariskan harta sejumlah satu juta dolar kepada anda. Lalu anda bergegas kepada peguam cara dan bertanya apa syarat-syarat yang anda perlu penuhi untuk mendapatkan wang tersebut. Pihak peguam cara membaca dengan teliti klausa-klausa wasiat lalu mengumumkan bahawa anda tidak perlu menunaikan apa-apa syarat kecuali kerelaan untuk menerima wang tersebut. Anda menerangkan bahawa anda tidak layak menerimanya. Anda tidak pernah melakukan apa-apa untuk Pakcik Seamus semasa dia masih hidup. Pasti anda perlu melakukan sesuatu yang baik sekarang sebelum anda menerima warisan yang begitu besar jumlahnya.

Para peguam cara membaca semula wasiat dan mengesahkan bahawa dalam semua klausanya, tiada apa-apa tuntutan daripada anda kecuali kerelaan untuk menerima hadiah yang diberi. Lalu anda bertanya bagaimana anda yakin bahawa wang itu kepunyaan anda dan tiada sesiapa pun boleh menghalangnya daripada menjadi milik anda. Mereka menjawab bahawa Pakcik Seamus bukan hanya memberikan wang itu kepada anda tetapi dia juga telah membuat perjanjian, iaitu perjanjian satu pihak, atau dengan kata lain, satu wasiat, yang meskipun tidak meletakkan sebarang syarat untuk anda tunaikan, ia mewajibkan pihak Seamus untuk memberikan wang itu kepada anda dan menghalang orang lain daripada mengambil wang tersebut. Sekiranya anda mahu, memang anda boleh menolak wang tersebut. Anda boleh mengoyakkan wasiat itu,

mentertawakan para peguam cara kerana mempercayainya, lalu pulang. Tetapi jika anda ingin mendapat manfaat daripada wasiat Seamus, anda hanya perlu mempercayai dan menerimanya. Wasiat itu adalah perjanjian satu pihak.

Perjanjian Baru adalah perjanjian satu pihak seperti itu (rujuk Galatia 3.15-22). Dalam bahasa undang-undang kita menyebutnya wasiat untuk membezakannya daripada perjanjian dua pihak. Itulah sebabnya kita menyebut dua puluh tujuh buah kitab yang menerangkan semua faedah dan peruntutannya, Perjanjian Baru. Berkat dan manfaat yang diberi oleh Perjanjian Baru kepada orang yang percaya dan menerima Penyelamat adalah sangat besar. Tetapi semuanya dijamin untuk diberi kepada orang percaya kerana Kristus sendiri, sebagaimana yang dinyatakan oleh Surat Ibrani (7.22), telah menjadi penjamin.

Memang setiap orang adalah bebas dan jika dia mahu, dia boleh menolak atau mengabaikan berkat-berkat itu. Sedihnya, ramai juga orang berbuat begitu. Orang mungkin juga menjadi lebih teruk dan menafikan nilai Perjanjian Baru sebagai tidak lebih daripada kertas yang ditulisi perjanjian ini. Tiada sesiapa pun memaksa orang untuk menerima berkat Perjanjian Baru. Rahmat Tuhan tidak terbatas tetapi bukan tidak boleh ditolak. Tetapi jika kita menerima dan menikmati faedah-faedah daripada Perjanjian Baru, maka kita mesti membuang segala fikiran yang menganggap bahawa kita layak menerimanya. Kita hanya perlu menerimanya dengan iman daripada tangan Peribadi yang menyerahkan cawan sebagai lambang perjanjian-Nya dan menandatangani perjanjian itu dengan darah-Nya sendiri.

SOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Apakah yang perlu dilakukan oleh orang untuk mendapatkan manfaat daripada Perjanjian Baru?
2. Mengapakah Perjanjian Lama mustahil dipatuhi oleh manusia? Apakah tujuannya?
3. Mengapakah Tuhan tidak puas hati apabila kita “berusaha benar-benar untuk mematuhi hukum”?
4. Mengapakah kematian Kristus perlu sebelum Perjanjian Baru boleh diperkenalkan?
5. Bagaimanakah perbezaan antara dua perjanjian itu diterangkan oleh ayat-ayat berikut? Ibrani 8.8-12; Galatia 3.15-22.

HUBUNGAN ANTARA RAJA DAN RAKYATNYA

Pembacaan: Lukas 22.20; Ibrani 8.6-13

Dalam pembelajaran kita sebelumnya, kita melihat bahwa Perjanjian Baru berbeza daripada Perjanjian Lama pada sifat asasnya. Ia adalah perjanjian satu pihak, sedangkan Perjanjian Lama adalah persetujuan dua pihak. Kini kita mesti melihat betapa bezanya Perjanjian Baru dan ia juga lebih unggul dalam perincian terma-termannya. Terma-terma tersebut, yang menghuraikan hubungan antara Tuhan Raja dan rakyat-Nya yang percaya, diletakkan dengan tepat di fasal kelapan, Surat Ibrani, ayat 10-12. Ini terbahagi kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama terdapat di dalam ayat 10 dan Tuhan berfirman: *Aku akan menanamkan hukum-Ku di dalam fikiran mereka, dan menuliskannya di dalam hati mereka* (Ibr 8.10). Tujuan janji ini jelas, jika kita ingat bahawa sepuluh hukum dalam Perjanjian Lama itu ditulis pada dua keping batu tulis. Itulah sebabnya hukum itu sangat tidak berkesan untuk membawa orang melakukan kehendak Tuhan. Hukum itu hanya perintah yang ditulis pada batu yang keras dan dingin. Hukum itu memberitahu manusia apa yang patut dilakukan, tetapi tidak dapat memberikan tenaga untuk melakukannya. Hukum memberitahu manusia apa yang tidak boleh dilakukan, tetapi tidak memberi dia kuasa untuk menahan diri daripada berbuat demikian. Hukum itu sendiri adalah sempurna dan masuk akal, dan jika orang dapat mematuhiinya, ia dapat menghasilkan tingkah laku yang mulia. Tetapi manusia tidak dapat mentaatinya. Hatinya lemah dan berdosa, sangat licik dan jahat, sebagaimana yang diterangkan oleh Perjanjian Lama.

HUKUM TUHAN DI DALAM HATI

Sebelum manusia dapat berharap untuk mematuhi hukum Tuhan dengan cara yang memuaskan hati Tuhan, manusia perlu diberi hati yang baru, sifat yang baru, dan kuasa yang baru. Maka itulah sebabnya ada peruntukan dalam klausa pertama di dalam Perjanjian Baru. Tindakan Tuhan untuk menulis hukum-Nya di dalam hati manusia maksudnya lebih daripada membantu dia mengingat hukum tersebut, dan jika perlu menghafalnya. Maksudnya adalah menanamkan di dalam dirinya sifat baru, iaitu sifat Tuhan sendiri (rujuk 2 Petrus 1.3-4). Kerana, sebagaimana yang ditulis dalam Surat kepada Roma 8.7, *Seseorang yang fikirannya dikuasai oleh tabiat manusia, menjadi musuh Allah. Orang itu tidak mentaati hukum Allah, dan sebenarnya dia tidak dapat mentaati hukum Tuhan.* Oleh itu, jika manusia hendak menepati hukum Tuhan, Tuhan mesti menciptakan hidup baru di dalamnya. Sifat hidup baru itu ingin mentaati hukum Tuhan. Rasul Yohanes menyebut proses itu sebagai ‘kelahiran baru’. Perjanjian Baru menyebutnya ‘penulisan hukum Tuhan di dalam hati kita’.

Klausa seterusnya dalam Perjanjian itu memperuntukkan bahawa setiap orang percaya akan menikmati pengetahuan yang intim tentang Tuhan dalam pengalaman peribadinya. Bunyinya: *Tetapi sekarang, inilah perjanjian yang akan Aku buat dengan umat Israel pada masa akan datang, firman Tuhan: Aku akan menanamkan hukum-Ku di dalam fikiran mereka, dan menuliskannya di dalam hati mereka. Aku akan menjadi Allah mereka, dan mereka akan menjadi umat-Ku. Tidak seorang pun perlu mengajar sesama wargakota, atau memberitahu sesama suku, ‘Kenallah akan Tuhan.’ Mereka semua akan mengenal Aku, daripada yang terkecil sehingga yang terbesar (Ibr 8.10-11).*

MENGENAL TUHAN

Mengenal Tuhan dalam erti ini bukan hanya mengetahui bahawa Tuhan itu wujud. Kata kerja ‘untuk mengenal’ adalah yang kita gunakan untuk menggambarkan hubungan intim antara

seorang lelaki dan isterinya. Pada tahap rohani, mengenal Tuhan bererti hubungan yang peribadi, terus terang dan intim. Pengalaman dengan Tuhan yang disampaikan melalui buku, atau pengkhotbah, atau pastor mungkin dapat memberikan nilai yang sungguh dan positif, tetapi ini tidak cukup.

Walaupun orang lain berusaha menolong kita untuk mengerti perkara-perkara tentang Tuhan, namun untuk mengalami penyelamatan dan hukum Tuhan ditulis di dalam hati kita, maka kita sendiri mesti mengenal Tuhan secara peribadi dan langsung. Pertama-tama, seorang gadis mesti mengenal bakal suaminya melalui laporan yang begitu baik daripada beberapa orang kawan, kemudian seorang kawan mungkin mengatur satu masa perkenalan. Tetapi jika gadis itu betul-betul menjadi isteri seorang lelaki, mesti ada waktunya kawan itu tidak lagi campur tangan dan gadis itu sendiri memasuki perhubungan yang langsung dan peribadi dengan lelaki tersebut.

Lagipun, kegagalan untuk masuk perhubungan peribadi dengan Tuhan adalah sangat bahaya secara rohani. Tuhan sendiri memberikan amaran kepada kita bahawa apabila Dia bangkit dan menutup pintu, dan menyuruh orang yang di luar untuk pergi daripada-Nya, maka sebabnya mereka harus pergi diberi dalam kata-kata ini: *Aku tidak mengenal kamu* (Mat 7.23). Ini tidak mungkin bererti bahawa Kristus tidak pernah tahu mereka wujud, atau tidak pernah tahu siapa mereka. Maksudnya, mereka dan Kristus tidak pernah mempunyai urusan secara langsung dan peribadi dengan satu sama lain. Selanjutnya, Kristus memberi kita amaran bahawa meskipun orang-orang itu dapat menceritakan bukti bahawa mereka beragama, bahkan lebih daripada orang kebanyakan, semua itu tidak dapat menggantikan pengenalan peribadi akan Penyelamat (Mat 7.22, Luk 13.26).

Dengan itu, Kristus mengatakan tentang orang percaya yang sejati: *Akulah gembala yang baik. Sebagaimana Bapa mengenal Aku dan Aku mengenal Bapa, begitu juga Aku mengenal domba-domba-Ku dan mereka pun mengenal Aku. Aku mengorbankan nyawa untuk mereka...Domba-domba-Ku mendengarkan suara-Ku. Aku mengenal mereka dan mereka mengikut Aku. Aku memberi mereka hidup sejati dan kekal, dan*

mereka tidak akan binasa. Tidak seorang pun dapat merampas mereka dari tangan-Ku (Yoh 10.14-15, 27-28).

Kini perkara yang indah tentang pengetahuan peribadi dan hubungan dengan Tuhan ini adalah sesuatu yang kita sendiri tidak usahakan atau capai dengan melakukan banyak persiapan yang lama dan sukar. Perjanjian Baru menawarkannya sebagai hadiah. Ia dilakukan oleh Roh Kudus di dalam hati setiap orang yang percaya kepada Kristus. Dengarkanlah Paulus: *Kerana kamu anak-anak Allah, Allah menyuruh Roh Anak-Nya masuk ke dalam hati kita. Roh itulah yang menyebabkan kita berseru, "Bapa, ya Bapaku" (Gal 4.6).* Ketika kita mula-mula percaya kepada Kristus dan menjadi anak-anak Tuhan, memang kita masih sangat muda secara rohani. Kita belum menjadi bapa-bapa rohani, bahkan belum pun menjadi pemuda yang kuat. Kita masih anak-anak secara rohani. Namun, Yohanes berkata: *Aku menulis kepada kamu, orang muda, kerana kamu sudah mengalahkan Iblis (1 Yoh 2.13).*

TUHAN MENGAMPUNI

Klausa yang ketiga dan terakhir dalam Perjanjian Baru adalah seperti berikut: *Aku akan mengampunkan kesalahan mereka, dan tidak mengingat lagi dosa mereka (Ibr 8.12).* Perkara pertama yang paling besar tentang klausa yang menakjubkan ini adalah kini kita mempunyai pengampunan dosa yang tertulis dalam terma-terma Perjanjian itu.

Mari kita kembali sebentar kepada gambaran yang digunakan dalam pelajaran sebelumnya untuk membantu kita mengerti maksud ini. Anda mahu seorang pembina untuk membina rumah anda. Dia bersetuju, tetapi berdasarkan bayaran anda sejumlah RM600,000. Oleh itu, anda membuat perjanjian. Dia membina rumah itu dan anda membayar RM600,000. Bagaimanapun, sekiranya rumah itu sudah dibina, tetapi anda mendapati perniagaan anda merosot dan anda tidak dapat membayar harga yang perlu. Dalam keadaan itu, jika pembina itu mengampuni hutang anda yang mengikat anda dalam perjanjian dan membiarkan anda mengambil rumah itu tanpa membayar

apa-apa lagi, perkara ini memang sangat luar biasa, dan hampir dikatakan sebagai mukjizat. Tetapi jika itu luar biasa, maka tidak pernah berlaku si pembina membuat kontrak dan menyatakan bahawa pemilikan rumah adalah berdasarkan pembayaran harganya, tetapi sekiranya anda tidak dapat membayar harga tersebut, dia akan mengampuni anda dan anda boleh memiliki rumah itu tanpa membayar harganya. Pernyataan seperti itu adalah pernyataan yang tidak bererti apa-apa: satu perjanjian tidak boleh didasarkan pada kedua-dua keadaan, sama ada dapat membayar harga atau tidak, rumah itu boleh dimiliki.

Demikian juga, tiada perjanjian ilahi boleh mendasarkan penyelamatan pada ketaatan hukum dan juga pada pelanggaran hukum. Perjanjian Lama menetapkan bahawa syaratnya adalah ketaatan pada hukum dan mengumumkan kutuk kepada orang yang tidak mentaati hukum. Perjanjian Baru tidak menetapkan syarat penyelamatan berdasarkan ketaatan pada hukum, melainkan menulis dalam termannya jaminan pengampunan apabila gagal mematuhi hukum. Kini Tuhan tidak dapat menolak pengampunan tanpa melanggar Perjanjian itu, dan memang Dia tidak berniat untuk berbuat demikian. Oleh itu, semua orang yang percaya kepada Kristus boleh mendapatkan pengampunan dengan pasti berdasarkan kesetiaan Tuhan yang tidak pernah mengecewakan untuk menunaikan perjanjian yang dibuat-Nya.

Tetapi pada saat ini, pasti ada orang yang membantah bahawa jika Perjanjian menjamin pengampunan sehingga kita tahu tentang hal ini dari awal lagi, maka ini sama buruk dengan skandal zaman pertengahan. Pada zaman itu orang boleh membeli pengampunan dosa dengan lebih awal untuk dosa yang belum dibuat tetapi yang ingin dilakukan. Dengan itu, orang terus melakukan dosa tersebut dengan keyakinan bahawa pengampunan pasti ada dan orang tidak dijatuhi hukuman.

Jawapan bagi bantahan ini adalah ia lupa pada klausa pertama Perjanjian Baru. Klausa ini mengungkapkan tekad Tuhan untuk menulis hukum-Nya di dalam hati orang percaya agar, seperti yang dikatakan oleh Paulus (Roma 8.4) *Allah berbuat demikian supaya kehendak-Nya yang dinyatakan di dalam Taurat dapat kita lakukan dengan sepenuhnya dalam*

hidup kita yang menurut kehendak Roh Allah, dan bukan menurut kehendak tabiat manusia. Maksudnya, Perjanjian Baru bukan hanya menyediakan pengampunan. Sebaliknya, klausa pertama mengumumkan bahawa matlamat utamanya adalah menjadikan manusia suci oleh pekerjaan Roh Tuhan yang berterusan di dalam hati manusia. Dialah yang menjamin bahawa Tuhan tidak akan berhenti bekerja sebelum menjadikan manusia itu sempurna.

Hanya dalam konteks ini, barulah klausa ketiga meyakinkan manusia bahawa penerimaan Tuhan akan dia tidak bergantung pada kemajuan kerohaniannya. Tentu sekali tidak bergantung pada pencapaian akan kesempurnaan. Dalam sekolah kesucian secara berperingkat, manusia akan menghadapi banyak pelajaran yang sukar, dan kesalahan serta kegagalannya banyak. Tetapi dia boleh mendapat keberanian dan penghiburan dalam jaminan Tuhan akan pengampunan penuh, dan mengetahui bahawa dia tetap diterima oleh Tuhan, dan matlamat kesempurnaan itu akan dicapai kelak.

TUHAN MELUPAKAN

Marilah merenungkan berapa besarnya pengampunan yang disediakan di sini. Sebagai permulaan, janji “Aku tidak akan ingat dosa mereka lagi” tidak bermaksud Tuhan akan cuba melupakan bahawa mereka telah berbuat dosa. ‘Ingat’ adalah istilah undang-undang. Ini bererti ‘ingat dan mengambil tindakan yang sesuai menurut undang-undang.’ Apabila Wahyu 18.5 berkata tentang Babel, *kerana dosanya bertimbun-timbun sampai ke langit, dan Allah tidak lupa akan kejahatannya*, ini disusuli oleh gambaran hukuman yang akan dijatuhkan ke atasnya sementara Tuhan mengupas dosanya dan menghukum mereka. Oleh itu, klausa 3 Perjanjian itu mengatakan bahawa Tuhan tidak pernah mengungkit dosa orang percaya untuk menentangnya dari segi undang-undang, dan Dia tidak akan menjatuhkan hukuman dosa itu ke atasnya.

Perkara ini berlaku bukan kerana Tuhan telah menjadi sentimental terhadap dosa orang percaya atau kerana Dia

memperlakukan mereka sebagai orang kesayangan dan boleh bertolak ansur dengan dosa. Ini berlaku kerana Kristus sendiri telah membayar hukuman itu. Itulah sebabnya, pada waktu dia membuat Perjanjian itu, Dia menyerahkan cawan kepada para pengikut-Nya, wain yang melambangkan *darah-Ku yang mengesahkan perjanjian yang dibuat oleh Allah dengan umat-Nya; darah-Ku yang dicurahkan bagi banyak orang supaya dosa mereka diampunkan* (Mat 26.28).

Pengampunan Tuhan sentiasa adil. Misalnya, orang seperti Raja Daud, Yesaya, dan Yeremia yang hidup di bawah terma-terma Perjanjian Lama. Seperti kita semua, mereka orang berdosa dan menyebabkan hukuman daripada Perjanjian Lama untuk dijatuhkan ke atas mereka. Bagaimana mungkin mereka boleh diampuni dan diselamatkan? Ada orang berkata, “Tetapi mengapa pula mereka tidak dipindahkan dari Perjanjian Lama dan diberikan manfaat Perjanjian Baru?” Jawabannya adalah—mereka boleh. Sebenarnya, menurut Ibrani 9.15, tepat seperti itulah yang dilakukan oleh Tuhan bagi mereka. Tetapi Dia tidak melakukannya dengan melanggar Perjanjian Lama itu sendiri, dengan tidak menghormati terma-termanya, dan mengetepikan persetujuan yang dibuat-Nya sendiri.

Tuhan tidak seperti Adolf Hitler, yang biasa membuat persetujuan dan perjanjian dengan bangsa-bangsa lain apabila perkara itu menyenangkan dia, kemudian apabila perkara itu tidak lagi menyenangkan, dia mengoyakkan perjanjian itu dan melupakannya. Sebelum Tuhan boleh memindahkan orang daripada kewajiban mereka terhadap Perjanjian Lama dan memperkenalkan mereka kepada manfaat Perjanjian Baru, semua hutang yang telah termasuk kontrak mereka dalam Perjanjian Lama harus dibayar. Oleh itu, Ibrani 9.15 menyatakan, *Hal itu dapat berlaku kerana Kristus telah mati untuk membebaskan orang daripada kesalahan yang dilakukan mereka pada masa perjanjian pertama masih berlaku.*

Mungkin ada orang yang membantah kerana semua ini seolah-olah menjadikan Tuhan terlalu bersifat keundangan dan membuat tuntutan berat, sedangkan Dia baik hati dan penuh kasih. Tetapi bantahan timbul daripada pandangan yang

sentimental dan tidak cukup tentang kasih yang sejati. Adakah kasih dalam Maha Kuasa untuk mengikat diri-Nya dengan perjanjian untuk satu hari supaya melakukan pelbagai perkara, tetapi pada hari lain pula melupakan atau enggan melakukannya? Kita semua telah berjumpa dengan ibu atau bapa yang selalu berjanji kepada anak manjanya bahawa jika dia berbuat ini dan itu lagi, maka dia akan merotannya. Namun, apabila anak itu berulang kali melakukan ini dan itu, dia tidak merotannya pun. Anak itu tidak membesar untuk mengagumi ibunya sebagai pengasih. Sejak awal lagi dia membenci kata-kata ibu dan ibu itu sendiri.

Jika Tuhan gagal memenuhi tuntutan hukum-Nya yang telah dipegang-Nya sendiri, bagaimana mungkin orang lain yakin bahawa Dia tidak gagal menunaikan janji-janji-Nya yang bertujuan memberikan manfaat dan berkat kepada orang percaya? Tidak, sama seperti Tuhan mengikat diri-Nya dengan terma-terma Perjanjian Lama untuk menguatkuasakan tuntutan hukum-Nya terhadap dosa, demikian juga tuntutan itu dikuatkuasakan apabila Kristus mempersembahkan diri-Nya sebagai korban kerana dosa. Dengan tanda yang sama, sebagaimana Tuhan sendiri terikat pada terma Perjanjian Baru untuk tidak ingat dosa orang percaya itu lagi, maka demikian juga orang percaya itu yakin bahawa dia tidak akan dihukum, dan bahawa *Sekarang tidak ada lagi hukuman bagi mereka yang hidup bersatu dengan Kristus Yesus* (Roma 8.1).

KORBAN YANG CUKUP

Kecukupan pengampunan yang diberi di bawah terma Perjanjian Baru boleh dilihat dari sudut pertimbangan yang lain, iaitu hakikat korban Kristus yang sudah selesai dan tidak perlu diulang lagi. Memang sudah menjadi pengetahuan umum bahawa setelah mempersembahkan diri-Nya sebagai korban kerana dosa di kayu salib, kini Kristus naik ke syurga dan duduk di sebelah kanan Tuhan.

Tiada seorang imam yang pernah duduk ketika mempersembahkan korban. Satu-satunya gaya yang wajar ketika

mempersalahkan korban adalah berdiri. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Ibrani 10.11 tentang imam-imam Yahudi purba: *Setiap imam Yahudi menjalankan tugas tiap-tiap hari dan berulang kali mempersealahkan korban yang sama. Tetapi korban-korban itu sama sekali tidak dapat menghapuskan dosa.* Tetapi Kristus tidak berdiri, Dia duduk. Sebabnya adalah Dia tidak lagi mempersealahkan korban untuk dosa. Semua tugas berkaitan dengan korban sudah selesai, dan Kristus telah berhenti daripada tugas itu. Sebagaimana Ibrani 10.12 menyatakannya: *Tetapi korban-korban itu sama sekali tidak dapat menghapuskan dosa.*

Tetapi soalan ini tetap timbul: Mengapakah Kristus tidak perlu lagi mempersealahkan diri-Nya sebagai korban? Mengapakah Dia tidak lagi perlu menderita kerana tuntutan undang-undang terhadap dosa apabila seorang percaya berbuat dosa? Roh Kudus sendiri memberikan jawapan bagi soalan ini (Ibrani 10.17-18). Dia menunjuk kepada klausa ketiga dalam Perjanjian Baru, *Aku akan melupakan segala dosa dan kejahatan mereka.* Kemudian Dia menyuruh kita membuat pemotongan yang mudah dan jelas. Jika semua dosa sudah diampunkan, tiada lagi keperluan bagi proses pemberian korban untuk diteruskan, *persembahan korban untuk pengampunan dosa tidak diperlukan lagi.*

Ada satu perkara penting yang terakhir bagi klausa ketiga Perjanjian Baru. Ini bermula dengan satu perkataan, 'sebab'. *Sebab Aku akan menaruh belas kasihan terhadap kesalahan mereka dan tidak lagi mengingat dosa-dosa mereka* (Ibrani 8.12 TB). Ini menunjukkan bahawa klausa ketiga bertujuan menerangkan bagaimana janji-janji klausa yang sebelumnya boleh berkesan. Klausa itu berjanji bahawa setiap orang percaya akan menikmati pengenalan yang intim dengan Tuhan berdasarkan hubungan secara langsung dan peribadi dengan Dia. Tetapi bagaimana mungkin orang menikmati hubungan yang peribadi dan langsung dengan Tuhan, jika dia hidup dalam ketidakpastian sama ada Tuhan menerima atau menolaknya?

Kita semua tahu kerosakan psikologi yang berkekalan pada anak kecil jika semasa pertumbuhannya dia tidak pasti sama

ada dia diterima oleh ibu bapanya. Dia hidup dalam ketakutan, secara sedar atau tidak, bahawa satu hari nanti mereka akan menolak dia. Namun, ada ramai orang, bahkan orang beragama pun yang mempunyai hubungan dengan Tuhan yang dihantui oleh ketakutan dan ketidakpastian seperti itu. Akibatnya, timbullah pendapat yang mendakwa bahawa penyelamatan itu pasti suatu andaian yang tidak benar. Namun, keinginan Tuhan adalah membuang ketakutan itu. Seperti yang dikatakan oleh Yohanes (1 Yoh 4.18): *Orang yang menikmati kasih Allah tidak mengenal perasaan takut, kerana kasih yang sempurna melenyapkan segala perasaan takut.* Oleh itu, agar janji Klausa 2 Perjanjian itu menjadi kenyataan dan orang percaya menikmati hubungan dengan Tuhan yang terjamin, maka Klausa 3 memberikan jaminan terhadap pengampunan penuh. Ini bukan semata-mata bertujuan memberi orang percaya rasa aman dan bebas daripada ketakutan yang memperhamba. Jaminan sempurna terhadap hubungan dengan Tuhan adalah satu-satunya dasar yang sesuai yang boleh dikembangkan menjadi tingkah laku suci yang dijamin oleh Klausa 1.

SOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Mengapakah Tuhan begitu berusaha untuk meyakinkan orang Kristian sejati bahawa mereka diterima dengan sepenuhnya?
2. Apakah maksud Tuhan apabila Dia berfirman bahawa Dia tidak “ingat” akan dosa kita? Apakah alasan-Nya untuk berbuat begitu?
3. Dalam perkataan anda sendiri, apakah tiga klausa utama dalam Perjanjian Baru seperti yang dinyatakan di dalam Ibrani 8.6-13?
4. Klausa 2 menyatakan tentang “mengenal Tuhan.” Bagaimanakah kita “mengenal Tuhan”? (Mungkin anda ingin merujuk Yoh 17.3).
5. Apakah kepentingan kematian Kristus dalam hal menjadikan Perjanjian Baru suatu kenyataan? (Ibrani 9.15)

PANGKAT DAN GANJARAN HAMBА-HAMBА RAJA

Pembacaan: Lukas 22.24-30

Dalam dua pelajaran sebelumnya, kita telah menumpukan perhatian pada Perjanjian Baru yang menetapkan hubungan antara Raja dan rakyat-Nya. Terdapat sejumlah orang yang tidak begitu suka dengan idea bahawa hubungan Kristus dengan umat-Nya diungkapkan dengan istilah perjanjian. Mereka mengatakan bahawa ia menjadikannya kedengaran terlalu keras dan menurut undang-undang, sedangkan undang-undang adalah yang terakhir masuk dalam hubungan peribadi yang sejati. Lagipun, apabila Kristus digambarkan sebagai Raja dan umat-Nya sebagai rakyat, rasam geram mereka akhirnya menjadi bantahan.

Tindak balas mereka timbul kerana dua punca, atau mungkin gabungan kedua-duanya. Punca yang pertama adalah cara berfikir moden yang menganggap semua penuntutan kuasa ditakrifkan sebagai perkara yang jahat, dan semua penundukan kepada kuasa ditakrifkan sebagai sikap memperhambakan diri. Orang yang berpendirian begitu ingin supaya semua orang sama rata, dan tiada seorang pun mempunyai atau menggunakan kuasa atas orang lain. Memang benar bahawa mereka tidak biasanya berkempen untuk penghapusan kuasa graviti di tanah, yang berlaku kerana matahari menggunakan tarikan graviti yang lebih kuat terhadap bumi berbanding bumi terhadap matahari.

Tetapi kekacauan fizikal yang mereka timbulkan sekiranya mereka dapat melenyapkan kuasa graviti, tidak lebih besar daripada kekacauan moral yang berlaku sekiranya mereka dapat menghapuskan segala kuasa dalam hubungan manusia, apatah lagi antara manusia dan Tuhan. Seorang ibu yang tidak mahu

menggunakan sebarang kuasa atas anaknya yang berumur dua tahun akan berhenti menjadi ibu. Mungkin dia akan mendapati dirinya didakwa kerana kelalaian yang keterlaluan. Sekiranya anaknya mengambil sebotol racun dan meminumnya, ibu itu mesti menggunakan kuasanya dengan cepat dan tegas. Kasih dan gerak hati menuntunya.

SEMUA ORANG SAMA RATA?

Kerelaan dan keberanian untuk menghadapi fakta adalah tanda kedewasaan. Jika seorang budak sekolah telah menjawab latihan matematikanya dengan anggapan palsu bahawa punca kuasa dua bagi 49 adalah $24^{11/42}$ maka guru yang takut memberitahu budak itu bahawa dia salah, hanya membantu budak tersebut untuk tetap tinggal dalam dunia impian seorang anak. Mungkin guru itu takut melukai ego budak tersebut kerana janaan-janaan hal itu mencetuskan rasa rendah diri dalam hidupnya. Namun, tindakan guru seperti itu akan membantutkan proses pertumbuhan budak sekolah itu.

Adakah sesiapa yang benar-benar percaya bahawa pandangan seorang pengedar dadah terhadap pengambilan dadah setaraf dengan pakar neurologi dan jururawat di hospital dalam bidang penyakit saraf dan mental?

Sekiranya kapten sebuah kapal laut tidak dibenarkan untuk memberikan arahan tegas kepada para jurutera dan pelaut geladak, malah semua orang diberikan kuasa yang sama rata terhadap pengendalian kapal, maka saya sendiri berdoa agar saya tidak akan berada di atas kapal ini pada waktu ribut taufan.

Dalam hal ini, tidak boleh ada penundukan kepada konsep kesamarataan moden yang sentimental. Hidup tanpa kekuasaan akan kacau walaupun dapat diteruskan. Dan Kristus yang tidak mempunyai kuasa atau tidak menjalankan kekuasaan, tidak mungkin menjadi Penyelamat dunia kecuali dia adalah palsu. Sebenarnya, inilah tanda kesahihan dakwaan Kristus sebagai Anak Tuhan. Kerana meskipun Dia lembut, rendah hati, selalu mengasihi dan berbelas kasihan, namun Dia juga mempunyai kuasa yang tertinggi dan mutlak.

PENYALAHGUNAAN KUASA

Tetapi penentangan terhadap kuasa seperti yang disebut di atas mungkin dicetuskan oleh pengalaman pahit kerana penyalahgunaan kuasa, kezaliman dalam keluarga, pemerintah, atau gereja. Dan antara semua kezaliman, yang dilakukan dalam nama Kristus dan Gereja merupakan kezaliman yang paling jahat. Saya fikir, pada satu pihak kita tidak seharusnya terkejut bila saja kita melihat kezaliman seperti itu, kerana Tuhan kita sendiri telah memperingatkan kita sebelum Dia pergi, bahawa penyalahgunaan seperti itu akan berlaku dalam pemerintahan-Nya. Dia memberitahu kita apa yang akan dilakukan-Nya terhadap mereka. Dengarlah ayat ini (Lukas 12.45-46): *Tetapi jika hamba itu berkata dalam hati, 'Masih lama lagi tuan saya akan kembali.' Lalu dia mula memukul semua hamba yang lain, baik lelaki mahupun wanita, dan dia makan minum sehingga mabuk. Pada hari dan masa yang tidak diduganya, tuannya kembali. Tuan itu akan mencengam hambanya dan membiarkan dia merasai nasib orang yang tidak taat kepada Allah.*

Kata-kata ini sangat keras tetapi memang pun seharusnya begitu. Ketiga-tiga Injil sinoptik menjelaskan bahawa tiada perkara yang lebih menimbulkan kemurkaan Tuhan kita seperti melihat orang yang ditindas oleh para pemimpin agama yang menyalahgunakan kuasa mereka. Dia tidak menyembunyikan kemurkaan-Nya. Dengarlah Dia berkhotbah di Yerusalem: *Sementara semua orang mendengarkan kata-kata-Nya, Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, "Berhati-hatilah dengan guru Taurat. Mereka suka berjalan-jalan dengan memakai jubah panjang, dan suka dihormati orang di pasar. Mereka memilih tempat terbaik di dalam rumah ibadat dan di majlis jamuan. Mereka memperdaya balu dan merampas rumah mereka, kemudian berpura-pura berdoa dengan berpanjangan! Mereka akan menerima hukuman yang amat berat!"* (Lukas 20.45-47).

Dengan itu, apabila pergaduhan berlaku antara para pengikut-Nya pada waktu Perjamuan Akhir, Tuhan kita mengambil kesempatan itu untuk mengajar mereka sifat pemerintahan serta jabatan dan pelayanan yang benar dalam

Kerajaan-Nya. Pergaduhan pada waktu yang amat bermakna dan suci itu adalah tentang siapa antara mereka yang dianggap paling penting. Mungkin kita hampir tidak percaya bahawa ada seorang rasul yang ingin dianggap lebih besar daripada rasul yang lain, tetapi tidakkah kita mengenal hati kita sendiri dan menyedari bahawa rasul-rasul itu, meskipun jabatan mereka sangat penting, mereka masih manusia seperti kita juga. Tetapi begitulah yang terjadi dan Tuhan kita harus menerangkan bahawa pendapat mereka tentang kuasa dan pemerintahan adalah sangat salah. Secara tidak sedar, hal itu telah menyerap dalam diri mereka. *“Raja bangsa yang tidak mengenal Allah menindas rakyat; para penguasanya disebut ‘Pelindung Rakyat’ (Lukas 22.25).*

Sehingga hari ini, sering kali kebesaran seseorang tidak lagi berdasarkan pelayanannya terhadap orang lain tetapi dalam pengagungan diri sendiri. Orang besar diukur oleh kedudukan tinggi dan kuasa serta kemampuan untuk menguasai hidup orang lain. Oleh sebab pemikiran yang diputarbelit, gelaran Pelindung Rakyat bukan pula diberikan kepada orang yang melakukan tugas dan melayani tetapi kepada orang yang duduk di tempat tinggi dan dilayani oleh orang lain. *Tetapi tidak demikian halnya dengan kamu,* kata Tuhan kita kepada para rasul-Nya. Mungkin mereka ditentukan untuk mempunyai kedudukan tinggi di dalam gereja, sangat tinggi sehingga tiada lagi yang lebih tinggi kecuali Kristus sendiri. Tetapi mereka tidak boleh berfikir bahawa jabatan dalam gereja adalah seperti jabatan dalam empayar besar orang pagan. *Sebaliknya,* kata Kristus, *orang yang terbesar antara kamu mesti menjadi seperti yang terkecil dan pemimpin mesti menjadi seperti hamba (Lukas 22.26).*

TELADAN YANG SEMPURNA

Jelaslah bahawa pemerintahan yang mempunyai pegawai yang berkelakuan seperti ini akan menjadi permulaan syurga di bumi. Tetapi pengajaran Kristus bukan hanya kata-kata idealistik, palsu, atau omong kosong. Apa yang dihutbahkan-Nya kepada para rasul-Nya telah dilakukan-Nya dan masih dijalankan. *Siapakah yang lebih mulia,* kata-Nya, *orang yang duduk makan*

atau orang yang melayani dia? Tetapi Aku ada antara kamu sebagai orang yang melayan (Lukas 22.27).

Hal itu memang benar! Lukas memberitahu kita (18.35-43) bahawa pada suatu masa ketika Kristus sedang menghampiri Yerikho, seorang pengemis buta sedang duduk di tepi jalan dan mendengar orang ramai datang. Setelah dia mendapat tahu bahawa Yesus sedang datang dengan dikelilingi oleh ramai sekali orang, pengemis itu mengambil keputusan untuk merayu kepada Kristus untuk melakukan sesuatu terhadap keadaannya yang buta. Dengan sangat bijaksana—atau adakah dia, meskipun buta, mempunyai lebih ilham daripada kebanyakan orang? Dia memanggil Kristus sebagai Anak Daud, maksudnya sebagai raja Israel yang agung dan mulia, dan merayu kepada-Nya untuk berbelas kasihan kepadanya.

Dengan segera orang ramai menyuruh dia diam. “Tengoklah,” mungkin sekali mereka katakan, “tiada gunanya berteriak seperti itu. Yesus ialah Orang yang sangat penting. Sebenarnya, seperti yang kamu katakan, mungkin Dialah Raja agung itu sendiri. Jika bukan itu pun, Dia memang pengkhotbah dan nabi yang hebat. Raja-raja dan nabi-nabi tidak mungkin berhenti di setiap sudut untuk melihat keperluan pengemis yang berketu. Yesus harus memperhatikan hal-hal yang lebih penting.”

Tetapi tepat pada masa itu Yesus berada di tempat pengemis buta itu. Dia berhenti, “Tolonglah orang itu dan bawa dia kepada-Ku,” kata-Nya kepada beberapa orang yang berdiri di situ. Kemudian apabila orang itu mendekati-Nya, Dia bertanya, “Adakah engkau memanggil Aku? Engkau mahu sesuatukah?” “Ya,” orang itu menjawab teragak-agak, “mata saya. . . saya buta. Bolehkah, maksud saya, mahukah Tuan membuat saya melihat?” “Tentu saja mahu,” kata Kristus, “itulah sebabnya Aku datang, untuk melayani orang.” Dengan segera Dia mencelikkan mata orang itu.

Kejadian itu sangat dramatik dan memang pun tujuannya begitu. Perkara itu bukan untuk memberikan pertunjukan yang baik atau liputan akhbar yang menarik, tetapi supaya semua orang akan tahu bahawa inilah idea Kristus tentang ertinya menjadi besar dan menjadi raja. Maksudnya adalah melayani, bahkan

orang yang paling hina. Kita yakin bahwa meskipun Kristus telah meninggalkan dunia kita yang hina, dan kini duduk di atas takhta kemuliaan, namun pandangan-Nya tentang menjadi orang besar masih sama seperti dahulu. Sesiapa pun antara kita yang ada keperluan harus bertelut dan berdoa. Kristus masih mahu datang kepada kita dan berkata, “Adakah kamu panggil Aku? Adakah kamu memerlukan sesuatu?” Berbahagialah rakyat yang mempunyai Raja seperti itu!

Pengajaran di bilik di atas sangat mengesankan diri Petrus. Dengarlah kata-katanya pada kemudian hari ketika dia mendorong para tua-tua di beberapa jemaah Kristian: *Aku meminta perhatian pemimpin-pemimpin jemaah di kalangan kamu. . . Aku menggesa kamu supaya kamu menjaga jemaah yang diberikan oleh Allah kepada kamu, seperti gembala menjaga kawanan domba. . . . Janganlah lakukan tugas itu dengan berat hati. Jangan lakukan pekerjaan kamu hanya untuk mendapat upah, tetapi melakukannya kerana kamu sungguh-sungguh ingin melakukannya. Janganlah bertindak sebagai penguasa terhadap orang yang dipercayakan kepada kamu, tetapi jadilah teladan kepada mereka (1 Petrus 5.1-3).*

Dengarlah juga kepada Paulus yang memberitahu para pemimpin gereja di Efesus tentang pelayanan yang diharapkan daripada mereka: *Aku tidak pernah mengingini wang atau pakaian sesiapa pun. Kamu sendiri tahu bahawa dengan tangan sendiri, aku bekerja untuk mencukupi keperluanku dan rakan-rakanku. Dalam segala perkara aku sudah memberikan teladan kepada kamu bahawa dengan bekerja keras seperti ini, kita harus menolong orang yang lemah. Ingatlah akan kata-kata Tuhan Yesus, ‘Lebih berbahagia memberi daripada menerima.’ (Kisah 20.33-35).* Jika ini adalah sikap dan pelayanan yang diharapkan daripada rasul dan pemimpin jemaah di dalam gereja, maka pengajaran untuk kita sudah jelas.

GANJARAN

Bagaimanapun, meskipun hidup di bawah pemerintahan raja seperti itu sangat berbahagia, tidak dapat dinafikan bahawa

dalam keadaan dunia sekarang, anggota kerajaan Kristus lambat laun akan mendapati diri mereka menghadapi penderitaan. Tetapi kepada semua orang yang menderita kerana Kristus, Dia akan memberikan ganjaran. Oleh itu Dia berkata kepada para rasul di bilik di atas, *Kamu telah bersama-sama Aku dalam segala kesusahan-Ku. Sebagaimana Bapa-Ku telah memberikan hak kepada-Ku untuk memerintah, Aku juga akan memberikan hak itu kepada kamu. Kamu akan makan minum dengan Aku dan memerintah bersama-sama Aku pada waktu Aku menjadi raja. Kamu akan duduk di atas takhta untuk memerintah dua belas suku Israel* (Lukas 22.28-30).

Ganjaran yang dijanjikan mempunyai dua unsur: yang pertama adalah persekutuan yang lebih dalam dan menyeluruh dengan Kristus sendiri—makan dan minum bersama-sama-Nya di meja-Nya—dan yang kedua adalah berkongsi dengan Dia dalam pemerintahan-Nya dan kerajaan yang praktikal. Soalan ini timbul, Bilakah ganjaran itu diberi? Adakah maksud Tuhan kita dengan 'makan minum dengan Aku' merujuk kepada mengambil bahagian dalam Perjamuan Tuhan di gereja? Dan adakah frasa 'duduk di atas takhta untuk memerintah dua belas suku Israel' merupakan cara bercakap yang menarik bahawa rasul-rasul akan mempunyai kuasa atas pemerintahan Jemaah? Atau adakah makan dan minum bersama dengan Dia di dalam kerajaan-Nya itu merujuk kepada persekutuan yang lebih menyeluruh dengan Raja dan yang kita nikmati pada Kedatangan-Nya yang Kedua Kali? Adakah janji untuk menghakimi dua belas suku Israel benar-benar bermaksud seperti yang dikatakan, bahawa dalam kerajaan Kristus kelak, apabila Jemaah memerintah bersama dengan Dia, rasul-rasul akan mempunyai tanggungjawab untuk mentadbir bangsa-bangsa Israel?

Ini bukan soalan akademik semata-mata. Pada awal sejarah dunia Kristian dan terutamanya selepas Konstantin menganut agama Kristian, idea diterima umum bahawa Kristus menginginkan Gereja untuk memerintah di bumi pada masa sekarang dalam zaman ini. Oleh itu, Gereja bertanggungjawab untuk menabalkan serta menyingkirkan raja-raja. Lagipun, idea ini disertai oleh satu lagi yang mengandaikan Gereja adalah

pelanjutan dan sambungan bangsa Israel dan dengan itu ia bersikap seperti itu.

Akibatnya sangat dikesali. Misalnya, dahulu Israel dalam keadaan baik di bawah pemerintahan teokrasi dan rajanya dianggap sebagai gabenor jenderal Tuhan di bumi. Oleh sebab itu, agama dan politik adalah satu dan perkara yang sama. Misalnya, jika penduduk sebuah kota melakukan penyembahan berhala, mereka akan diberikan amaran tetapi jika mereka tidak bertaubat, raja akan memimpin tentera dan memusnahkan kota itu serta membunuh semua penduduknya dengan pedang (rujuk Ulangan 13.12-18).

Oleh sebab itu, apabila Gereja berfikir bahawa tujuan Gereja adalah menjadi pelanjutan Israel, ia secara logiknya bersikap seolah-olah Gereja dan Pemerintah adalah co-terminus, dan kuasa sivil wujud untuk menguatkuasakan arahan daripada Gereja serta menghukum semua orang yang menyimpang. Penganiayaan yang dilakukan oleh golongan Protestan dan Katolik terhadap orang yang mereka anggap sebagai orang yang tidak beragama dan berfahaman menyeleweng, menjadi pernyataan yang menggerunkan tentang ketelitian pelaksanaan idea bahawa Gereja ialah Israel moden dan bertujuan memerintah atas bumi pada masa ini.

PEMERINTAHAN YANG AKAN DATANG

Tetapi semua itu adalah kesalahan yang dahsyat. Ganjaran memerintah bersama-sama Kristus tidak pernah bermaksud untuk dinikmati pada masa sekarang dalam zaman ini. Sejak permulaan, Kristus telah menjelaskan bahawa ganjaran ini tidak akan diberi sebelum Kedatangan-Nya yang Kedua Kali. Perkara ini dapat dilihat dengan mudah jika kita membandingkan ayat di dalam Lukas dengan dua ayat yang serupa di dalam kitab Berita Baik yang Disampaikan oleh Matius.

Pertama-tama, perhatikan frasa, *duduk di atas takhta untuk memerintah dua belas suku Israel*, hampir dipetik kata demi kata di dalam Matius 19.28: *Yesus berkata kepada mereka, "Percayalah bahawa pada masa Anak Manusia duduk di atas*

takhta-Nya yang mulia di Dunia Baru Allah, kamu dua belas orang pengikut-Ku juga akan duduk di atas takhta dan memerintah dua belas suku Israel!”

Di sini, waktu untuk menghakimi adalah ketika Anak Manusia duduk di atas takhta kemuliaan-Nya. Bilakah masa itu? Kita tidak dibiarkan untuk meneka-neka: Matius 25.31-32 memberitahu kita dengan terperinci: *“Apabila Anak Manusia datang sebagai Raja dengan semua malaikat Allah, Dia akan duduk di atas takhta-Nya yang mulia. Umat manusia di bumi ini akan dikumpulkan di hadapan-Nya. Kemudian Dia akan memisahkan mereka menjadi dua kumpulan, seperti gembala memisahkan domba daripada kambing.”*

Tanpa ragu lagi, ayat-ayat itu memberikan gambaran tentang kedatangan Tuhan kita yang Kedua Kali dalam kuasa dan kemuliaan yang gemilang untuk mengambil alih pemerintahan di dunia ini dan mendirikan pemerintahan-Nya sendiri. Demikian juga pemahaman para rasul dan Jemaah awal tentang perkara ini.

Diakui juga bahawa beberapa orang Kristian di Korintus mula berkelakuan seolah-olah masa penderitaan telah berlalu dan masa untuk memerintah sudah tiba. Tetapi Paulus menegur mereka dengan agak tajam: *Memang kamu tidak memerlukan apa-apa lagi! Memang kamu sudah kaya! Kamu sudah menjadi raja, tetapi kami tidak. Alangkah baiknya jika kamu benar-benar raja, supaya kami dapat memerintah bersama-sama kamu. Hal itu demikian . . . Kami seperti orang yang dijatuhi hukuman mati di hadapan umum, dan dijadikan tontonan untuk semua malaikat dan umat manusia. Kerana Kristus, kami menjadi orang bodoh, tetapi kerana Kristus kamu menjadi bijak. Kami lemah, tetapi kamu kuat! Kami dihina, tetapi kamu dihormati! Sampai saat ini kami lapar dan haus; baju kami buruk; kami dipukul; kami tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap; kami membanting tulang untuk mencari nafkah; kami membalas kutukan dengan berkat, dan bersabar apabila dianiaya. Kami membalas cacian dengan kata-kata manis. Kami dianggap seperti sampah masyarakat; hingga saat ini kami masih dianggap sebagai sampah dunia (1 Korintus 4.8-13).*

Tetapi jika memerintah dengan Kristus adalah sesuatu

yang tidak diberikan kepada orang Kristian sekarang, melainkan sesuatu yang dijanjikan kepadanya pada masa akan datang, ia *bertujuan* memberikan kesan yang besar pada kehidupannya sekarang. Ini memberikan inspirasi kepada kesetiiaannya dan menguatkan dia untuk menanggung apa pun jenis kesengsaraannya sekarang kerana Kristus. Demikian juga kesannya pada orang yang mati kerana iman dan para mubaligh serta semua orang yang telah berkorban atau menderita dengan cara apapun kerana Kristus dan Berita Baik.

Kata-kata terakhir dalam perkara ini kita serahkan sekali lagi kepada Paulus. Ketika dia menulis kepada Timotius dari penjara, dia berkata: *Ingatlah akan hal ini: Menurut Berita Baik yang aku isytiharkan, Yesus Kristus telah dibangkitkan daripada kematian dan Dia keturunan Daud. Oleh sebab aku mengisytiharkan Berita Baik itu, aku menderita, bahkan aku dirantai seperti seorang penjahat. Tetapi firman Allah tidak dapat dirantai. Itulah sebabnya aku bertabah hati menanggung semuanya demi kepentingan umat yang telah dipilih oleh Allah, supaya mereka juga mendapat penyelamatan yang diberikan melalui Kristus Yesus dan yang disertai kemuliaan yang kekal. Sungguh benar kenyataan ini: “Jika kita mati bersama-sama Dia, kita juga akan hidup bersama-sama Dia. Jika kita tetap bertabah, kita juga akan memerintah bersama-sama Dia. Jika kita menyangkal Dia, Dia juga akan menyangkal kita. Jika kita tidak setia, Dia tetap setia, kerana Dia tidak dapat bertentangan dengan diri-Nya sendiri”* (2 Timotius 2.8-13).

SOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Apakah ganjaran yang dijanjikan oleh Kristus kepada orang yang mengikut-Nya dan menderita bersama-sama Dia?
2. Bilakah ganjaran ini dinikmati dan mengapakah perkara ini penting?
3. Apakah yang diajarkan oleh teladan Petrus dan Paulus kepada kita tentang sifat pelayanan Kristian serta gaya hidup orang yang mempunyai tanggungjawab Kristian?
4. Apakah yang kita pelajari daripada sikap Kristus terhadap orang buta tentang penjagaan-Nya terhadap orang yang ada keperluan?

IMAM-RAJA DAN PEMBERONTAK DIRAJA

Pembacaan: Lukas 22.31-38

Pada waktu penderitaan dan ganjaran disebut, Tuhan kita memikirkan Petrus dan taufan yang telah bertiup dalam beberapa waktu itu dan akan melandanya. Iblis hampir membuat serangan habis-habisan terhadap kumpulan kecil rasul, dan sasaran utamanya ialah Simon Petrus. Kristus melihat semuanya lebih awal lagi kerana Iblis tidak dibiarkan menyerang sesiapa pun orang percaya dengan sesuka hatinya. Meskipun kedaulatan Tuhan atas pemerintah di dunia nampaknya suatu misteri bagi pengertian kita yang terbatas, namun firman Tuhan menunjukkan bahawa sebelum Iblis menyerang iman orang percaya, dia dikatakan perlu mendapatkan kebenaran dahulu.

Demikianlah yang berlaku dengan Ayub, tokoh itu. Iblis dikatakan datang ke hadapan Tuhan dan membuat aduan kerana Tuhan telah meletakkan pagar di sekeliling Ayub untuk melindunginya daripada segala penderitaan. Akibatnya, kasih Ayub akan Tuhan tidak lebih daripada tindak balas terhadap kebaikan Tuhan kepadanya. Oleh sebab itu, Iblis memohon kebenaran untuk menyerang Ayub. Iblis merasa yakin bahawa sekiranya dia diizinkan untuk merosakkan harta benda, keluarga dan kesihatan Ayub, akhirnya dia akan menyebabkan Ayub untuk mengutuk Tuhan. Hal itu akan mendedahkan hakikat bahawa imannya tidak sejati. Iblis diberikan kebenaran untuk menyerang Ayub tetapi batas-batas ditetapkan juga. Kerana sebagaimana yang dikatakan oleh Paulus, *Tiap-tiap cubaan yang kamu alami itu cubaan yang biasa dialami orang. Tetapi Allah setia kepada janji-Nya. Dia tidak akan membiarkan kamu dicubai lebih daripada yang dapat kamu tanggung. Pada waktu kamu ditimpa cubaan, Dia akan memberikan jalan keluar supaya kamu*

mendapat kekuatan untuk menanggungnya (1 Korintus 10.13). Tuhan mesti mengizinkan iman umat-Nya diuji tetapi Dia tidak mahu iman itu dihancurkan.

Dengan itu, jika para rasul diserang, kita difahamkan daripada kata-kata Tuhan kita bahawa Iblis harus memohon izin terlebih dahulu: *Simon, Simon, dengarlah! Iblis telah mendapat kebenaran untuk menguji kamu semua, seperti peladang memisahkan gandum daripada sekam* (Lukas 22.31).

Metafora ini jelas dan banyak memberikan maklumat. Orang menampi gandum bukan untuk merosakkan atau membuang gandum yang baik dan tulen, tetapi untuk memisahkan sekam daripada benih yang bernilai. Apapun niat Iblis untuk menyerang orang percaya, kesan daripada pencubaan itu ditentukan oleh Tuhan sendiri, iaitu menanggalkan semua hal yang sia-sia, palsu, dan tidak berguna daripada kehidupan orang percaya, supaya apa yang tulen akan tetap teguh.

IBLIS TERBATAS

Walaupun Iblis hendak menyerang kesemua dua belas orang rasul, nampaknya tujuan utamanya adalah menghancurkan iman Petrus supaya sama sekali tidak dapat pulih lagi. Kristus berkata kepada Petrus, *Tetapi Aku telah berdoa untukmu supaya imanmu tidak goyah. Apabila engkau balik kepada-Ku, engkau mesti menguatkan saudara-saudaramu* (Lukas 22.32). Kata-kata yang sedikit ini penuh dengan hal-hal yang indah dan mengagumkan. Pertama, ini memberitahu kita bahawa bukan sahaja Kristus melihat serangan Iblis itu jauh lebih awal daripada waktu orang percaya menyedari hal itu berlaku, tetapi Dia juga berdoa untuk memastikan supaya niat jahat Iblis itu akan dikalahkan. Dengan ini kita mengetahui pelayanan utama Tuhan kita sekarang: *Dia hidup selama-lamanya* kata Ibrani 7.25, *untuk memohon kepada Allah bagi mereka* [umat-Nya].

Bagaimanapun, perhatikan doa permohonan-Nya bukan sekadar doa syafaat secara umum untuk seluruh gereja: *Aku telah berdoa untukmu* (kata ganti nama tunggal), katanya kepada Petrus. Namun, kita tidak boleh simpulkan daripada ayat ini

bahawa Dia tidak berdoa untuk orang lain. Tetapi kita dibawa melihat bahawa Tuhan kita mengetahui tiap-tiap keperluan istimewa dalam hidup setiap individu dan mendoakan setiap orang secara khusus, dan untuk setiap keperluan. Di Israel purba, apabila Imam Agung masuk ke hadirat Tuhan untuk berdoa bagi pihak umat, dia memakai penutup dada yang di atasnya diukirkan nama tiap-tiap dua belas suku Israel. Tetapi benda itu hanya lambang. Hakikat pada masa ini jauh lebih indah. Setiap orang percaya boleh mengetahui bahawa semasa Kristus meneruskan pelayanan doa syafaat-Nya di hadirat Tuhan, setiap nama disebut satu persatu di hadirat ilahi oleh Pendoa Syafaat yang mengetahui keperibadian, kelemahan, dan pengujian khusus setiap orang.

Tetapi perhatikan lagi apa yang didoakan oleh Kristus untuk Petrus secara khusus: Dia berdoa agar *imannya* tidak jatuh. Bukan supaya keberanian, pengabdian, atau kesalihan, atau kesaksian Kristiannya tidak gagal, melainkan supaya imannya tidak gagal. Dalam peristiwa itu, semua hal lain gagal. Dia merasa takut, tidak berani, dan kesaksian Kristiannya hancur apabila dia berdiri di tengah-tengah para hamba imam agung Yahudi dan menggunakan semua kata-kata sumpah yang dia tahu untuk cuba meyakinkan mereka bahawa dia bukan orang Kristian. Tetapi apabila semua yang lain gagal, imannya tetap teguh. Dia tidak pernah berhenti beriman ketika dia melalui semua itu.

PEPERANGAN IMAN

Dengan itu peperangan iman telah menang dan kemenangan itu memang sangat penting. Sekiranya kalah, maka semua yang lain pun kalah. Penyelamatan, kata Alkitab, adalah anugerah yang tidak perlu dibeli, tetapi harus diterima dengan iman. Syaratnya adalah: 'Sesiapa yang percaya kepada Anak itu beroleh hidup sejati dan kekal' (Yohanes 3.36). Jika Iblis dapat menghancurkan iman orang percaya, orang itu bukan orang percaya lagi dan semua hal lain pun hilang. Hubungan antara Tuhan dan orang yang diselamatkan adalah hubungan iman. Sememangnya begitu: semua hubungan peribadi melibatkan kepercayaan antara orang yang terlibat, dan lebih-lebih lagi

dengan hubungan ini. *Tanpa iman, tidak seorang pun dapat menyenangkan hati Allah* (Ibrani 11.6).

Tidak hairanlah matlamat utama Iblis adalah menyerang dan menghancurkan iman orang percaya. Keadaannya sangat menyedihkan apabila orang percaya itu berada dalam keadaan yang sangat lemah, dan dibiarkan untuk menghadapi keganasan dan kelicikan Iblis kerana dia tidak pasti apa akan berlaku. Tetapi Tuhan yang telah menyediakan semua unsur lain dalam penyelamatan kita, tidak terlepas pandang keperluan kita pada saat yang kritikal ini. Dia telah menyediakan pembela iman kita yang tidak mungkin hancur dalam peribadi Imam-Raja kita yang *hidup selama-lamanya untuk memohon kepada Allah bagi mereka* (Ibrani 7.25).

Jelaslah bahawa iman Petrus tidak jatuh kerana Kristus berdoa syafaat untuk dia. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa hal itu tidak pernah diragukan kerana begitulah yang dikatakan oleh Kristus. *Apabila engkau balik kepada-Ku, Petrus, kata-Nya-bukan jika engkau balik, tetapi apabila engkau balik kepada-Ku--engkau mesti menguatkan saudara-saudaramu* (Lukas 22.32).

Tiada keraguan lagi sama ada dia akan balik atau tidak. Kristus sudah berdoa agar imannya tidak jatuh. Kristus belum pernah mengucapkan doa yang tidak mencapai tujuannya, dan Dia tidak akan berbuat begitu. Sekiranya ada beberapa jam untuk berada di halaman rumah imam agung, dan ada beberapa orang yang mengenali Petrus secara luaran saja, mereka mungkin telah mengambil kesimpulan bahawa dia bukan orang percaya, dan mungkin dia tidak pernah menjadi orang percaya sejati, atau jika ya pun, imannya sudah hilang untuk selama-lamanya. Tetapi meskipun secara luaran keadaannya sangat berbeza, namun fakta dalamannya adalah imannya masih utuh dan tidak gagal.

Kita yakin bahawa jika iman yang benar dan tulen pernah diamalkan dalam Kristus, maka Kristus akan mengekalkan iman itu meskipun kadang-kadang dicabar dengan dahsyat, dan nampaknya iman itu tidak dipertahankan jika orang itu hanya dilihat secara luaran. Kristus akan mempertahankannya dan membawanya kepada kemenangan yang cemerlang. Oleh itu, Tuhan ingin agar setiap orang percaya dalam Kristus mengetahui

serta bertambah kuat dalam pengetahuan, bahawa *Dia dapat menyelamatkan orang yang datang kepada Allah melalui-Nya, kerana Dia hidup selama-lamanya untuk memohon kepada Allah bagi mereka* (Ibrani 7.25).

HAMPIR GAGAL

Pada waktu Kristus memberitahu Petrus bahawa dia akan diserang oleh Iblis dan pada masa serangan itu dia akan menyangkal Kristus sebanyak tiga kali, memanglah Petrus sedih. Dia mendapatinya sangat sukar untuk dipercayai, dan dia merasa bahawa Kristus telah menghakimi dia dengan tidak adil serta memandang rendah kesetiaan dan pengabdianya. *Ya Tuhan, bantahnya, aku bersedia dipenjarakan dan mati bersama-sama Tuhan* (Lukas 22.33).

Tiada keraguan lagi bahawa Petrus bersungguh-sungguh ketika dia mengatakannya. Dia tidak kurang berani secara jasmani. Di Getsemani, ketika sekumpulan askar yang bersenjata lengkap datang untuk menangkap Kristus, Petrus menghunus pedangnya dan melawan mereka seorang diri. Tetapi Petrus tidak sedar bahawa dalam dirinya ada kelemahan, mungkin campuran kegentaran dan kekurangan stamina moral, sehingga Iblis dapat mempermainkan Petrus ketika dia berada dalam keadaan yang tidak biasa dan menakutkan. Oleh sebab dia tidak dapat memahami erti kata-kata Kristus, dan seperti biasa dia masih yakin pada dirinya sendiri, Petrus mengikut Kristus apabila Dia dibawa oleh askar ke halaman rumah imam agung. Kemudian dia masuk, seperti catatan Matius (Matius 26.58), *duduk bersama dengan pengawal-pengawal untuk mengetahui apa yang akan berlaku*—keputusan perbincangan. Siapa tahu, mungkin itulah kesudahan Kristus?

Apa yang dilihatnya bukan kesudahan Kristus tetapi kesudahan dirinya sendiri. Kini tembakan bermula dengan begitu tepat dan boleh mematikan. Dengan serta-merta Petrus dalam bahaya. Dia cuba melawan tetapi usahanya bagaikan melawan tembakan senapang dengan tangan. Pertanyaan mendedahkan dirinya, dan ternyata tiada apa-apa yang lain kecuali ketakutan

dan rasa cemas serta sifat pengecut. Dia cuba menutupinya. Dia bersumpah dan mengeluarkan kata-kata makian, tetapi tiada seorang pun yang percaya. Mereka semua dapat melihat siapa dirinya yang sebenar. Dia tidak pernah berpura-pura pintar dalam teologi seperti Yohanes. Tetapi dia sentiasa menganggap dirinya sebagai lelaki sejati dan praktikal, dan dia sangat mengasihi Kristus.

Gambar dirinya telah hancur dan dia sendiri menjadi pengecut ketika berhadapan dengan seorang gadis, dan ejekan serta ancaman beberapa orang askar biasa. Dia tidak memahami keadaan seperti itu. Dia merasa seolah-olah dia jatuh ke dalam jurang yang dalam, dan meskipun dia berusaha dengan sedaya upaya untuk mencapai sesuatu untuk menarik dirinya ke atas, dia tidak dapat berpaut pada apa pun. Keadaan itu sangat mengerikan dia.

Apakah itu? Oh, hanya seekor ayam berkokok. Lalu tiba-tiba dia teringat. Dia menengadah dan pada saat itu juga dia melihat Kristus menoleh dan menatap wajahnya. Tiada apa-apa yang dikatakan, tetapi pada saat itu juga Petrus teringat apa yang telah dikatakan oleh Kristus semasa di bilik atas. Cuba bayangkan betapa beraninya Petrus menentang-Nya! Apakah pandangan Kristus terhadapnya sekarang? Perkara itu terlalu berat baginya. Dia tidak dapat menghadapinya lagi. Dia berdiri lalu terus keluar.

Pasti fikirannya yang mula-mula adalah melarikan diri, bukan semata-mata daripada askar-askar imam agung, kerana mungkin pada saat ini kematian dirasakan lebih baik. Tetapi jika boleh, dia ingin melarikan diri daripada Kristus, daripada sesama orang Kristian, daripada kegagalannya, daripada dirinya sendiri. Dia tidak mahu kembali kerana dirasakan bahawa lebih mudah untuk meninggalkan segala pengakuan iman, dan bersikap sinis serta tidak peduli.

Tetapi ayam jantan itu—ia tidak berhenti berkokok—dalam fikiran Petrus. Dia dapat mendengarnya berkokok satu kali, kemudian berkokok lagi, dan untuk kali ketiga, seperti yang dikatakan oleh Kristus sebelumnya. Setiap kali ayam itu berkokok, Petrus mengenang semula peristiwa itu dengan butir-butir yang memalukan. Hal itu menyeksakan dia.

Pada masa ini ayam itu seolah-olah hendak berkokok sekali lagi, tetapi kali ini keadaannya berbeza. Awan gelap seolah-olah terangkat dan cahaya bersinar sekali lagi. Jadi, itulah yang Kristus cuba katakan kepada saya semasa Dia memandangi saya dari hujung bilik! Ingatkah? Ketika ayam itu berkokok untuk kali ketiga dan saya melihat ke atas dan Dia sengaja menoleh dan memandangi saya. Dia tidak menegur saya. Dia ingin mengingatkan saya bahawa Dia mengetahui semua perkara itu sebelum pun ia berlaku. Pada masa itu saya menyedari bahawa saya telah gagal, tetapi Dia sudah mengetahuinya. Dia pasti telah mengetahui hal itu ketika Dia memberitahu kami, *Allah mengutus Anak-Nya ke dunia ini bukan untuk menghakimi dunia, tetapi untuk menyelamatkannya* (Yohanes 3.17). Ketika saya mula-mula datang kepada-Nya dan Dia berkata bahawa nama saya Simon tetapi Dia akan menjadikan saya batu yang hidup (1 Petrus 2.5; Yohanes 1.42), Dia pasti benar-benar mengenal saya. Namun, Dia masih membuat janji tersebut. Dan apakah yang dikatakan-Nya? Setelah engkau pulih, kuatkanlah saudara-saudaramu. Jadi, Kristus bukan hanya tahu bahawa saya akan jatuh, tetapi Dia ingin saya tahu sebelumnya bahawa Dia akan menolong serta memulihkan saya. Dia ingin saya tahu bahawa Dia masih ada kegunaan untuk saya, dan ada masa depan untuk saya.

KEMENANGAN AKHIR

Oleh itu, Petrus kembali lagi. Doa Kristus telah menang. Bukan sia-sia Kristus membuat perjanjian dalam darah-Nya sendiri untuk menuliskan hukum-Nya di dalam hati Petrus dan menjadikan Petrus hamba Tuhan yang benar dan setia. Waktu selang yang berupa kegagalannya tidak sia-sia dalam proses pembentukan dirinya. Melalui dia, orang yang tidak terkira jumlahnya, telah menjadi suci. *Tetapi Aku telah berdoa untukmu supaya imanmu tidak goyah. Apabila engkau balik kepada-Ku, engkau mesti menguatkan saudara-saudaramu*, kata Kristus (Lukas 22.32).

Petrus ingat akan tanggungjawab itu. Di dalam Suratnya yang Pertama, dia berbuat seperti itu. Iman kamu, katanya kepada

sesama Kristian, bagaikan emas yang sangat berharga. Namun, seperti emas juga ia bercampur dengan bermacam-macam sanga pada mulanya, seperti keghairahan atau keyakinan terhadap diri sendiri dan kesombongan, atau pengalaman daripada orang lain atau sikap kebudak-budakan yang terlalu bergantung pada bapa. Dengan itu, ia harus dimurnikan, dan sama seperti seorang tukang emas memurnikan emasnya dengan memasukkannya ke dalam mangkuk pijar dan melalui kepanasan yang amat sangat, demikian juga Tuhan mengizinkan anda dari semasa ke semasa untuk melalui berbagai-bagai penderitaan.

Tetapi jangan terkejut apabila hal itu berlaku, seolah-olah suatu perkara aneh berlaku kepada anda. Iman anda akhirnya akan didapati mendatangkan pujian dan kemuliaan serta kehormatan pada waktu Yesus Kristus dinyatakan (1 Petrus 1.6-9; 4.12). Dari manakah keyakinan Petrus? Pertama, daripada firman dan doa syafaat Kristus. Kemudian daripada pengalamannya sendiri. Dan seperti yang diketahui oleh semua orang, walaupun seorang tukang emas memasukkan emasnya ke dalam api sehingga takat lebur, dia tidak pernah membiarkan sedikit pun emas tulen itu musnah. Dia hanya mengeluarkan tahi leburan atau kotoran yang lain.

PEMBERONTAK DIRAJA

Terdapat satu lagi perkara yang hendak dikatakan oleh Kristus kepada para rasul-Nya sebelum mereka meninggalkan bilik di atas untuk pergi menghadapi Getsemani dan Salib. Dia harus menerangkan dengan sejelas-jelasnya kepada mereka pada masa itu, tentang implikasi perkara yang akan berlaku. Raja sendiri akan diumumkan sebagai pemberontak. Hal itu tidak mengejutkan. Nabi-nabi telah menubuatkan perkara ini lama dahulu. Tetapi ini bererti perubahan terhadap segala sesuatu bagi rasul-rasul dalam cara mereka menjalankan misi mereka di dalam dan kepada dunia. Pada masa-masa lalu, Kristus telah mengutus mereka kepada bangsa Yahudi untuk menyampaikan berita baik dan mengumumkan kedatangan Raja, dan Kristus telah mengharap orang Yahudi untuk membayar biaya sehari-hari

rasul-rasul-Nya. Dia mempunyai hak untuk mengharapkannya. Dia Mesias mereka dan Tuhan yang berhak mendapatkan taat setia mereka. Dia mempunyai hak raja untuk mendapatkan semua yang diperlukan-Nya dan hamba-hamba-Nya.

Tetapi sekarang Dia akan diisytiharkan sebagai pemberontak dan dihukum mati. Dia tidak akan melawan atau cuba membalas untuk mendapatkan hak-Nya. Oleh sebab itu, para pengikut dan rasul-Nya tidak boleh lagi mengharap bangsa itu untuk menanggung mereka, membayar gaji mereka, menyediakan wang untuk misi atau bangunan gereja mereka. Mereka harus membiayai sendiri perjalanan mereka dan bertempur sendiri dalam peperangan. “Jika sesiapa tidak mempunyai pedang,” kata Kristus, “hendaklah dia menjual jubahnya dan membeli pedang.” “Lihatlah, Tuhan,” kata rasul-rasul itu, “di sini ada dua pedang”--seolah-olah maksud Tuhan adalah pedang yang sebenar! Sekiranya begitu pun, dua bilah pedang tentu tidak cukup untuk menghadapi pihak lawan.

Kemudian mereka mengerti dengan jelas, seperti yang dikatakan oleh Paulus, *Senjata yang kami gunakan dalam perjuangan, bukannya senjata dunia ini* (2 Korintus 10.4). Tetapi untuk masa ini fikiran mereka penuh dengan hal-hal yang baru dan mengagumkan. Mereka teruja dan mungkin agak risau. Masa semakin lambat dan mereka memerlukan segenap tenaga yang ada untuk menghadapi tekanan pada masa yang akan datang. Oleh itu, mereka tidak benar-benar mengerti sifat sebenar pertempuran yang di hadapan. Mereka belum memahami apa yang harus dihadapi oleh Raja. Apabila pertempuran berlaku, mereka tertidur dan akhirnya meninggalkan Dia. Dengan itu, Dia harus bertempur sendirian, tanpa sokongan doa-doa mereka.

Tetapi kemenangan akan diraikan dalam peperangan itu. Bahkan Dia sudah melihat mereka, bukan seperti keadaan mereka pada masa itu, melainkan dalam keadaan mereka setelah semua janji Perjanjian-Nya telah dipenuhi. Kegembiraannya mengangkat hati-Nya. Tetapi pada masa ini Perjanjian itu belum ditandatangani, dan Raja itu mesti menandatangani dengan darah-Nya sendiri. Sebelum Dia mati, Perjanjian itu tidak sah. “Baiklah,” kata-Nya, sementara mereka berdiri di situ dengan

menawarkan pedang mereka. Mereka berfikir bahawa mereka sudah bersedia untuk menghalang Dia daripada mati. “Baiklah, kamu belum begitu faham. Tetapi kamu akan memahaminya nanti. Marilah, kita pergi.”

SOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Apakah pelajaran yang dipelajari oleh Petrus tentang dirinya melalui pengalaman penyangkalannya dan pengampunan Kristus? (Rujuk 1 Petrus 1.6-9; 4.12).
2. Mengapakah Kristus mengizinkan Petrus diuji?
3. Mengapakah *iman* kita sangat penting? (Kristus berdoa khusus untuk iman Petrus.)
4. Apakah buktinya Kristus berminat terhadap kita sebagai *individu* dan terhadap keperluan khas kita?

Siri 4

CERITA-CERITA SEMASA BAYI

**Zakharia dan Ketidakpercayaan yang Menyiksa
Kelahiran Daripada Perawan**

ZAKHARIA DAN KETIDAKPERCAYAAN YANG MENYEKSA

Pembacaan: Lukas 1.1-23

Bayangan seorang gembala dan bebirinya menimbulkan perasaan yang menyenangkan dan berkuasa bagi ramai orang. Embekan anak-anak bebiri dan keadaan indung bebiri yang tidak dapat mempertahankan diri menimbulkan naluri manusia yang ingin melindungi. Hal ini mempunyai persamaan dengan watak gembala yang menjaga bebirinya dengan penuh kasih sayang serta melindunginya dengan semangat kepahlawanan. Keadaan yang digambarkan oleh Lukas di luar Betlehem mempunyai tarikan yang kuat. Langit gelap yang lembut dan licin seperti baldi serta para gembala yang berbaring di padang sedang menjaga kawan-an bebiri mereka, memandangi bintang-bintang yang terang tetapi sepi. Embekan anak bebiri yang kadangkala memecah kesunyian, indung bebiri yang tenang kerana sedar bahawa gembala-gembala ada di situ. Lalu tiba-tiba cahaya gemilang bersinar dan kumpulan besar malaikat dari alam di atas kelihatan. Semuanya memberikan pujian dan bersukacita, mengumumkan kedatangan Dia yang akan menjadi Penyelamat dan Pelindung bagi manusia, seperti gembala terhadap kawan-an bebiri mereka. Tentu cerita itu menarik, tetapi adakah ia benar?

Inilah cara untuk memahami soalan itu. Pertama-tama, kita harus melihat secara realistik para gembala dan kawan-an bebiri mereka. Penternakan pada masa itu dan sekarang juga melibatkan bau yang busuk, dan masa bekerja bagi gembala pun lama dan memenatkan. Kadangkala juga mereka menghadapi bahaya yang serius. Pada malam itu, para gembala berada di

padang, bukan semata-mata kerana suka menjaga kawanan bebiri pada waktu malam, tetapi mereka tidak dapat mempercayai sesama manusia yang berkemungkinan mencuri bebiri itu jika tidak dijaga. Mereka juga perlu menghalang binatang buas daripada menyerang dan membaham bebiri tersebut. Mereka tidak dapat membiarkan pencuri atau binatang buas untuk membunuh bebiri mereka. Akhirnya, mereka sendiri akan membunuh bebiri itu untuk mendapatkan dagingnya, atau menjualnya kepada orang lain untuk tujuan yang sama. Cuba fikirkan. Pergelutan mereka yang terus-menerus terhadap jenayah manusia dan keganasan binatang, perebutan padang rumput dan pengelakkan penyakit adalah perkara yang biasa berlaku dalam kehidupan manusia.

Semua itu membuat soalnya lebih tajam: Adakah cerita Lukas tentang malaikat ini faktanya benar? Benarkah ada dunia lain yang mulia dan tiada kematian, yang berminat dengan dunia kita dan mahu menyelamatkan kita? Atau adakah cerita Lukas tidak lebih daripada satu lagi contoh tentang cara kita yang selalu cuba menutupi hakikat kekejaman dan kematian yang di sekeliling hidup kita, dengan memberikan bayangan hidup yang menarik dan tenang bagaikan puisi?

KHAYALAN SENTIMENTAL?

Perasaan kita terhadap gembala dan kawanan bebiri mereka tidak semuanya palsu. Walaupun gembala itu, suatu hari nanti akan menyembelih bebirinya, namun penjagaannya terhadap bebiri tentu nyata selama diperlukan. Tentu sekali gembala dan penjagaannya bukan khayalan palsu yang diinginkan oleh bebiri sebagai cara menghiburkan diri dan membantunya untuk menghadapi serigala yang sebenar. Tetapi malaikat dan syurga serta Penyelamat ilahi yang digambarkan oleh Lukas, apakah semuanya? Adakah semua itu benar dan nyata seperti gembala dan penjagaannya? Atau adakah semua itu hanya khayalan sendiri yang digunakan oleh orang Kristian awal untuk memenuhi fikiran mereka dan menjadikannya seperti pelindung terhadap kenyataan hidup yang buruk? Semua cerita lain tentang mukjizat yang berlaku semasa kelahiran Kristus, adakah semua itu benar?

Sungguh-sungguh benar secara literal dan fakta?

MITOS SEBELUM SAINS

Orang ateis sudah tentu tidak percaya pada semua itu. Tetapi bukan golongan ateis sahaja yang tidak percaya. Orang yang mengaku menerima ketuhanan Kristus tetap tidak dapat percaya pada unsur mukjizat dalam cerita-cerita ini. Mereka ingin mengekalkan iman mereka dalam Kristus sebagai Anak Tuhan, tetapi tidak dapat menerima cerita-cerita tentang Kelahiran sebagai benar-benar berlaku. Mereka cuba lari daripada dilema ini dengan beberapa cara. Beberapa orang berkata bahawa cerita-cerita itu berupa khayalan yang indah dan salih, tetapi tidak benar-benar berlaku dalam sejarah. Semua itu telah direka-reka oleh orang Kristian awal kerana mereka diyakinkan bahawa Yesus ialah Anak Tuhan oleh kebangkitan-Nya daripada kematian. Mereka mengungkapkan iman dalam keagungan dan kemuliaan-Nya dengan mereka-reka cerita khayalan ini dan menjadikannya seperti lingkaran cahaya di sekeliling catatan kelahiran-Nya.

Orang lain pula cuba memberikan penjelasan yang lebih canggih. Mereka berkata bahawa cerita-cerita itu mengandungi isi yang penting dan benar, tetapi orang Kristian awal telah membungkus isi itu dengan bahasa mitos. Rangka butir-butirnya adalah pandangan mereka terhadap alam semesta sebelum zaman sains. Orang-orang Kristian awal itu dianggap percaya pada alam semesta tiga tingkat. Syurga berada di tingkat paling atas, neraka di bawah sekali, dan bumi di tengah-tengah. Oleh itu, mereka berbual-bual dengan gembira semasa menceritakan mitos mereka, tentang malaikat-malaikat yang turun dari syurga dan naik lagi. Kita pula yang bersikap saintifik memang tidak boleh menerima butir-butir tersebut sebagai benar-benar berlaku kerana kita tahu bahawa bumi ini bulat dan neraka bukannya berada di bawah benua Australia. Oleh sebab itu, kita sepatutnya membuang pembungkus luaran mitos itu dan mengambil isi kebenaran—suatu tugas yang cukup sukar dan tiada sesiapa yang boleh memberitahu kita di mana pembungkus itu berakhir dan di mana isi itu bermula.

Namun, sebagai penjelasan tentang hal-hal ini, orang Kristian awal yang menceritakan kisah-kisah ini meyakinkan kita bahawa mereka tahu apa itu mitos, dan dengan menyampaikan cerita-cerita ini, mereka tidak menyampaikan mitos kepada kita. *Kami tidak bergantung kepada dongeng yang direka-reka manusia* (Yunani: *mythois*), bantah Petrus (2 Petrus 1.16).

Lagipun, Lukas yang telah menulis cerita-cerita ini mengetahui seperti kita juga, bahawa bumi ini bulat. Orang Yunani telah lama menyatakan bahawa Eratosthenes (SM 275-194) telah membuat kiraan yang hampir tepat tentang lilitan bumi. Hipparchus (SM 190-126) telah mengukur dengan hampir tepat jarak bulan. Kalendar yang digunakan di dalam Empayar Roma telah dibaharui oleh Julius Caesar berdasarkan penemuan ini dan beberapa penemuan astronomi yang lain oleh orang Yunani. Tiada sedikit pun yang membuktikan bahawa Lukas, seorang yang berpendidikan dan telah menjelajah ke banyak tempat, masih percaya bahawa alam semesta mempunyai tiga tingkat.

Oleh itu, penerangan yang akan diberikan ini, gagal dalam tanggapan salahnya, sama seperti yang berlaku dengan contoh yang dipetik sebelum ini. Bagaimanapun, perkara ini direbut dan dipegang oleh orang yang berfikir secara agak jujur, bahawa pandangan saintifik mereka yang rasional membuat mereka mustahil menerima cerita-cerita Alkitab ini secara literal. Dengan itu, cerita Lukas yang pertama dilihat sebagai tidak begitu menarik. Ia menunjukkan kepada kita bahawa bukan sains atau kemunasabahan yang menyebabkan mereka tidak percaya pada cerita-cerita mukjizat ini, tetapi sesuatu yang lebih dikatakan sebagai naluri yang peka pada perkara yang tidak masuk akal.

IMAM YANG TIDAK PERCAYA

Peristiwa mukjizat pertama yang ada kaitan dengan kedatangan Kristus ialah kelahiran Yohanes Pembaptis kepada ibu bapa yang sudah tua. Orang yang pertama sekali tidak percaya pada cerita itu ialah orang pertama yang diberitahukan berita itu, iaitu Zakharia, bapa Yohanes. Lagipun, dia bukan orang ateis ataupun orang agnostik. Dia seorang imam, iaitu bagaikan paderi

dalam agama Yahudi. Paderi yang tidak percaya bukan suatu fenomena moden. Akibat ketidakpercayaannya, kita diberitahu bahawa dia menjadi bisu. Tetapi sekurang-kurangnya dia bukan orang bodoh yang mudah percaya pada zaman sebelum sains. Dia cukup mengetahui tentang hukum fizikal untuk menganggap 'mukjizat' yang dijanjikan itu sebagai sesuatu yang mustahil. Dengan itu, marilah kita mengkaji siapa Zakharia itu, apa praandaiannya, dan mengapa mukjizat yang dicadangkan itu sesuatu yang sukar dipercayai. Selepas itu barulah kita dapat mengandaikan sebab ketidakpercayaannya itu boleh masuk akal.

Zakharia seorang imam dan diandaikan bahawa baginya kewujudan Tuhan itu adalah sesuatu yang boleh dipercayai. Tidak mungkin Zakharia pernah memikirkan faham ateis sebagai ajaran yang boleh menjadi pilihannya. Tetapi sekiranya dia dihadapkan dengan pilihan antara percaya kepada Pencipta atau faham ateis, maka tidak dapat dinafikan bahawa kepercayaan kepada Pencipta akan menjadi pilihan yang lebih masuk akal. Oleh sebab kewujudan Pencipta adalah satu-satunya alasan yang dapat mengesahkan kesahihan akal. Faham ateis pula membawa kita percaya bahawa minda dan fikiran wujud secara tidak sengaja daripada unsur yang tidak berakal. Dengan itu, logik adalah produk tidak sengaja dan tidak berguna dalam rangkaian hal-hal yang berlaku secara tidak sengaja.

Lagipun Zakharia percaya pada malaikat—sekurang-kurangnya dia tidak terlalu terkejut apabila malaikat melawat dia. Tetapi fikirannya sempit dan dia angkuh sekiranya dia percaya, sebagaimana sejumlah orang moden percaya, bahawa umat manusia ialah bentuk hidupan yang paling pintar di dalam alam semesta yang luas.

Selain itu, Zakharia percaya pada doa dan kewujudan Tuhan. Kepercayaan ini pun masuk akal. Jika kita mendapat sifat mengasihi dan ingin menolong orang lain daripada Tuhan Pencipta, maka tidak masuk akal untuk mengandaikan bahawa Pencipta itu sendiri tidak mengasihi dan tidak peduli pada keperluan kita.

Zakharia percaya pada doa, dan selama beberapa tahun dia telah memohon kepada Tuhan untuk memberikan dia dan

isterinya seorang anak lelaki. Bagaimanapun, beberapa tahun kebelakangan, dia telah berhenti mengucapkan doa tersebut. Kelihatannya masuk akal untuk berdoa meminta anak pada waktu dia dan isterinya masih muda. Pada peringkat itu dia merasa bahawa alam semulajadi masih boleh menggerakkan mekanisme tubuh Elisabet. Tetapi sekarang, mereka berdua sudah tua dan uzur. Mendapatkan anak pada peringkat umur begitu bererti menterbalikkan semua proses alam semulajadi dalam hal penuaan dan mencipta semula semua mekanisme kehidupan. Dia merasa bahawa hal itu aneh, dan tidak masuk akal untuk mengharapkan hal seperti itu berlaku. Lagipun, perkara itu memang mustahil terjadi.

Oleh sebab itu, apabila malaikat memberitahu dia bahawa doanya selama beberapa tahun lalu akan dijawab, dia tidak bersedia untuk mempercayainya. Dia memberitahu Gabriel bahawa dia tidak dapat diyakinkan oleh kata-kata malaikat yang mengatakan mukjizat seperti itu akan berlaku. Setelah malaikat itu menyampaikan berita tersebut, Zakharia menjawab, *"Bagaimana aku boleh tahu bahawa perkara ini akan berlaku?"* (Lukas 1.18). Tentu saja dia mengatakannya dengan sopan, tetapi dia mengucapkannya. Dia jujur dan tidak berpura-pura percaya pada apa yang dikatakan oleh malaikat, hanya kerana malaikat mengatakannya.

Pada saat itu, Gabriel membuatnya bisu. Memang pun kurang ajar untuk mempersoalkan kata-kata daripada utusan Tuhan yang begitu mulia. Tetapi bukan sahaja kurang ajar melainkan bodoh juga. Pada satu pihak dia mengaku percaya kepada Tuhan, Pencipta dan sumber serta pereka semua proses alam semulajadi. Tetapi pada pihak lain, dia mengaku tidak percaya bahawa Tuhan boleh menterbalikkan mekanisme yang Dia sendiri cipta, atau membaharui proses yang Dia sendiri telah reka. Kelihatannya, Dia berpuas hati dengan bekerja dalam batasan proses yang telah direka-Nya kerana kalau tidak, maka Dia tidak boleh dipercayai, menurut pendapat Zakharia. Sekiranya Zakharia merasa seperti itu, maka dia jujur untuk berkata demikian. Tetapi pasti dia bukan mengambil pendirian tidak percaya itu kerana didesak oleh logik yang tidak henti-henti.

Ketidakpercayaannya boleh masuk akal. Pengumuman tiba-tiba oleh malaikat itu, rupanya telah mengena pada titik kelemahannya dalam iman dan juga fikirannya, dan telah menembusi sampai kepada ketidakpercayaan yang sedia ada dalam sifat manusia yang berdosa.

MUSTAHIL ATAU TIDAK MUNGKIN?

Tetapi mungkin kita tidak begitu adil terhadap Zakharia. Mungkinkah kesukarannya itu bukan kerana berfikir bahawa mukjizat itu memang mustahil, tetapi mukjizat seperti itu tidak mungkin berlaku kepadanya? Lagipun, mukjizat menurut takrif sangat jarang berlaku. Kemungkinan mukjizat tidak berlaku kepada orang tertentu pada suatu masa, dan bukan sama sekali mustahil berlaku. Inilah yang membuat orang meragukannya.

Namun, malaikat telah mempersiapkan Zakharia dengan begitu teliti melalui penjelasan latar belakang mukjizat ini: ia akan dilakukan, bukan untuk memuaskan cita-cita Zakharia atau menguatkan pengabdian hidup peribadinya, tetapi untuk menyambut suatu peristiwa yang unik seperti Pencipta sendiri—kemasukan ke dalam dunia yang dicipta oleh Pencipta itu Sendiri. Lagipun, firman daripada Perjanjian Lama yang diketahui dan diakui oleh Zakharia sebagai Firman Tuhan, jelas menunjukkan bahawa peristiwa yang penting ini akan didahului dan disediakan oleh saksi nabi yang sangat unik dan mengagumkan. Ketika menyampaikan pengumuman ini, malaikat itu secara khusus telah menarik perhatian Zakharia kepada nubuat-nubuat itu.

Sekiranya Zakharia telah membantah malaikat dan dia sangat sukar percaya bahawa dia dan isterinya dipilih untuk memainkan peranan kecil dalam peristiwa yang hebat ini, mungkin juga kita memuji kerendahan hatinya yang salih—walaupun ketidakpercayaan terhadap kata-kata malaikat tidak sesuai dengan kesalihan. Tetapi Zakharia bukan asyik memikirkan betapa tipisnya kemungkinan bagi dia dipilih untuk jabatan yang tinggi seperti itu. Tetapi secara fizikal perkara itu mustahil berlaku, menurut pemahamannya dengan kata-kata malaikat itu: *Bagaimana aku boleh tahu bahawa perkara ini akan berlaku?*

Aku sudah tua dan isteriku pun sudah tua (Lukas 1.18). Oleh sebab tidak percaya berdasarkan perkara itu, dia telah dijadikan bisu.

Pada hari ini apabila malaikat menampakkan diri kepada Zakharia di dalam rumah Tuhan, dia bukan berdoa untuk keperluannya sendiri sahaja. Segenap orang ramai pun berdoa di luar ruang suci itu sementara Zakharia dianggap mewakili mereka di bahagian dalam. Dalam kesederhanaan mereka, mungkin mereka tidak pernah bermimpi bahawa di dalam hati imam profesional mereka, terdapat sesuatu yang tidak percaya dan mengejek doa. Sekiranya Tuhan hanya terbatas untuk melakukan hal-hal yang boleh dilakukan oleh alam semulajadi, maka apakah ertinya meminta Tuhan melakukan apa-apa? Jika kita memohon kepada-Nya supaya campur tangan dalam pergerakan alam semulajadi dan melakukan sesuatu yang biasanya tidak dibuat oleh alam semulajadi sendiri, atau tidak dapat lakukan, hal ini bererti meminta Dia untuk melakukan mukjizat. Tetapi jika anda tidak percaya bahawa Dia boleh melakukan mukjizat, mengapa pula memohon kepada-Nya untuk berbuat demikian?

Sesuilah bagi malaikat untuk membuat Zakharia bisu— itulah kali terakhir dia dapat mengucapkan doa di khalayak ramai untuk sementara waktu. Lagipun, ketika dia pergi ke luar untuk memberkati orang ramai yang sedang menantikan dia, dia tidak dapat berkata-kata kepada mereka. Tetapi seorang imam yang tidak percaya pada mukjizat memang pun tidak mempunyai berita untuk umat itu, dan tentu sekali tiada berita baik. Jika Tuhan tidak dapat memulihkan tubuh seorang wanita tua, apakah harapannya Dia dapat memulihkan seluruh alam semesta? Jika Tuhan tidak dapat memulihkan tubuh yang tua dan uzur tetapi masih hidup, bagaimana mungkin Dia dapat membangkitkan dari kubur jenazah yang sudah mati selama tiga hari? Dan jika Kristus tidak bangkit daripada kematian, maka tiadalah berita baik untuk dihutbahkan, dan masa depan tidak mempunyai apa-apa harapan kecuali kesunyian yang tidak dapat dipecahkan di dalam kubur sejagat.

KELAHIRAN DARIPADA PERAWAN

Pembacaan: Lukas 1.24-56

Pada waktu Gabriel memberitahu Zakharia bahawa dia dan isterinya akan mendapat seorang anak lelaki, dan Zakharia menjawab, *Bagaimana aku boleh tahu bahawa perkara ini akan berlaku?* (Lukas 1.18) dia menjadi bisu. Apabila Gabriel memberitahu Maria bahawa dia akan melahirkan seorang anak, dan dia menjawab, *Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku?* Dia tidak menjadi bisu. Sebabnya jelas: soalnya, meskipun ada persamaan secara luaran dengan dengan soalan Zakharia, sebenarnya berbeza dan timbul daripada sikap yang sangat berlainan. Zakharia meragukan kata-kata malaikat. Oleh sebab itu dia bertanya bagaimana dia boleh tahu bahawa perkara itu benar. Maria percaya pada kata-kata malaikat itu, dan hanya bertanya bagaimana caranya ia dipenuhi. Zakharia asyik memikirkan kesukaran secara fizikal. Dia dan isterinya sudah tua. Bagaimana mungkin mereka boleh mendapatkan anak? Kesukaran Maria pun fizikal juga pada satu pihak, tetapi lebih bersifat moral: “Saya belum berkahwin,” katanya, “bagaimana mungkin saya dapat mempunyai anak?” Mendapatkan anak di luar nikah adalah sesuatu yang sama sekali tidak boleh baginya, bukan kerana ini memerlukan mukjizat, kerana mukjizat tidak diperlukan. Tetapi satu-satunya cara dia mengetahui hal itu boleh berlaku adalah dengan cara yang tidak bermoral.

Adakah pengumuman malaikat itu merupakan perintah untuk berkahwin? Lagipun dia sudah bertunang dengan Yusuf, maka apa lagi yang paling alamiah daripada mempercepatkan perkahwinannya? Jawapan Gabriel pasti telah mengejutkan dia. Pada waktu dia mula-mula menyapa Maria, Maria gelisah mendengar kata-kata sapaannya. Nubuat tentang keagungan

Anaknya kelak hanya menambahkan rasa hairannya. Tetapi apabila diberitahu bahawa dia akan mengandung seorang anak sebelum dia berkahwin kerana campur tangan langsung daripada Roh Kudus, ini pasti membuat dia sangat hairan. Pada pihak lain, ada keistimewaan kerana dia dipilih sebagai saluran Pewujudan. Tetapi pada masa yang sama terdapat kemungkinan besar bahawa dia tidak akan dipercayai, bahkan oleh kawan-kawan karibnya, dan dia harus hidup di bawah awan kesangsian.

Jawapan segera yang lembut daripadanya adalah: *Aku hamba Tuhan; biarlah berlaku kepadaku seperti yang engkau katakan*, (Lukas 1.38) menunjukkan kekayaan rahmat ilahi yang dianugerahkan kepadanya. Tetapi kita tidak perlu berfikir bahawa Maria tidak melihat pada perkara yang nyata. Dalam masyarakat Yahudi, jika seorang gadis mengandung sebelum berkahwin oleh sebab hubungan dengan seorang lelaki yang bukan tunangnya, perbuatan itu dianggap ketidaksabaran orang muda semata-mata, dan bukan perbuatan zina. Kita tahu bagaimana reaksi kita sendiri jika ada seorang gadis dalam keadaan ini cuba menerangkan tentang lawatan malaikat dan campur tangan ilahi! Perkara yang lebih relevan adalah kita tahu daripada cerita Matius, apa pendapat tunang Maria tentang ceritanya. Meskipun dia mengasihinya, dia mendapati ceritanya sukar diterima.

Sejumlah orang berkata bahawa seolah-olah orang Kristian awal bersedia dalam semangat keagamaan mereka untuk percaya apa pun cerita asalkan ia dipenuhi oleh hal-hal yang salih dan mukjizat. Mereka lupa, sekiranya mereka pernah tahu, bahawa dalam kalangan orang beragama, orang miskin dan yang tidak berpendidikan cenderung memperhatikan tuntutan moral agama mereka dengan lebih serius. Mereka biasa menerima kuasa hukum tanpa persoalan dan mereka belum membiasakan diri dengan alasan yang diberikan oleh orang kaya dan berpendidikan atau bahkan membenarkan penyimpangan daripada norma-norma tatasusila.

Yusuf seorang tukang kayu kampung dan seorang yang salih. Dia bukan sahaja tidak dipercayai cerita Maria tetapi dia *berniat memutuskan pertunangan itu secara diam-diam*, (Matius 1.19) maksudnya, dia tidak mahu mengahwininya. Mungkin

Maria telah nampak perkara itu bakal berlaku. Pada saat Gabriel memberikan pengumuman itu, naluri pasti telah memberikan bayangan kepadanya tentang reaksi orang terhadapnya nanti. Bukan sahaja daripada Yusuf tetapi daripada orang ramai. Naluri tersebut menjadi kenyataan. Kemudian, dalam pelayanan Tuhan kita, orang-orang yang menentang Dia masih mencemuh Dia kerana lahir di luar nikah. *Kami bukan anak haram*, kata mereka (Yohanes 8.41).

KEBANGKITAN

Jika pada mulanya Yusuf tidak mempercayai ceritanya, apakah bukti yang membuat kita berfikir bahawa ia benar? Terdapat bukti yang sangat jelas. Bagi kita kebangkitan Anak Maria daripada kematian melenyapkan keraguan tentang cerita Maria berkaitan dengan kelahiran-Nya. Mustahil dapat mempercayai kebangkitan Kristus tetapi tidak pula menerima ketuhanan-Nya. Memang aneh untuk menerima ketuhanan-Nya namun berfikir bahawa wanita yang dipilih oleh Tuhan untuk menjadi saluran Pewujudan itu tersilap dalam ceritanya tentang bagaimana peristiwa ilahi itu berlaku. Tidak mungkin dia sengaja mereka-reka cerita khayalannya sendiri.

Apabila soalan tentang bukti ketuhanan Kristus timbul, para Rasul dalam khutbah mereka, selalu menyebut tentang Kebangkitan dan mereka menawarkan diri sebagai saksi, dan bukti ini boleh diteliti dan disiasat. Mereka tidak menyebut Kelahiran Daripada Perawan sebagai bukti, bukan kerana mereka tidak mempercayainya seperti yang dicadangkan oleh beberapa orang yang berfikiran sempit, tetapi kerana Maria, satu-satunya saksi terhadap perkara yang berlaku, tidak dapat disiasat untuk perkara yang sangat peribadi. Kita yang percaya melalui kesaksian para Rasul, percaya pada Kelahiran Daripada Perawan kerana pertama-tama kita percaya pada Kebangkitan dan Ketuhanan Kristus. Kepercayaan kita pada Ketuhanan Kristus tidak disebabkan oleh kepercayaan pada Kelahiran Daripada Perawan pada mulanya.

Lagipun, semasa kita memikirkan kesaksian para Rasul,

maka sesuai juga untuk memperhatikan bantahan terhadap kesahihan sejarah Kelahiran Daripada Perawan. Kadangkala bantahan ini didasarkan pada ungkapan Paulus di dalam Suratnya kepada Galatia fasal 4. Di situ dia menggambarkan Kristus sebagai *dilahirkan oleh seorang wanita* (ayat 4). Menurut dakwaan beberapa orang, hal ini menunjukkan bahawa Paulus menganggap kelahiran Kristus sebagai sesuatu yang tidak luar biasa. Dia telah dilahirkan oleh seorang wanita seperti orang lain. Oleh itu, mereka membuat kesimpulan bahawa Paulus tidak percaya pada Kelahiran Daripada Perawan.

Mungkin kita boleh terima alasan mereka, walaupun kita menolak kesimpulan mereka. Unsur mukjizat tentang cara Tuhan kita masuk ke dunia kita tidak terletak pada cara Dia dilahirkan, melainkan pada peringkat penghamilan. Kelahiran-Nya dianggap berlaku menurut proses biasa. Perkara ini pun bukan sesuatu yang terlalu sukar difahami. Apabila Paulus menegaskan bahawa kelahiran Kristus adalah sama seperti kelahiran orang lain daripada seorang wanita, dia bertujuan menunjukkan bahawa kehadiran Kristus di dalam dunia kita bukan suatu teofani atau khayalan, melainkan Pewujudan yang sejati. Paulus tidak bermaksud menafikan dengan implikasi sekalipun, bahawa penghamilan itu suatu mukjizat. Logikanya tidak benar untuk mengandaikan bahawa alasan “kelahiran biasa” menuntut kesimpulan “penghamilan biasa.”

MANUSIA SEJATI

Tetapi pada peringkat ini kita berhadapan dengan bantahan yang lebih serius. Terdapat orang yang berkeras bahawa teologi selanjutnya di dalam Perjanjian Baru membuatnya mustahil bagi kita untuk percaya dalam Kelahiran Daripada Perawan. Mereka tunjukkan bahawa Perjanjian Baru menegaskan bahawa Kristus ialah manusia sejati: *Dia harus menjadi seperti saudara-saudara-Nya dalam segala hal* (Ibrani 2.17). Oleh itu, mereka berhujah bahawa jika kelahiran Kristus adalah istimewa atau mukjizat, maka Kristus bukan manusia yang sama dengan kita. Mereka mendesak bahawa itu merupakan penafian terhadap sifat

manusia-Nya yang sebenar, dan dengan itu menjadi suatu ajaran sesat yang serius.

Jawapan ini cukup untuk membalas bantahan tersebut. Ia menunjukkan bahawa Paulus sendiri, dalam bahagian yang sangat terkenal, memberikan hujah bahawa Kristus, walaupun manusia sejati, merupakan manusia yang berbeza dengan Adam. Dia berlainan daripada sifat Adam dalam keadaannya yang sudah jatuh: maka tertulis juga bahawa, *Adam, manusia pertama itu diciptakan sebagai makhluk hidup, tetapi Adam yang terakhir itu Roh yang memberikan hidup* (1 Korintus 15.45). Ini bukan tempatnya untuk cuba menjelaskan sesuatu yang Perjanjian Baru sendiri tidak cuba terangkan, iaitu bagaimana Kristus menjadi Tuhan dan juga manusia. Tetapi memang benar untuk mengatakan bahawa sementara Perjanjian Baru menegaskan Kristus ialah manusia sejati, tidak dikatakan di mana-mana bahawa Dia hanya Manusia semata-mata. Oleh itu, cerita Mukjizat Penghamilan tidak bercanggah dengan kenyataan Perjanjian Baru tentang sifat manusia Kristus yang sejati.

KISAH YANG TERPERINCI

Tetapi kembali kepada catatan Lukas tentang Kelahiran Daripada Perawan. Apabila kita berkata bahawa kita mempercayainya kerana kita mula-mula percaya pada Kebangkitan dan Ketuhanan Kristus, ini tidak bererti bahawa cerita tentang Kelahiran Daripada Perawan itu sendiri hanya merupakan ungkapan puitis iman Gereja dalam keagungan Kristus dan bukan peristiwa bersejarah. Perhatikan, misalnya, butir-butir berdasarkan keadaan yang diberikan di dalam cerita tersebut:

Tidak lama kemudian Elisabet, isterinya mengandung, dan dia tidak keluar dari rumah selama lima bulan. . . Setelah Elisabet mengandung enam bulan, Allah mengutus malaikat Gabriel ke Nasaret, sebuah kota di negeri Galilea. . . . Tidak lama kemudian, Maria segera berangkat . . . Dia pergi ke rumah . . . Elisabet . . . Maria tinggal dengan Elisabet kira-kira tiga bulan lamanya, lalu pulang ke rumah. Apabila tiba masanya

Elisabet bersalin, dia melahirkan seorang anak lelaki.

Perincian tentang masa beberapa tahap dalam cerita itu berlaku merupakan cara yang sangat biasa disebut oleh seseorang yang menjadi pelaku utama dalam peristiwa tadi. Pada waktu emosi naik, maka butir-butir tentang masa dan tempat melekat dalam ingatan orang yang melalui pengalaman tersebut. Biasanya butir-butir itu diulang-ulang bila saja cerita itu disampaikan. Tetapi lebih daripada itu: apabila disebut tentang penghamilan dan kelahiran anak-anak, satu perkara yang seorang wanita nampak secara naluri dan ingat dengan jelas adalah masa peristiwa itu berlaku.

Lukas menyatakan di bahagian pendahuluan (1.1-2) bahawa ceritanya berdasarkan cerita daripada saksi-saksi. Ini mesti bererti dia membuat dakwaan bahawa dia mendapatkan cerita tentang Kelahiran Daripada Perawan itu daripada Maria sendiri. Butir-butir tentang masa adalah yang kita harapkan ada jika ini memang cerita Maria sendiri. Jika ia hanya merupakan puisi untuk mengatakan bahawa Kristus ialah Peribadi yang istimewa, maka perincian itu tidak perlu, dan kita tidak mengharapkan butir-butir yang sangat terperinci dan tepat.

Sebaliknya, perhatikan implikasinya, sekiranya cerita itu bukan sejarah melainkan mitos semata-mata, seperti dakwaan beberapa orang. Lukas menitikberatkan satu perkara penting apabila dia mendakwa bahawa cerita-ceritanya diambil daripada saksi-saksi. Sekiranya cerita pertama yang disampaikannya selepas membuat dakwaan ini dengan begitu bersemangat, tidak pula diambil daripada cerita saksi melainkan suatu mitos semata-mata, maka Lukas bersalah kerana memberikan kenyataan palsu. Sekiranya ditambah lagi bahawa dia telah berusaha sedaya upaya untuk menambahkan butir-butir masa berdasarkan keadaan untuk membuat mitos itu kelihatan suatu peristiwa bersejarah sedangkan ia bukan, maka tiada kasuistri sarjana dapat menyelamatkan dia daripada dakwaan untuk menipu dengan sengaja.

LEBIH BANYAK BUKTI

Bagaimanapun, butir-butir tentang masa bukan hanya

menunjuk kepada Maria sebagai sumber cerita itu, tetapi ia memberikan bukti kebenarannya secara tidak langsung. Kita diberitahu bahawa Maria tinggal dengan Elisabet selama kira-kira tiga bulan sebelum kelahiran anak Elisabet. Tiga bulan dalam konteks ini mesti sekurang-kurangnya lebih dekat dengan tiga bulan daripada dua bulan, dan kandungan Elisabet sudah dalam bulan keenam ketika Gabriel menampakkan diri kepada Maria. Hal ini menunjukkan kepada kita bahawa Maria pasti telah pergi melawat Elisabet dan memberitahu dia tentang pengumuman malaikat sebaik sahaja itu berlaku, iaitu sebelum dia mempunyai bukti fizikal bahawa dia akan melahirkan seorang anak. Sekiranya dia telah menunggu sehingga ada bukti fizikal yang memaksa dia memberikan penjelasan tentang perkara yang dia tidak dapat sembunyikan lagi, mungkin prasangka akan timbul terhadap ceritanya.

Pada waktu Semele dalam legenda Yunani, melahirkan seorang anak sebelum dia berkahwin, ibu bapanya, menurut cerita Euripidis (*Bacchae* 26-42, 333-334) mereka-reka serta menceritakan kisah bahawa Semele telah dilawati oleh dewa. Hal itu dibuat untuk menyelamatkan nama keluarga, walaupun saudara-saudaranya perempuan tidak pernah mempercayai cerita itu.

Tetapi tiada perkara yang seperti itu dalam cerita Maria. Buktinya terhampar di hadapan kita. Dia tidak mereka-reka cerita selepas bukti fizikal kehamilan mendesaknya untuk cuba mendapatkan beberapa penjelasan. Jika hal itu demikian, maka mustahil untuk membayangkan sebab lain dia mereka-reka ceritanya. Dia menceritakan kisahnya kerana peristiwa itu benar-benar berlaku.

Semele dan dunia purba mitos disebut di sini untuk mengandaikan bahawa inilah tempatnya untuk menjawab satu lagi bantahan yang sering diajukan terhadap kebenaran sejarah Kelahiran Daripada Perawan. Bantahan ini diberikan oleh golongan orang yang kononnya terpelajar, yang tahu bahawa mitos-mitos pagan purba penuh dengan cerita perawan yang dianggap mempunyai anak bersama dengan ilah-ilah dan dewa-dewa. Berdasarkan perkara ini, mereka terus mengambil

kesimpulan bahawa Kelahiran Daripada Perawan pun satu lagi cerita mitos jenis ini, dan mereka menganggap bahawa cerita itu dianggap benar oleh orang Kristian awal kerana mereka hidup dalam dunia yang dipenuhi oleh orang yang membayangkan kewujudan ramai dewa dan dewi.

Mereka seolah-olah terlepas pandang bahawa orang Kristian yang mula-mula adalah orang Yahudi. Walaupun mereka tinggal di dunia orang pagan, mereka sendiri sangat kuat dalam kepercayaan monoteis. Menurut kepercayaan mereka, satu-satunya golongan manusia luar biasa yang boleh melakukan hubungan seksual dengan manusia perempuan adalah roh-roh jahat (rujuk Kejadian 6.4; Yudas 6-7). Lagipun, walaupun Lukas sendiri bukan orang Yahudi, dalam tulisannya dia mengecam dengan kuat, sama seperti orang Yahudi yang lain, kebodohan kepercayaan pagan tentang penyembahan banyak tuhan (rujuk Kisah Rasul 14.11-18). Oleh sebab itu, memang tidak munasabah untuk mencadangkan bahawa cerita Kelahiran Daripada Perawan mempunyai hubungan sedikit pun dengan mitos politeis yang berlaku di dunia pagan pada masa itu. Beberapa orang Kristian awal menceritakan hal seperti itu.

NUBUAT PERJANJIAN LAMA

Terdapat lagi bantahan yang lebih kuat yang sering diajukan oleh golongan sarjana moden terhadap kebenaran sejarah Kelahiran Daripada Perawan. Mereka mempertahankan bahawa permulaan cerita itu adalah seperti berikut. Orang Kristian awal menemukan dalam tulisan nabi Yesaya, terjemahan Yunani Septuaginta, suatu nubuat yang menyatakan bahawa seorang anak dara akan mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Oleh sebab mereka percaya bahawa setiap nubuat di dalam Perjanjian Lama yang nampaknya boleh dipercayai dapat diterapkan pada Mesias mesti ditepati dalam hidup Kristus, maka mereka membuat-buat cerita Kelahiran Daripada Perawan untuk menunjukkan bahawa Dia telah menepati nubuat ini juga. Dan untuk menguatkan lagi perkara ini, mereka menambahkan bahawa orang Kristian yang melakukan hal ini tertangkap dalam usaha

mereka untuk membuat-buatnya kerana perkataan “Perawan” di dalam versi bahasa Yunani adalah terjemahan yang salah bagi perkataan Ibrani asli, yang menyatakan bukan seorang perawan tetapi hanya seorang perempuan muda.

Kita akan melepasi gambaran salah yang sengaja diberi, meskipun dengan niat baik, dan orang Kristian awal dituduh berbuat begitu. Walaupun ini adalah perkara serius yang tidak dapat diterima oleh kasuistri sarjana, dan kita akan dihadapkan dengan dua pertimbangan yang saling berkaitan. Sekiranya tujuan utama untuk mereka-reka cerita itu adalah untuk menunjukkan bahawa Kristus telah menepati nubuat Yesaya, bagaimana mungkin Lukas dapat menyampaikan seluruh cerita itu dengan sangat terperinci tanpa menyebut nubuat itu?

Kedua, Matius yang menjadi satu-satunya penulis kitab Perjanjian Baru yang menyebut tentang nubuat tersebut memberikan urutan peristiwa seperti berikut: pertama kali Yusuf mendengar tentang hal Kelahiran Daripada Perawan itu adalah ketika dia ditemui oleh gadis yang dia hendak kahwin dan yang menjadi tunangnya, telah dihamilkan oleh orang lain. Maria cuba memberitahu Yusuf bahawa perkara itu adalah sesuatu yang luar biasa, penghamilan perawan, tetapi Yusuf menolak seluruh cerita itu sebagai sesuatu yang tidak masuk akal dan mengambil keputusan untuk memutuskan pertunangan mereka. Tetapi malaikat menampakkan diri kepadanya dan meyakinkan dia bahawa semua kejadian itu memang mukjizat daripada Tuhan. Hanya selepas itu, orang Kristian awal termasuk Yusuf, mendapat pengesahan tentang perkhabaran malaikat di dalam nubuat Perjanjian Lama tentang kelahiran perawan.

Sekiranya Yusuf mengetahui nubuat ini sejak permulaan dan mengharapkan penepatannya, tentu dia tidak menolak seluruh cerita Maria dan mengambil keputusan untuk memutuskan pertunangan mereka. Oleh sebab itu, jika pengkritik Matius adalah betul, Matius bukan sahaja mereka-reka suatu cerita khalayan dan menyampaikannya seolah-olah sebagai sejarah benar agar dia dapat membuat kenyataan palsu bahawa Kelahiran Kristus telah menepati nubuat tentang kelahiran daripada perawan. Tetapi sama seperti pencuri yang mahir, dia telah cuba

menutupi jejaknya dan menyesatkan para pembaca tentang punca sebenar ceritanya dengan membuat-buat bahawa Yusuf dan orang Kristian awal tidak tahu nubuat itu sehingga penghamilan perawan itu telah terjadi. Dengan mengatakan bahawa seorang Rasul yang suci ialah pembohong yang sengaja berbuat demikian, maka itulah harga tinggi yang harus dibayar untuk mengelak kepercayaan pada mukjizat Kelahiran Daripada Perawan.

Sekarang, seolah-olah kita belum cukup dengan pandangan yang aneh, kita mesti perhatikan satu lagi cubaan untuk menolak penerimaan literal akan Kelahiran Daripada Perawan. Beberapa orang mengingatkan kita bahawa para rabbi Yahudi biasa berkata, “Terdapat tiga rakan dalam penghasilan manusia: yang Maha Suci, diberikatalah dia, bapa dan ibu” (rujuk Niddah 31A). Lalu kita diminta untuk percaya bahawa ketika orang Kristian awal mendakwa Roh Kudus yang menyebabkan kelahiran Kristus, sebenarnya mereka tidak bermaksud lebih daripada apa yang dikatakan oleh para rabbi tersebut. Tetapi malangnya, orang Kristian pada kemudian hari salah faham dan berfikir bahawa maksud mereka adalah Anak Maria mempunyai Bapa ilahi tetapi bukan bapa manusia.

Oleh itu, berdasarkan pandangan ini, seluruh cerita tentang kelahiran mukjizat Kristus boleh dan seharusnya, dilihat sebagai satu dakwaan. Ini dinyatakan oleh semangat tinggi orang-orang Kristian awal yang mendakwa kelahiran Kristus tidak mempunyai apa-apa yang istimewa atau menakjubkan yang tidak sama dengan kelahiran orang lain. Lalu orang akan tertanya-tanya mengapa pula mereka berusaha membuat dakwaan tersebut. Jika ketidakpercayaan pada mukjizat melibatkan cerita yang direka-reka untuk menafikan Kelahiran Daripada Perawan, maka kesimpulannya secara intelek adalah ketidakpercayaan itu lebih sukar berbanding iman.